

"BETA penuh yakin, bahawa apa yang telah dirintis oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah jalan yang betul serta sesuai untuk diikuti dan ditiru oleh manusia di semua peringkat zaman." - Titah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1418 Hijrah/17 Julai 1997.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DEMI sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keridaan Allah dan balasan baik pada Hari Akhirat dan mengingat Allah (dalam susah dan senang)." - Surah Al-Ahzab ayat 21.

TAHUN 50 BILANGAN 16

RABU 20 APRIL 2005/1426 رابو 11 ربيع الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berangkat melawat Daerah Tutong

Oleh
Jaafar Ibrahim dan
Sukri Hidayat
jaafar.ibrahim@infor-
mation.gov.bn

TUTONG, 13 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Daerah Tutong hari ini.

Keberangkatan selama empat jam itu meliputi lawatan ke Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Penjara Maraburong dan ke Sekolah Rendah Keriam, Bukit Pangkal dan Sinaut. Di samping itu, baginda juga melawat ke Balai Raya, kedai dan bengkel di Kampung Keriam.

Sesungguhnya, keberangkatan itu jelas menunjukkan betapa baginda amat prihatin dan sangat mengambil perhatian yang serius agar jentera kerajaan berjalan dengan efisien, lancar dan efektif bagi kepentingan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Setiap kali keberangkatan, baginda sentiasa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra bersama seorang warga emas semasa keberangkatan lawatan tidak berjadual ke Daerah Tutong pada 13 April lalu.

menumpu dan mengutamakan pendidikan di negara ini. Dengan meninjau sendiri, baginda akan

mendapat gambaran yang jelas mengenai perkembangan dan pencapaian serta masalah yang di-

hadapi oleh sesebuah sekolah.

Lihat muka 7

Komited perolehi kejayaan

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, 14 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah bersabda menyeru semua graduan, jururawat dan bidan di negara ini supaya akan lebih melengkapkan diri dengan bersikap positif, terbuka, pemedulian, jujur, amanah dan tulus ikhlas serta penuh komited dalam memperolehi kejayaan seterusnya di masa-masa yang akan datang.

Jururawat dan bidan pada hari ini, sabda Yang Teramat Mulia, perlu giat memandang ke hadapan di dalam memikirkan persiapan untuk sebarang kemungkinan dan cabaran yang akan datang.

Untuk itu setiap jururawat dan bidan hendaklah dilengkapkan dengan minda atau 'mindset' yang sentiasa kuat berfikir atau mencari jalan untuk membuat perubahan atau pembaharuan khususnya pada meningkatkan penyampaian

perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Selain dari itu sabda Yang Teramat Mulia sistem pembelajaran juga memainkan peranan penting dalam penyediaan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kuat.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah bersabda demikian di Konvokesyen Ke-11 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Saya telah difahamkan, bahawa ada terdapat kurikulum kejururawatan di luar negeri yang menggunakan sesi 'critical thinking' dan kaedah mengajar melalui 'problem base learning' untuk menggalakkan corak pemikiran pelajar yang lebih cergas dan proaktif," sabda Yang Teramat Mulia.

Lihat muka 7

Menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato Paduka Seri Haji Mohd. Zahidi Haji Zainuddin yang akan bersara. Istiadat berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia berada di negara ini selama tiga hari. Di Istiadat Mengadap itu Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Ali.

Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi;

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima cenderamata yang disumbangkan oleh Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato Paduka Seri Haji Mohd. Zahidi Haji Zainuddin di Istana Nurul Iman.

Keluarga
Bahagia
Hidup
Berjasa

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan :
Belia perlu proaktif,
kaya dengan wawasan
- Muka 2

Gambar-gambar sekitar lawatan Kebawah DYMM ke Daerah Tutong
- Muka 8 dan 9

Keberangkatan DPMM ke Mukim Labu dan Bangar
- Muka 4 dan 5

Laporan Sukan Perpaduan Negara-negara Islam
- Muka 11, 12, 13 dan 14

Menjana Kesihatan Biskita:
Kepentingan Gigi
- Muka 8 ANEKA

Sari Pembangunan Sopan Santun Tingkatkan Imej Perkhidmatan Awam
- Muka 9 ANEKA

TAHUKAH AWDA

REPUBLIK Indonesia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Konferensi Asia Afrika (KAA) yang akan diadakan di Balai Sidang Jakarta (JCC) pada 22 - 23 April diikuti Peringatan 50 Tahun Konferensi Asia Afrika pada 24 April 2005 di Bandung. Persidangan itu bertema 'Menggelorakan Kembali Semangat Bandung Melalui Kemitraan Strategis Asia Afrika' (Reinvigorating The Bandung Spirit : Working Towards A New Asian - African Strategic Partnership) dan dijangka menghasilkan 'Declaration On The New Asian African Strategic Partnership (NAASP)'. Konferensi Asia Afrika (KAA) di Bandung pada 24 April 1955 melahirkan Dasa Sila Bandung (The Ten Principles of Bandung) yang antara lain menghormati persamaan hak dan derajat, tidak campur tangan, menghormati kedaulatan dan integriti wilayah semua negara, penyelesaian sengketa secara damai, menjunjung tinggi keadilan dan kewajiban antarabangsa serta meningkatkan kepentingan dan kerjasama. - Sumber : www.asianfricansummit2005.org/history.htm; www.kompas.com/metro/news/050416/162550.htm; www.kompas.com/kompas%2Dcetak/0504/03/16/58796.htm.



دشن نام الله يغمرها
لموره دان مها فبايع

Dari Sidang Pengarang

20 APRIL 2005 BERSAMAAN 1426 ربيع الأول 11

TAHAP KESIHATAN TERUS MANTAP, MENINGKAT

DASAR kesihatan negara yang diamalkan selama ini telah mendapat pujian dan pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pujian itu adalah hasil daripada peningkatan kesihatan negara yang membolehkan rakyat dan penduduk negara ini menikmati tahap kesihatan yang tinggi sebanding dengan negara-negara maju. Brunei telah bebas daripada malaria dan penyakit-penyakit berjangkit. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan diberikan secara percuma dan menyeluruh hingga ke kawasan pedalaman.

Pujian itu bukan retorik semata-mata tetapi telah kita buktikan kepada pertubuhan antarabangsa itu. Dalam meyakinkan WHO, negara merancang pelbagai program kesihatan yang menjurus kepada peningkatan tahap kualiti kesihatan. Bagi jangka panjang peningkatan penjagaan kesihatan asasi di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah melancarkan Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara bermula 2000 hingga 2010. Penjagaan seumpama itu telah terbukti lebih berkesan dari segi penggunaan sumber dan terhadap kesihatan penduduk umumnya melalui kajian-kajian yang telah dijalankan.

Walaupun bagaimanapun, kini kita berdepan dengan penyakit 'modern' yang lebih merbahaya dan membunuh secara senyap. Penyakit-penyakit kronik telah muncul di tengah-tengah kehidupan kita seperti penyakit jantung koronari, buah pinggang, barah dan lain-lain termasuk yang dikatakan berpunca daripada tabiat merokok dan hidup sihat yang tidak seimbang. Obesiti terus berlaku di kalangan kanak-kanak. Ke arah itu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dalam menangani fenomena berkenaan dari terus berleluasa menyeru rakyat agar mengamalkan hidup yang sihat, makan makanan yang seimbang dan mengamalkan sukan dan berjoging.

Alhamdulillah melalui kepekaan kerajaan, tahap perkhidmatan kesihatan termasuk kejururawatan diberi perhatian serius. Penubuhan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah sejak 1986 yang merupakan institusi pendidikan kejururawatan kini telah dapat melahirkan ribuan jururawat tempatan mahir yang berkhidmat di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di negara ini. Kemajuan yang dicapai oleh maktab ini dalam masa 18 tahun begitu menyerlah sekali sehingga terkenal sebagai sebuah institusi kejururawatan yang unggul di Brunei. Selain itu, maktab berkenaan bukan sahaja melahirkan jururawat berkelayakan tetapi dalam waktu yang sama telah dapat menjalin hubungan dengan institusi-institusi dan badan-badan ternama antarabangsa dalam bidang kejururawatan.

Namun apa yang diharapkan, kita jangan berbangga atas nama saja, tetapi yang penting merealisasikan ke arah peningkatan tahap kesihatan di negara ini. Dalam erti kata yang lain para jururawat memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kejururawatan di negara ini lebih-lebih lagi terhadap pesakit. Ini bertepatan dengan sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah baru-baru ini agar jururawat dan badan haruslah sentiasa peka dan melengkapkan diri dengan teori dan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas di dalam dan di luar hospital.

Ini menuntut supaya setiap jururawat perlu dari sekarang mengubah paradigma, bersiap siaga, dinamik dan proaktif dalam menghadapi perkembangan perubahan yang terdapat dalam profesion kejururawatan dan perbidanan zaman siber ini. Perkembangan ICT banyak memberikan manfaat termasuk di bidang perubatan dan kesihatan. Ke arah itu, mereka amat mustahak menggunakan teknologi canggih ini dalam kejururawatan. Mereka juga perlu bersedia mengikuti perkembangan semasa profesion kejururawatan dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan. Dalam pada itu, mereka juga mustahak lagi agar para graduan jururawat meneroka dan mendapatkan pekerjaan bukan semata-mata dalam perkhidmatan kerajaan tetapi juga berkhidmat di sektor swasta ataupun di luar negara.

Yang jelas dasar kesihatan negara kini terbukti melahirkan rakyat dan penduduk yang sihat sekali gus dapat menajani pembangunan dan kemajuan negara. Setiap rancangan kesihatan yang dijalankan oleh kerajaan akan menentukan arah tuju dasar dan matlamat kerajaan dalam memberikan penjagaan kesihatan yang cemerlang di negara ini. Setiap kita perlu bekerjasama dalam mengekalkan alam sekitar dan kehidupan yang sihat kerana yang pasti mengawal penyakit itu adalah lebih baik daripada mengubatnya.

HALUAN...

BELIA PERLU PROAKTIF, KAYA DENGAN WAWASAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana sekali lagi berpeluang untuk menghadiri Majlis Musabqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara ini yang melibatkan qari dan qariah belia di rantau Asia Tenggara.

Kemeriahan serta mutu musabqah ini setentunya akan meningkat, baik dari sudut prestasi bacaan para qari dan qariah, mahupun dari sudut perlaksanaannya memandangkan ini adalah kali ketiga negara kita mengunggulkan sebagai sumbangan kita ke arah mewujudkan semangat kebersamaan yang lebih terarah di kalangan para belia di rantau Asia Tenggara.

Dalam konteks serantau, musabqah ini dapat berfungsi sebagai wasilah ke arah memupuk persefahaman, kerjasama dan persahabatan di kalangan belia yang datang dari pelbagai budaya, etnik dan kepercayaan. Ianya perlu dilihat dari perspektif serantau yang dinamik sebagai katalis toleransi dan hormat-menghormati dalam hidup berjiran dan bernegara.

Beta yakin melalui kegiatan belia yang terarah seperti Musabqah Tilawatil Quran ini, golongan belia rantau Asia Tenggara akan lebih peka dan responsif serta memiliki tekad dan matlamat yang kukuh bagi melahirkan sebuah rantau yang aman, damai dan makmur serta terhindar daripada sebarang pergeseran.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, beta ingin mengingatkan golongan belia di negara ini, bahawa mereka adalah sebahagian daripada ang-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-3 pada 8 April 2005.

gota masyarakat negara antarabangsa (international community of nations). Oleh itu, musabqah ini adalah merupakan upaya kita bagi menyumbang dan melakar satu peranan positif dalam arena kerjasama serantau dan anta-

rabangsa. Kalau dulunya, cara kita berfikir ialah pada takut kedaerahan, maka sekarang golongan belia di negara ini mesti memiliki 'mind-set' terbuka, proaktif dan kaya dengan wawasan. Dan untuk berinteraksi, berdialog, bertukar-tukar fikiran dengan rakan-rakan di arena serantau dan antarabangsa, golongan belia kita juga mestilah berilmu dan literate: literate budaya, literate sastera, literate bahasa, literate adat dan seumpamanya. Tanpa ilmu, golongan belia kita tidak akan sampai ke mana dan tidak akan menjadi 'regional player' apatah lagi 'global player'.

Untuk menjadi 'regional player' atau 'global player', golongan belia di negara ini mestilah berkemampuan berfikir dan bertindak menurut parameter politik dan diplo-

UNTUK menjadi 'regional player' atau 'global player', golongan belia di negara ini mestilah berkemampuan berfikir dan bertindak menurut parameter politik dan diplomasi 'regional' atau 'global'. Dengan kesedaran demikian itu, sumbangan belia-belie kita di arena serantau dan antarabangsa akan lebih bermakna dan status mereka juga bukan lagi seperti 'melukut di tepi gantang', masuk tak menambah, keluar tak mengurang, tetapi mereka berperanan besar sebagai 'problem identifier', 'programme solvers' dan 'strategic brokers'.

Hubungan Brunei - Denmark terus erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Margrethe II, Queen Denmark dan kepada Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana

Menteri Denmark sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II.

Dalam perutusan tersebut, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Denmark. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa

yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Sehubungan dengan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan

Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat negara berkenaan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Queen Margrethe II.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara

masi 'regional' atau 'global'. Dengan kesedaran demikian itu, sumbangan belia-belie kita di arena serantau dan antarabangsa akan lebih bermakna dan status mereka juga bukan lagi seperti 'melukut di tepi gantang', masuk tak menambah, keluar tak mengurang, tetapi mereka berperanan besar sebagai 'problem identifier', 'programme solvers' dan 'strategic brokers'.

Beta juga ingin melitai di negara ini kewujudan belia MIB, siapa yang akan membawa sinar kebahagiaan, kesejahteraan dan kerukunan hidup yang sebenar-benarnya dalam masyarakat dan keluarga. Pendekatan kita ialah belia yang bertanggungjawab serta berakhlak mulia, di mana dengan tangan-tangan mereka itu diharapkan untuk menangani gejala-gejala sosial yang negatif yang boleh mengancam upaya kita membangun negara.

Alhamdulillah, melalui usrah belia rantau Asia Tenggara ini, kita telah meletakkan aktiviti kebeliaan pada Tilawah Kitab Suci Al-Quran yang beta yakin tidak akan menimbulkan - walau sedikit pun - pergeseran atau kecurigaan kerana Al-Quran itu menyeru kepada kebaikan dan menolak kemungkaran.

Akhirnya, beta mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat mengunggulkan musabqah ini. Dan tahniah juga kepada semua qari dan qariah belia rantau Asia Tenggara, semoga Allah sentiasa merahmati mereka dengan taufik dan hidayah-Nya, amin.

Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

kedua-dua buah negara.

Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Anders Fogh Rasmussen, Perdana Menteri Denmark dan rakyat Denmark akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Cebu, Republik Filipina

ASEAN komited kukuhkan lagi politik, ekonomi, kerjasama keselamatan

BANDAR LAPU-LAPU, 11 April. - Menteri-menteri Luar dari 10 negara ASEAN memulakan pertemuan bagi membincangkan dasar-dasar konkrit program-program kerjasama bagi menghadapi cabaran-cabaran di rantau ini serta untuk memastikan ASEAN kekal memainkan peranan penting di Asia Timur.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN bersama-sama rakan-rakan sejawat Duli Yang Teramat Mulia hari ini.

Menurut siaran akhbar Jabatan Hal Ehwal Luar Republik Filipina hari ini, ASEAN komited untuk mengukuhkan lagi politik, ekonomi dan kerjasama keselamatan dalam menyumbang keamanan serta bagi pembangunan dan kestabilan serantau.

Sejmasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 yang berlangsung di Laos, para pemimpin ASEAN telah membuat persetujuan ke arah pembangunan masyarakat dengan mengimplicasikan tiga asas masyarakat ASEAN iaitu Keselamatan Masyarakat ASEAN, Masyarakat Ekonomi ASEAN dan Masyarakat Sosio-budaya ASEAN.

Selain itu Program Tindakan Vientiane (VAP) melakar peta jalan ASEAN hingga tahun 2010 dengan menggariskan strategi ke arah integrasi dan membataskan jurang pembangunan di rantau ini.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN berlangsung selama dua hari di Shangri-La, Pulau Peranginan Mactan, Cebu bertujuan untuk memberi ruang bagi mengadakan perbincangan beberapa isu semasa yang berkepentingan kepada rantau ini.

Menteri-menteri Luar ASEAN telah bertukar pandangan mengenai perkara-perkara yang menjadi perhatian ASEAN dan meneliti kemajuan yang telah dicapai dalam rancangan-rancangan ASEAN.

Selain itu ia juga adalah untuk membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa sebagai persediaan untuk Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Disember tahun ini.

Menurut Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Alberto G. Romulo, Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN kali ini juga bertujuan untuk memartabatkan VAP yang dihasratkan bagi ASEAN menjalinkan hubungan dengan negara-negara di rantau ini yang dapat memberi faedah dan meluaskan Kerjasama Asia Timur.



PERSAHABATAN ERAT ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika menyertai rakan-rakan sejawat Duli Yang Teramat Mulia dalam sesi bergambar ramai.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berbual mesra bersama rakan-rakan sejawat DYT di majlis santap malam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat meninggalkan Cebu, Republik Filipina setelah menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN.

Liputan Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Hamadi Haji Mohammad

Berangkat ke Majlis Santap Malam

BANDAR LAPU-LAPU, 11 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berangkat ke Majlis Santap Malam yang berlangsung di Cowrie Cove, Shangri-La,

Pulau Peranginan Mactan, Cebu.

Majlis Jamuan Santap Malam yang disempurnakan oleh Gabenor Wilayah Cebu, Yang Berhormat Gwendolyn F. Garcia adalah sebagai penghargaan kepada para delegasi yang menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah dijunjung oleh Yang Berhormat Gwendolyn F. Garcia.

Republik Filipina buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN tahun ini yang diadakan di Wilayah Cebu yang mempunyai keramai penduduknya dianggarkan lebih tiga juta orang.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN diadakan selama dua hari di Shangri-La, Pulau Peranginan Mactan, Cebu bertujuan untuk membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa sebagai persediaan untuk Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Disember tahun ini.

Di majlis yang turut diserikan dengan persembahan koir dan disemarakkan lagi dengan persembahan bunga api, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyertai rakan-rakan sejawat Duli Yang Teramat Mulia dalam sesi bergambar ramai.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) yang diadakan selama dua hari bermula 9 April di Shangri-La, Pulau Peranginan Mactan, Cebu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berangkat ke Majlis Santap Malam yang disempurnakan oleh Gabenor Wilayah Cebu.

Berangkat meninggalkan Cebu

BANDAR LAPU-LAPU, 12 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat meninggalkan Cebu, Republik Filipina malam semalam setelah menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di sini.

Terdahulu sebelum itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berangkat

ke Majlis Santap Malam yang merupakan Majlis Perpisahan bagi para delegasi.

Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN diadakan selama dua hari di Shangri-La, Pulau Peranginan Mactan, Cebu bertujuan untuk membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa sebagai persediaan untuk Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Disember tahun ini.

Selain itu ia juga bertujuan untuk memartabatkan Program Tindakan Vientiane (VAP) yang dihas-

ratkan bagi ASEAN menjalinkan hubungan dengan negara-negara di rantau ini yang dapat memberi faedah dan meluaskan Kerjasama Asia Timur.

Wilayah Cebu yang merupakan bandar raya kedua terbesar dikenali sebagai 'Queen City of The South' dengan keramai penduduknya dianggarkan lebih tiga juta orang dijadikan medan pertemuan bagi Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN tahun ini yang telah dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) yang diadakan selama dua hari bermula 9 April di Shangri-La, Pulau Peranginan Mactan, Cebu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba, Kampong Senukoh (atas kanan).

DYTM menyaksikan hasil penangkapan ikan dengan menggunakan bubu (atas).



Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid dan Abdullah Haji Awang Damit

LAWATAN KERJA DPMM KE MUKIM LABU, BANGAR



DYTM menyaksikan kegiatan para pelajar semasa belajar di bilik darjah Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.



SEBELUM meneruskan keberangkatan lawatan kerja, DYTM telah menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



PASAR Pekan Bangar juga tidak ketinggalan dilawati DYTM semasa lawatan kerja ke Daerah Temburong.



PARA penduduk Mukim Labu menjunjung keberangkatan DYTM semasa berangkat ke kediaman Penghulu Mukim Labu, Orang Kaya Sura Haji Tengah.



SEBELUM menamatkan keberangkatan lawatan kerja di sebelah petang DYTM berkenan melawat Pos Kawalan Kesihatan SARS.



SEMPENA keberangkatan DYTM, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong telah mengadakan Bengkel Membuat Ulu dan Sarung Pamarang.



DYTM berkenan menerima sumbangan Senukoh Timber Co. Sdn. Bhd. kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim sebanyak \$2,200.00.



SEMASA keberangkatan ke kediaman Penghulu Mukim Labu, DYTM berkesempatan menyaksikan tunjuk cara menoreh susu getah yang suatu ketika dulu merupakan produk utama pengeluaran di Mukim Labu.

DULI Yang Teramat Mulia prihatin terhadap perkembangan pendidikan sekolah rendah di Temburong (kanan).



KEMESRAAN dan kasih sayang Duli Yang Teramat Mulia terhadap golongan murid-murid sekolah amat tinggi.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyabdakan pertanyaan kepada seorang guru mengenai mata pelajaran yang diajarkan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mendengar sembah penerangan mengenai perkembangan dan pencapaian perkhidmatan Klinik Kesihatan Labu.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan merasmikan dan menabur bunga rampai 'Majalah Sumbangsih' yang baru keluaran Pejabat Cawangan Operasi 'G' Daerah Temburong.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima cenderahati berbentuk tongkat yang disumbangkan oleh Pemangku Pengarah Perhutanan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan di rumah kediaman Penghulu Mukim Bangar.

DPMM tinjau perkembangan, kemajuan Mukim Labu dan Bangar

TEMBURONG, 13 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat meneruskan keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Labu dan Bangar di Daerah Temburong.

Keberangkatan lawatan kerja bermula di Mukim Labu dengan pesawat helikopter DYTM mendarat di Padang Sekolah Rendah Senukoh dan dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Awang Idris; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Shahminan bin Haji Tengah.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Atur cara lawatan bermula dengan keberangkatan ke Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba di Kampung Senukoh dan sembah alu-aluan oleh Pemangku Mukim Labu, Orang Kaya Sura Awang Haji Tengah bin Haji Damit menyentuh mengenai profil dan perkembangan Mukim Labu hingga sekarang.

Sejurus kemudian DYTM dijunjung melawat dan meninjau ke beberapa buah prasarana institusi awam dan swasta yang terdapat di mukim berkenaan seperti melawat Sekolah Rendah Senukoh dan kemudian melawat Sekolah Rendah Piasau-Piasau.

Rangka lawatan diteruskan ke sebuah syarikat kilang papan di Kampung Senukoh yang telah beroperasi sejak tahun 1976. Semasa lawatan tersebut DYTM disemahkan pameran mengenai kegiatan-kegiatan di perusahaan berkenaan termasuk jenis-jenis kayu-kayu yang dihasilkan. Sejauh ini, DYTM juga telah berkenan menerima sumbangan dari syarikat berkenaan sejumlah

Liputan oleh
Haji Ahat Haji Ismail,
ahat.ismail@information.gov.bn
Haji Ahmad Haji Salim dan
ahmad.salim@information.gov.bn
Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre

\$2,200.00 kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim.

Selepas itu DYTM berkenan berangkat ke Syarikat Kerjasama Kedai Mukim Labu iaitu sebuah kedai kerjasama dengan tanggungan berhad yang mempunyai keramaian ahli 100 orang. Semasa lawatan tersebut DYTM berkenan meninjau secara dekat keadaan persekitaran bangunan kedai berkenaan termasuk barang-barang jualan yang disediakan dan disemahkan penerangan oleh Pengerusi yang juga Pengurus syarikat tersebut, Awang Haji Abdulrahman bin Haji Nasir mengenai perkembangan dan pencapaian syarikat berkenaan.

Dari syarikat tersebut DYTM meneruskan lawatan ke Pos Polis Labu Estate dimana keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Dato Kerma Setia Awang Zaimuddin bin Jalani dan Pegawai Pemerintah Polis Daerah. Di Pos Polis itu DPPM disemahkan penerangan mengenai peranan dan fungsi pos tersebut termasuk statistik kegiatan operasinya dan seterusnya dijunjung melawat kemudahan-kemudahan yang disediakan.

DYTM kemudian berkenan melawat Klinik Kesihatan Labu Estate yang terletak bersebelahan dengan Pos Polis Labu Estate. Keberangkatan tiba DYTM di klinik tersebut dijunjung oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan. Di klinik tersebut DYTM meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat, di samping mendengar penerangan mengenai fungsi dan peranan klinik berkenaan sejak ianya beroperasi.

Seterusnya DYTM beredar ke kediaman Penghulu Mukim Labu, Orang Kaya Sura Awang Haji Tengah bin Haji Damit bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bersama penduduk-penduduk kampung di mukim berkenaan. Semasa lawatan tersebut, DYTM juga disemahkan beberapa persembahan kebudayaan dan aktiviti penduduk-penduduk kampung.

Lawatan kerja DYTM seterusnya ialah ke Taman Rekreasi Bukit Patoi yang merupakan salah sebuah destinasi pelancongan dari dalam dan luar negeri. Semasa lawatan tersebut DYTM dijunjung melawat

persekitaran taman tersebut sejurus selepas menyaksikan pameran di perkarangan taman berkenaan.

Stesen Pertanian Perdayan juga menjadi destinasi keberangkatan lawatan kerja, DYTM dan ketibaan distesen itu dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar. Di stesen tersebut DYTM berkenan menyaksikan pameran mengenai pelbagai jenis benih tanaman yang diusahakan serta kemudahan-kemudahan yang diguna pakai bagi kegiatan tersebut.

Sepanjang lawatan DYTM disemahkan penerangan mengenai kegiatan-kegiatan yang dikendalikan di stesen tersebut yang bertujuan untuk mewujudkan pelbagai koleksi jenis buah-buahan, selain menjadikan sumber penyelidikan dan informasi pendidikan dan destinasi agro-ecotourism.

Dari stesen berkenaan DYTM berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Pai Yuek, sebuah sekolah bukan kerajaan di Pekan Bangar dan selepas itu berangkat meneruskan lawatan ke Balai Bomba Bangar, Temburong. Di Balai Bomba, DYTM meninjau secara dekat keadaan persekitaran balai dan kemudahan-kemudahan yang terdapat bagi tujuan operasi dan perkhidmatan kecemasan. DYTM disemahkan penerangan mengenai fungsi dan peranan balai tersebut yang bertujuan untuk memberikan khidmat bantuan bukan sahaja dalam kecemasan kebakaran, malah juga memberikan bantuan dalam kerja-kerja kemasyarakatan. DYTM juga berkenan merasmikan 'Majalah Sumbangsih' yang baru keluaran Pejabat Cawangan Operasi 'G' Daerah Temburong.

DYTM seterusnya singgah ke Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar bagi menunaikan sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah sebelum meneruskan rangka lawatan dengan menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Santap Tengah Haji bersama pegawai-pegawai kerajaan, sebahagian ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, guru-guru serta ketua-ketua prefek sekolah dan jemputan lain di Dewan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.

Selepas santap, DYTM berkenan melawat Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dan seterusnya ke

kediaman Penghulu Mukim Bangar, Awang Hamdan bin Awang Besar, sebelum meneruskan lawatan ke Bangunan Perniagaan Kompleks Bumi-putera yang menempatkan beberapa buah kedai milik peniaga tempatan dan juga institusi kewangan yang beroperasi di bangunan tersebut. Semasa keberangkatan lawatan di institusi kewangan, Bank Islam Brunei Berhad (IBB), DYTM berkenan menerima sumbangan \$50,000.00 kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Dari Kompleks Bumi-putera DYTM berangkat melawat Pasar Pekan Bangar dan kawasan Bangunan Kedai Pekan Bangar dan Bangunan Rakyat Jati. Sepanjang la-

watan tersebut DYTM berpeluang menyaksikan secara dekat kegiatan peniagaan yang dikendalikan dan diurus sendiri oleh penduduk-penduduk tempatan. Selain dari itu DYTM juga berinteraksi bersama sebahagian peniaga-peniaga dan pemilik kedai.

DYTM kemudian berangkat melawat Pusat Belia Temburong dan semasa keberangkatan itu dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Anpal. DYTM menyaksikan pameran dan kegiatan yang dikendalikan serta melihat kemudahan yang terdapat di pusat tersebut.

Keberangkatan lawatan selanjutnya ialah ke ujung jalan sebelum meneruskan

lawatan ke beberapa buah agensi penguat kuasa dalam mengawal lalu-laluan masuk daerah tersebut melalui jalan darat. Antara agensi yang sempat dilawati ialah Pos Kawalan Kastam Puni, Pos Kawalan Pertanian Puni, Pos Kawalan SARS Puni.

Keberangkatan lawatan kerja DYTM ke Mukim Labu dan Bangar telah membuktikan kephatinan DYTM dalam meninjau perkembangan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini, di samping meninjau prasarana-prasarana yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

lanya juga berperanan sebagai pemangkin kepada semua pihak yang terlibat untuk sama-sama menangani wawakan negara dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih komited, berdedikasi dan cekap.

Dalam masa yang sama DYTM juga berkesempatan mendengar masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan yang disemahkan antara lainnya oleh Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung seperti mana jua dalam siri-siri keberangkatan lawatan kerja DYTM sebelum ini.

Berikutan perkara tersebut, DYTM menyabdakan supaya jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani perkara-perkara berkenaan.

Beberapa buah sekolah rendah, menengah mendapat perhatian DPMM

TEMBURONG, 13 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan berangkat melawat beberapa buah sekolah rendah dan menengah kerajaan dan swasta Daerah Temburong semasa dalam rangka lawatan kerja.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan berangkat meninjau lebih dekat Sekolah Rendah Senukoh yang terletak berdekatan Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba yang berlangsungnya acara kemuncak lawatan kerja tersebut.

Dalam lawatan itu Duli Yang Teramat Mulia melihat lebih dekat beberapa buah bilik darjah sekolah tersebut yang mengandungi bilik darjah pra, satu hingga darjah enam serta melawat bilik perpustakaan yang ditempatkan di rumah kediaman guru-guru.

Sepanjang lawatan itu DYTM juga disemahkan penerangan mengenai perkembangan dan pencapaian sekolah oleh Guru Besar, Awang Rosli bin Haji Abdul Rahman. Sekolah tersebut mempunyai 51 murid dan 17 orang tenaga pengajar.

Sempena keberangkatan itu DYTM juga berkenan merasmikan laman web baru sekolah dan berkenan beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid sekolah tersebut.

DYTM seterusnya berkenan berangkat ke Sekolah Rendah Piasau-Piasau dan dijunjung oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Habibah binti Haji Umar serta guru-guru.

Selepas itu DYTM dijunjung untuk melawat bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan

ases akademik seperti perpustakaan dan Bilik Teknologi Maklumat, di samping disemahkan taklimat mengenai pencapaian dan perkembangan semasa sekolah tersebut oleh Dayang Hajah Habibah.

Sekolah Rendah Piasau-Piasau terletak di Mukim Labu dibina dalam tahun 1957 dan kini mempunyai keramaian 12 orang murid dengan 10 orang guru dan mempunyai bilik darjah pra hingga darjah enam.

Dalam pencapaian peperiksaan sekolah ini telah memperoleh 100 peratus sejak 2001 hingga 2004 dengan keramaian lima orang murid menduduki Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Antara aktiviti yang dijalankan mengikut kegiatan kurikulum ialah rentas desa, olahraga, Peraduan Azan, Pertandingan Membaca Ayat-ayat Lazim dan sebagainya.

DYTM juga berangkat mengunjungi Sekolah Rendah Labu. Keberangkatan DYTM dijunjung oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Guru Besar sekolah tersebut, Awang Osman bin Bolhassan dan guru-guru.

DYTM kemudian dijunjung melihat lebih dekat perkembangan dan kemudahan serta keadaan bilik-bilik darjah. Dalam lawatan itu DPPM berkesempatan melihat aktiviti sains yang dijalankan oleh murid-murid mengenai kesan merokok di sebuah pondok kecemerlangan yang terdapat di sekolah tersebut.

Pencapaian dalam peperiksaan PSR, sekolah ini

telah memperoleh keputusan 100 peratus sejak 2002 sehingga 2003 dengan keramaian 17 orang murid yang menduduki peperiksaan tersebut.

Sebelum berangkat meneruskan lawatan DYTM berkenan bergambar ramai dan berkenan menerima junjung ziarah guru-guru dan murid-murid sekolah berkenaan.

Dalam lawatan itu DYTM juga berkenan melawat sebuah sekolah swasta yang terletak di Pekan Bangar iaitu Sekolah Pai Yuek. Keberangkatan DYTM dijunjung oleh Pengerusi dan Guru Besar, Awang Haji Rosman bin Burut dan seterusnya dijunjung melawat bilik-bilik darjah serta Bilik Komputer.

Sekolah Pai Yuek merupakan sekolah Cina yang mula ditubuhkan dalam tahun 1950 di Daerah Temburong setelah orang-orang Cina menghadapi kesukaran untuk menghantar anak mereka bersekolah di sekolah Cina di Bandar Seri Begawan.

Sekolah Pai Yuek mempunyai keramaian 145 orang murid dengan 15 orang tenaga pengajar dan dua orang guru yang diperbantukan oleh kerajaan bagi mengajar Bahasa Melayu dan Sistem Pendidikan Bersepadu.

80 orang berbangsa Melayu, 30 orang Cina, 20 orang Murut, lapar orang berbangsa Iban dan tujuh orang bangsa lain belajar di sekolah ini yang juga mempunyai pencapaian 100 peratus lulus.

Bangunan yang digunakan sekarang dibina menggunakan kayu dan pihak sekolah telah merancang untuk membuat bangunan sekolah baru yang lebih baik dan selesa yang dijangka bermula pada tahun ini.

Sekolah yang terakhir DYTM lawati ialah Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar (SMSHB) yang merupakan sekolah menengah yang pertama terdapat di Daerah Temburong dan terletak di Pekan Bangar dan berlangsungnya Majlis Santap sempena lawatan kerja ke daerah ini.

DYTM kemudian dijunjung oleh Pengetua SMSHB, Awang Haji Madi bin Haji Ahmad ke bilik-bilik darjah serta meninjau kemudahan-kemudahan bagi tujuan pembelajaran yang terdapat di sekolah tersebut.

Di sepanjang lawatan DYTM juga disemahkan penerangan mengenai perkembangan dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Sempena lawatan itu DYTM juga berkenan menyaksikan beberapa kegiatan luar seperti persembahan karatedo dan kawad oleh Pasukan Kadet Polis Sekolah tersebut.

Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar mula ditubuhkan pada pertengahan bulan Ogos 1966 dengan mencatat keramaian awal penubuhannya 54 orang dan keramaian murid semakin meningkat dari tahun ke setahun sehingga mencapai 800 orang pada tahun 1996.

Sepanjang penubuhan sekolah tersebut telah mencapai beberapa kejayaan iaitu johan tiga kali berturut-turut dalam Amigerah Saintis Muda Alam Semula Jadi Puteri Rashtidah (PRYNASA) dari tahun 1997-1998, 2000-2001 dan 2002-2003. Selain itu sekolah tersebut menjadi johan dalam Kategori 'B' Kecantikan dan Kebersihan Sekolah-sekolah Senegara 2003 anjuran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Kebawah DYMM melawat Pusat Sumber dan Piawaian, Penjara Maraburong

SINAUT, 13 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadudaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam keberangkatan tidak berjadual ke Daerah Tutong telah melawat Pusat Sumber dan Piawaian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pusat tersebut terletak di Kampong Sinaut. Sebelum ini pusat berkenaan dikenali sebagai Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan telah ditukar namanya kepada Pusat Sumber dan Piawaian pada 7 Januari 1997.

Visi penubuhannya itu bertindak sebagai pusat nadi dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan kepakaran-kepakaran bagi menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan usahawan kecil dan sederhana di Negara Brunei

Oleh Haji Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Sukri Hidayat Abu Bakar

Darussalam.

Dalam lawatan itu baginda juga berkenan meninjau secara lebih dekat salah satu skim yang ditawarkan di pusat ini iaitu Skim Inkubator yang membantu serta dapat melahirkan para usahawan dan penternak yang berpotensi dan dinamik di negara ini. Baginda juga berpeluang bertemu dengan seorang penternak kambing yang berjaya di bawah pengendalian skim ini.

Dari sana baginda berkenan melawat Penjara Maraburong yang dibina di atas sebidang tanah seluas 81 hektar dan dibuka rasmi pada tahun 2001. Bangunan ini mengandungi blok pentadbiran, blok penjara, surau, bilik darjah, dapur, bengkel, dewan makan,

kawasan pertanian dan tempat riadah.

Para banduan di penjara ini akan menjalani kelas pemulihan, kaunseling, bimbingan agama, kelas-kelas gubahan dan pertanian setiap hari agar dapat memberi manfaat yang berguna apabila mereka dibebaskan dan diharapkan akan menjadi rakyat yang lebih produktif kepada masyarakat dan negara amnya.

Ilmu agama yang mereka pelajari juga diharapkan akan memberi kesedaran dan bimbingan agar mereka tidak lagi terlibat dengan masalah-masalah negatif di masa hadapan.

Lawatan baginda pada hari tersebut berakhir di rumah pangsa bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara

yang terletak di Kampong Kupang.

Dengan terbinanya rumah pangsa ini diharapkan akan dapat memberi kesediaan bukan sahaja kepada para pegawai dan kakitangan jabatan ini, malahan juga kepada ahli-ahli keluarga mereka.

Baginda turut meninjau secara lebih dekat kemudahan-kemudahan yang disediakan di rumah pangsa itu dengan berkenan melawat ke beberapa buah unit kediaman di blok-blok rumah pangsa tersebut.

Melalui lawatan ini jelas menunjukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan seorang raja yang prihatin dan bertanggungjawab bagi memastikan jentera pentadbiran kerajaan berjalan lancar dan efektif bagi kepentingan rakyat dan negara.

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat melawat Sekolah Rendah Keriam kira-kira jam 9.00 pagi.

Semasa berada di sekolah berkenaan, baginda telah berkenan meluangkan masa meninjau secara lebih dekat pembelajaran dalam kelas dan berinteraksi secara bersemuka bersama beberapa orang penuntut dan tenaga pengajar, di samping itu, baginda juga berangkat meninjau Bilik ICT.

Sepanjang lawatan itu, baginda telah disambutkan penerangan oleh Guru Kanan, Dayang Hajah Safiah binti Haji Dzulkifli dan menerima junjung ziarah serta beramah mesra bersama para guru dan murid-murid di sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Keriam telah ditubuhkan pada tahun 1939. Visi penubuhannya ialah 'berusaha sedaya upaya melengkapkan pengetahuan, pengalaman murid-murid dengan perkembangan terkini yang sesuai dengan tuntutan falsafah negara'. Matlamat sekolah ialah 'ke arah usaha yang berterusan', sementara moto sekolah berkenaan pula ialah 'Usaha Penentu Kejayaan'.

Sekolah berkenaan merupakan sebuah sekolah tertua di daerah ini kini mempunyai keramaian murid 304 orang iaitu seramai 190 orang belajar di sebelah pagi dan 114 di sebelah petang. Sekolah itu mempunyai empat blok dengan menempatkan 11 buah bilik darjah dari Darjah Satu hingga Darjah enam.

Dari sana, baginda berangkat melawat Sekolah Ren-

dah Bukit Panggal yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Pekan Tutong. Sekolah tersebut dibina pada tahun 1961 dan mula digunakan pada tahun 1962 dalam bentuk sementara. Bangunan kekal sekolah berkenaan hingga ke hari ini dibina pada tahun 1970 dan digunakan pada tahun 1971.

Sekolah berkenaan mempunyai keramaian 72 orang murid iaitu 43 lelaki dan 29 perempuan yang belajar dari Darjah Pra hingga Darjah Enam. Majoriti murid-murid yang bersekolah datangnya dari Kampong Bukit Panggal. Tenaga pengajar ialah 20 orang, tujuh guru lelaki dan 11 guru perempuan.

Visi sekolah berkenaan ialah 'sebagai sebuah gedung ilmu yang dapat membentuk generasi dan insan yang syumul, dinamik, progresif, bertakwa dan mempunyai kepimpinan selaras dengan aspirasi negara dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja'. Moto sekolah ialah 'Beriman, Berlimu Ke Arah Kecemerlangan'.

Sepanjang lawatan ke sekolah itu, baginda telah diiringi dan disambutkan penerangan oleh Guru Kanan, Dayang Norrah binti Haji Jait.

Baginda kemudian meneruskan lawatan ke Sekolah Rendah Sinaut yang ditubuhkan pada tahun 1938. Pada ketika ini, keramaian murid ialah 195 orang dengan tenaga pengajar 24 orang sesi pagi dan 10 orang sesi petang. Sistem persekolahan yang dikendalikan ialah Sistem Pendidikan Bersepadu.

Seperti juga sekolah lain di negara ini, Sekolah Rendah Sinaut ditubuhkan dengan motonya 'Menuju Kejayaan'.

sementara itu visinya 'ke arah melahirkan masyarakat yang berguna yang mempunyai nilai moral yang sempurna, sentiasa berkualiti ke arah kemajuan dan yakin menghadapi apa jua cabaran'.

Sekolah Rendah Sinaut mempunyai kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran seperti perpustakaan, sistem maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT), pengajaran RELA, LAT dan kaunselar sekolah. Pengurusan sekolah berkenaan juga telah dilengkapi dengan sistem komputer yang mempunyai rangkaian terus ke Kementerian Pendidikan dan Jabatan Sekolah-Sekolah di Daerah Tutong untuk melicinkan dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan sekolah.

Semasa melawat ke sekolah itu, baginda diiringi oleh Guru Kanan Akademik, Dayang Hajah Nurul Inani binti Ahmad Kumpoh yang juga menyebarkan penerangan.

Sepanjang lawatan ke sekolah-sekolah berkenaan, murid-murid sekolah tidak melepaskan peluang untuk berinteraksi secara bersemuka bersama baginda. Baginda pula dengan penuh riang dan gembira menerima junjung ziarah, beramah mesra sambil berkenan menerangkan tuntutannya, di samping merakamkan gambar kenangan bersama para murid dan tenaga pengajar.

Turut mengiringi baginda sepanjang lawatan itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Motalib bin Haji Idris.

Lemah pemahaman Inggeris punca turun pencapaian peperiksaan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Penutup Minggu Sains anjuran Persatuan Sains Brunei (BASE) (kiri). Sementara gambar kanan, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyampaikan hadiah ke hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah yang berpasangan dengan Dayangku Nabillah dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pemenang model terbaik Rekapipta BASE dan Penyampai Terbaik Bagi Kategori Darjah 3.



BERAKAS, 5 April. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata, lemah pemahaman terhadap mata pelajaran Inggeris adalah punca penyekat utama yang membawa kelemahan kepada prestasi pembelajaran bagi sebilangan mata pelajaran Penilaian Menengah Bawah (PMB).

Satu Kumpulan Kerja telah ditubuhkan bagi meneliti kepada pencapaian peperiksaan terutamanya kepada mata pelajaran PMB seperti mata pelajaran Matematik, Geografi, Sains dan Sejarah pada tahun 2003, jelas Pengiran Datin Paduka di Majlis Penutup Minggu Sains dan Persatuan Sains Brunei, (BASE) Teknologi.

Kumpulan Kerja tersebut juga telah mendapati bahawa penurunan tersebut adalah disebabkan oleh kurang kefahaman Bahasa Inggeris semasa peperiksaan selain sikap penuntut itu sendiri

Oleh
Azrin Haji Hassan

terhadap mata pelajaran.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi kepakaran Bahasa Inggeris kepada penuntut-penuntut dengan pengenalan Projek Kesusasteraan Bahasa Inggeris yang mana akan memfokuskan kepakaran membaca untuk murid pra sekolah di 15 buah sekolah yang mempunyai rekod pencapaian yang rendah pada peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Beliau berharap aktiviti-aktiviti seperti Anugerah Lencana Sains Muda dan Rekapipta Sains BASE untuk penuntut-penuntut sekolah akan merupakan satu usaha yang cemerlang bagi menyemarakkan lagi minat penuntut-penuntut dalam bidang sains dan teknologi.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah. Turut menerima hadiah ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah yang berpasangan dengan Dayangku Nabillah Pengiran Hafiz dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pemenang bahagian model terbaik Rekapipta BASE dan Penyampai Terbaik Bagi Kategori Darjah 3.

Berangkat di majlis itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Ihsan Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Penuh komited dalam memperolehi kejayaan

Dari muka 1

Menurut Yang Teramat Mulia, ini adalah satu perkembangan yang boleh dikaji dan diterapkan ke dalam sistem pembelajaran kejururawatan dan perbidanan tempatan.

Menyentuh mengenai perkembangan yang pesat di dalam semua aspek profesi kejururawatan dan perbidanan seperti di bidang latihan dan pendidikan, pengurusan, praktis dan kaji selidik, tegas Yang Teramat Mulia menghendaki jururawat dan bidan untuk lebih siap siaga, dinamik dan proaktif dalam menghadapi perkembangan perubahan dan kemajuan yang terdapat pada profesi kejururawatan dan per-

bidanan hari ini.

Menurut Yang Teramat Mulia lagi, jururawat dan bidan haruslah sentiasa peka dan melengkapkan diri dengan teori atau pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menjalankan dan melaksanakan tugas di dalam hospital mahupun di luar hospital.

Ke arah itu setiap jururawat dan bidan hendaklah bersedia mengikuti program-program peningkatan pengetahuan dan kemahiran diri sama ada dengan melanjutkan pelajaran ke luar negeri ataupun menghadiri seminar, bengkel dan persidangan serantau dan antarabangsa.

Perkara tersebut, tegas Yang Teramat Mulia meru-

pakan satu strategi peningkatan ilmu dan kemahiran yang efektif sejajar dengan konsep 'Life Long Learning' sebagai suatu budaya yang perlu diutamakan.

Perkembangan teknologi tinggi dan informasi teknologi maklumat (ICT) telah mempengaruhi kehidupan manusia sejagat dan setiap warga masyarakat termasuklah para jururawat dan bidan dalam mengikuti perubahan dan perkembangan tersebut secara berterusan.

Kita hendaklah berupaya menilai kesannya dan memanfaatkannya bagi memberikan perkhidmatan kejururawatan yang lebih baik dan berkesan, sabda Yang Teramat Mulia.

Menyentuh mengenai bidang pekerjaan, Yang Teramat Mulia ingin melihat ramai graduan maktab berkenaan menerima atau mendapatkan pekerjaan bukan saja dalam perkhidmatan kerajaan semata-mata akan tetapi juga perkhidmatan perubatan dan kesihatan di sektor swasta sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Yang Teramat Mulia bersabda, perkara tersebut adalah tidak mustahil kerana sebagai maktab jururawat yang ulung di negara ini di dalam pengurusan latihan jururawat dan perbidanan telah membuktikan ianya dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan sumber tenaga manusia di negara ini.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ketika berkenan mengurniakan diploma kepada seorang graduan.

KEBERANGKATAN LAWAN KE DAERAH TUTONG



MENURUNKAN TANDATANGAN ... Baginda berkenan menurunkan tandatangan baginda semasa dijunjung oleh seorang guru di Sekolah Rendah Keriam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berinteraksi bersama murid-murid Sekolah Rendah Keriam semasa baginda berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Daerah Tutong.



SEMBAH TAKLIMAT ... Baginda dengan penuh minat mendengar penerangan yang disampaikan oleh seorang pegawai di Pusat Sumber dan Piawalan.



BERINTERAKSI ... Baginda dengan penuh riang gembira beramah mesra dan berinteraksi bersama murid-murid Sekolah Rendah Bukit Pangkal.



GAMBAR KENANGAN ... Baginda merakamkan gambar ramai bersama-sama Pengarah Penjara dan pegawai serta kakitangan Penjara Maraborong.



MENELITI ... Baginda meneliti borang pelawat semasa baginda berangkat ke Maraborong.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

Jabatan Bomba melaksanakan program keselamatan bersama masyarakat

LAMBK KANAN, 3 April. - Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Johari berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggalakkan setiap warga biasa selain beliau memainkan peranan dalam proses pembangunan negara agar tidak tersisih dan menjadi beban kepada negara kerana sifat yang tidak proaktif.

Maka atas dasar tersebut, jelas Awang Haji Johari, jabatannya mengambil inisiatif dengan menyediakan program kesedaran secara sepadu melalui Program Bomba Bersama Masyarakat.

Justeru kerana itu, jelasnya, komitmen Jabatan Perkhidmatan Bomba (JPB) dalam 'public awareness' mengutamakan perseediaan perlindungan keselamatan, pencegahan dan langkah tindakan awal dalam apa jua kecemasan khususnya kebakaran yang merupakan prinsip bagi memberikan kefahaman dan kesedaran kepada setiap warga masyarakat agar lebih peka terhadap risiko-risiko yang boleh mengorbankan nyawa dan merugikan harta benda.

Semua itu, tegasnya menggambarkan kemampuan JPB dalam menunaikan tanggungjawab sebagai organisasi yang responsif dan proaktif selain ianya penting, kerana kesedaran dan kefahaman merupakan tunggak utama bagi mem-

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Ramli Tengah

bolehkan mereka mencapai keselamatan yang berterusan.

Awang Haji Johari menjelaskan perkara tersebut di Majlis Perasmian Program Bomba Bersama Masyarakat Mukim Berakas 'B' yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan berlangsung di Balai Bomba Lambak Kanan di sini.

Tambah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba, usaha sepadu yang diunkayahkan oleh jabatannya dan Penghulu serta Ketua-ketua Kampung di Mukim Berakas 'B' merupakan langkah ke arah mewujudkan keamanan dan keselamatan dalam memberi ruang kepada penduduk-penduduk kampung khususnya para belia dalam sama-sama memikul kewajiban dan tanggungjawab masing-masing dengan tidak menyerahkan kepada agensi kerajaan yang berwajib saja.

Program kemasyarakatan seumpama itu merupakan agenda utama dalam milestone perancangan strategik JPB untuk memastikan masyarakat umum dari daerah, mukim dan kampung seluruh negara diintegrasikan dalam

aktiviti sosial agar terus komited dan memiliki nilai kekitaan terhadap bangsa, agama dan negara agar rakyat dan penduduk terus menikmati keamanan, keselamatan dan kesejahteraan.

Program Bomba Bersama Masyarakat melibatkan penyertaan penduduk dari 10 buah kampung dalam Mukim Berakas 'B' dengan harapan dapat mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk perpaduan ummah dan sikap berbaik-baik, di samping untuk mewujudkan rasa muhibah dan kefahaman serta kerjasama di antara institusi kampung dengan agensi kerajaan dalam sama-sama mengemblem tenaga dan buah fikiran ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara.

Program yang diadakan sehari itu menyajikan pelbagai aktiviti termasuk acara bagi kanak-kanak seperti Peraduan Mewarna dan pelbagai acara bagi orang dewasa.

Awal dari acara perasmian, majlis dimulakan dengan senam robik beramai-ramai dan seterusnya kutipan derma Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami sebelum larian amal dijalankan.



PENGHARGAAN ... Penghulu Awang Haji Ismail bin Apang menerima sijil penghargaan sebagai Sukarelawan Bomba oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.



SENAMROBIK ... Program Bomba Bersama Masyarakat dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyaksikan peralatan memadam api dan kebakaran (kiri). Sementara gambar kanan, demonstrasi memadam oleh anggota-anggota Pasukan Bomba.



BERCAKAP mengenai kejayaan sesebuah persatuan atau syarikat kerjasama/koperasi di negara ini maka kita jangan terlepas pandang bahawa Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) merupakan salah sebuah daripadanya. PGGMB berjaya dan unggul dalam aktiviti berpersatuan serta cemerlang dalam kegiatan ekonominya.

Bangunan PGGMB (baru) yang berdiri megah dan tersergam indah di tengah Bandar Seri Begawan berharga \$30 juta itu merupakan mercu tanda dan ukuran kejayaan persekutuan tersebut. Bangunan yang dibuka rasmi pada bulan Mei 2002 juga melambangkan kegigihan semangat guru-guru Melayu Brunei untuk memajukan anak bangsa bukan sahaja di bidang pendidikan tetapi juga di bidang ekonomi.

Kemasyhuran PGGMB sebenarnya sudah lama terserlah dengan terbinanya Bangunan PGGMB yang lama setinggi enam tingkat (di atas tapak yang sama) pada tahun 1963 terletak di tebing Sungai Kianggeh. Semenjak itu membawa ke tahun 70-an bangunan tersebut merupakan yang paling tertinggi dan moden (bangunan pertama yang menggunakan sistem lif) di Bandar Seri Begawan.

Selama lebih tiga dekad lamanya ia menjadi kebanggaan di kalangan ahli PGGMB khususnya dan orang-orang Melayu umumnya. Bangunan itu mempunyai nilai sentimental di hati setiap ahli terutama golongan veteran PGGMB kerana ia mencerminkan salah satu agenda perjuangan PGGMB dalam pembangunan ekonomi yang telah meletakkan namanya setaraf dengan organisasi-organisasi yang berjaya di negara ini.

CANGGIH

Sesuai dengan keadaan semasa, pembinaan bangunan baru menggantikan yang lama itu akan lebih menyerlahkan lagi keunggulan PGGMB, kerana bangunan tersebut lebih besar dan canggih, dilengkapi dengan per-

alatan dan kemudahan moden.

Dengan reka bentuknya yang moden, canggih dan unik, bangunan PGGMB yang baru itu juga diilhamkan (berkonsepkan) sebagai pusat membeli-belah, pusat hiburan keluarga dan pusat persidangan antarabangsa di alaf baru.

Antara kemudahan yang terdapat di bangunan tersebut ialah ruang komersil (tingkat bawah hingga tingkat dua); ruang letak kereta bertingkat (tingkat enam hingga lapan); tiga buah Cineplex (tingkat tiga hingga lima); Service Apartment (tingkat sembilan hingga tingkat 10); ruang-ruang pejabat (tingkat 11 hingga 14) dan dewan persidangan (tingkat 15).

Mengikut perancangannya, kawasan bangunan juga berkonsepkan 'Taman Dalam Bandar', dengan keindahan landskap yang mempunyai reka bentuk kesenian Brunei asli dan medan selera antarabangsa sebagai tempat beristirahat, rekreasi dan meninjau selera bagi warga kota termasuk pelancong dalam dan luar negeri.

Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Haji Ahad dalam perutusannya sempena pembukaan rasmi bangunan baru PGGMB antara lain menegaskan, wacana pembinaan semula bangunan PGGMB adalah bersifat e-Building bagi menyahut cabaran ekonomi yang merupakan salah satu agenda masyarakat sejagat.

Menurutnya, warga Brunei tidak terkecuali akan terpinggir dan akan sentiasa berterusan menjadi warga, ibarat tangan-tangan yang sentiasa menjawab dan menerima serta bukan sebagai pemberi dan penyedia jika warga PGGMB tidak dicanai menjadi warga madani. Warga PGGMB perlu di 'groom' agar sentiasa menjadi pencipta sejarah dan bukan penulis sejarah.

"Namun begitu, 'Nothing Venture Nothing Gain' adalah slogan yang tepat. Sesuatu yang dirancang itu jika tidak diuji dengan semangat yang kental sudah setentunya

PGGMB MENYERLAH DI BIDANG EKONOMI 'Jadikan 'role model' dalam kegiatan berkoperasi'



Oleh Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

tidak akan membuahkan hasil. Saya kira semangat inilah juga yang terdapat dalam kepimpinan PGGMB zaman ketiga," tegas Awang Haji Antin.

Beberapa aspek yang boleh menyumbang kepada kejayaan PGGMB, menurut Awang Haji Antin ialah kekuatan yang ada perlu digunakan secara bijaksana; PGGMB bercermin diri untuk bertindak bagi mengatasi kelemahan dan kekuatannya; mengoptimalkan peluang-peluang yang ada; berusaha mengatasi masalah yang ada dan jangan terlepas menggunakan 'the right timing' yang ada.

EKONOMI

Sejak awal penubuhannya, kegiatan ekonomi merupakan salah satu fokus utama PGGMB. Syarikat Kerjasama Jimat Cermat Dan Bantu Membantu (SKS & BM); Syarikat Permodalan dan Pelaburan PGGMB (SPPGMB); Iktisad Guru-Guru Melayu Brunei (kedai runcit) terletak di bangunan lama (kini WISMA JAYA) merupakan antara usaha awalnya.

Kegiatan ekonominya terus berkembang dengan pembinaan Taman Puri PGGMB dan penubuhan Sekolah PGGMB. Ia terus berkembang dengan pembelian tiga buah rumah di May Garden pada tahun 1983 dan pembelian bangunan Sekolah Tunas Jaya PGGMB di Lambak Kanan pada tahun 1986.

Pada tahun 1991 PGGMB telah membina

Wisma Puri setinggi enam tingkat; pembinaan Wisma Jaya (enam tingkat) di Jalan Pemancha (1991); melabur dalam ASEAN Nestle ADV (1993); pembelian dua unit rumah kedai di Beribi (1994); pembelian empat unit banglo di Kampung Sungai Hanching (1994) dan pembinaan Tunas Jaya PGGMB, Kuala Belait (1994).

Pada tahun 1995, PGGMB juga telah melabur dalam IBB-Nikko Investment; membina Sekolah PGGMB Sungai Akar (1995); Membina Sekolah Tunas Jaya PGGMB, Madang (1995); melabur dalam Baiduri Finance (1996) dan pembelian Churiah PGGMB Travel Service (1997).

Aktiviti ekonomi PGGMB terus berkembang dengan pembinaan tiga unit rumah kedai di Jalan Gadong, Kampong Beribi, Jangsak pada tahun 1998; membangun semula Bangunan PGGMB pada tahun 1999; melabur dalam Australian Technology Park di Sydney, Australia pada tahun 2000 dan penubuhan Sekolah Menengah PGGMB pada tahun 2001.

PROSPEK

Dengan penubuhan beberapa bahagian yang telah berkembang maju itu, PGGMB akan terus berusaha meningkatkan aktiviti ekonomi dan sosialnya. Ia berhasrat untuk menjadi sebuah pertubuhan kebangsaan yang dinamik, proaktif dan berketrampilan dalam bidang-bidang yang diceburi sama ada di dalam

mahupun di luar negeri.

Dengan perkembangan yang agak pesat itu, tidak mustahil bagi PGGMB untuk terus maju ke hadapan. PGGMB berhasrat untuk melibatkan diri di dalam bidang perniagaan konvensional, termasuklah industri pelancongan dan industri kewangan serta perbankan.

Sementara itu di bidang pendidikan, PGGMB akan terus mempergiatkan penubuhan sekolah-sekolah bagi memasuki era pengajian sekolah menengah dan menceburi industri pendidikan seperti penubuhan kolej swasta dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama dengan institusi atau agensi-agensi pendidikan di dalam dan luar negeri.

Pendidikan IT dan ICT adalah juga menjadi matlamat PGGMB. Pendidikan IT dan ICT yang diperkenalkan pada bulan Februari 1995 di Sekolah Tunas Jaya Madang dan Lambak telah dikembangkan ke sekolah-sekolah PGGMB yang lain dan menjadi salah satu mata pelajaran yang mempunyai potensi meluas terutama sekali dalam perkembangan semasa yang mengutamakan pendidikan komputer.

Pihak PGGMB berusaha untuk meningkatkan tarafnya, bukan sahaja untuk menyediakan pendidikan tersebut kepada murid-murid sekolah tetapi juga menjadi sebuah institusi yang melahirkan tenaga pengajar yang berkelayakan untuk meningkatkan pengetahuan IT dan ICT kepada guru-guru komputer di seluruh negara.

SEJARAH

PGGMB ditubuhkan dalam tahun 1937 hasil kesedaran untuk menyatupadukan guru-guru Melayu di seluruh Negara Brunei Darussalam. Ia didaftarkan dengan rasminya sebagai sebuah persekutuan kebajikan.

Sehingga kini PGGMB dianggotai oleh lebih dari 2,500 ahli terdiri guru-guru dan pegawai-pegawai pendidikan.

Lain-lain matlamat penubuhan PGGMB ialah untuk mengumpul keseluruhan guru-guru Melayu di bawah satu hujung bagi mencapai kata sepakat dan membuat keputusan bersama agar lebih dinamik.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan tahap sosial dan ekonomi ahli-ahlinya. Sememangnya tujuan asalnya ingin membantu guru-guru mengurangkan beban ekonominya sekali-gus meningkatkan tahap sosial dengan lebih banyak penumpuan aktiviti kepada mengembangkan bidang ekonomi. Juga menjadi hasrat PGGMB ialah untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat Negara Brunei Darussalam khususnya ahli dan anak-anak ahlinya.

KOPERASI

Kegiatan berkoperasi sememangnya bermanfaat bukan sahaja kepada para ahli malah dapat menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat dan orang ramai umumnya. Selain itu ia juga menyedikan wadah kerjasama dan perpaduan untuk meningkatkan taraf sosial masyarakat. Koperasi juga dapat menghindarkan 'kapitalisme dan monopoli' dalam perniagaan.

Salah satu topik 'perbualan umum' ketika ini ialah, bercambahnya kedai-kedai runcit baik di pekan-pekan termasuk di kampung-kampung yang keseluruhannya dijalankan oleh peniaga asing. Begitulah juga keadaan-nya dengan jenis-jenis perniagaan lain seperti kedai jahit, restoran, perkhidmatan memotong rumput dan pembinaan membawa kepada perniagaan kecil di gerai-gerai. Sebahagian besarnya berpunca dari sikap 'orang kita' yang berniaga secara 'Ali Baba' atau lebih parah lagi sekadar menyewakan lesen mereka kepada orang asing.

Kelihatannya jenis-jenis perniagaan yang disebut di atas terutama kedai-kedai runcit sudah dimonopoli oleh 'peniaga asing'. Ini merupakan fenomena yang kurang baik terhadap perkembangan masa depan perniagaan tempatan. Segala bantuan dan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan tidak 'berbaloi' atau mendatangkan hasil yang diharapkan.

Salah satu cara bagi mengatasi 'fenomena' ini ialah dengan menubuhkan koperasi di kalangan masyarakat setempat. Perniagaan harus dikembangkan 'merapusi' perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh penduduk setempat dan orang ramai umumnya.

Menurut pengamatan penulis, beberapa buah kampung yang mempunyai kedai koperasi sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan atau mengelakkan percambahan 'kedai-kedai runcit' bangsa asing untuk terus bertapak.

Konsep kedai koperasi ialah 'ahli-ahli perlu membeli di kedai syarikat dan keuntungannya akan di raih bersama'. Satu lagi kemudahan yang disediakan ialah sistem 'bayar bulan' di mana setiap ahli boleh 'membeli' barangan dan dibayar setiap hujung bulan selepas menerima gaji.

Kebanyakan kedai koperasi juga akan memberikan insentif berupa 'bonus' kepada ahli yang membeli barangan pada jumlah yang paling tinggi di kedai syarikat. Kiranya akan dibuat setiap penghujung tahun.

Istilah mudah dalam berkoperasi ialah 'modal bersama, untung bersama dan rugi bersama'. Semua orang tidak mahu rugi, jadi kalau mahu untung, semua ahli mesti berbalanja di kedai koperasi sendiri.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)


LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA, KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian III

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pertanyaan mengenai Akaun Ahli	serta-merta
2.	Permohonan mendapatkan Penyata (selain daripada Penyata Tahunan)	serta-merta



DALAM tempoh 20 tahun penubuhannya, Maktab Jurawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MJPAPRSB) telah menghasilkan 1,057 orang graduan dalam Diploma Asas Kejururawatan dan 294 orang dalam Diploma Lanjutan Pengkhusasan Kejururawatan. Maktab itu sebagai sebuah institusi pendidikan jurawat dan bidan kebangsaan akan terus berperanan secara aktif dalam memajukan dan mengeluarkan tenaga kerja profesional yang dilengkapi dengan pembentukan sikap serta nilai-nilai moral dan rohani yang mantap sejajar dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan keperluan pembangunan negara. Dalam gambar kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah semasa berangkat di Majlis Konvokesyen Pertama MJPAPRSB dan seterusnya mengiktirafkan sijil dan rencana kepada 23 graduan yang berprestasi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 24 Mac 1990. - Sumber: PELITA BRUNEL, 28 Mac 1990 (1990 : 3) dan 4 April 1990 (1990 : 8). Bandar Seri Begawan: Bahagian Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri & Buku Program Konvokesyen Ke-11 Maktab Jurawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Khamis, 5 Rabiulawal 1426H bersamaan 14 April 2005M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (2005 : 10 & 12).



Umat Islam wajar mengenang jasa Rasulullah

wahai Muhammad terhadap perbuatan mereka dan tiadalah berhasil kesabarannya melainkan dengan pertolongan Allah, dan janganlah kamu berdukacita terhadap kedingan mereka dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan."

Kedua: Sifat pemaaf, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukanlah seorang pendendam dan tidak suka bertindak balas dalam keadaan sengsara dan dianiaya. Ini terbukti dalam sejarah apabila orang Taif dari kabilah Shakif menghalau dengan kasar sambil melempar Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan batu, tetapi semua itu dihadapi dengan sabar bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memaafkan mereka. Begitu juga kisah Baginda memaafkan perempuan Yahudi yang meletakkan racun pada hidangan (daging kambing) yang dihidangkannya kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 159 yang tafsirannya:

"Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalau engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu, dan pohonlah ampun bagi mereka..."

Ketiga: Sifat sentiasa bersyukur, sebagaimana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

riwayat Al-Iman Muslim yang bermaksud:

"Dari Al-Mukhairat bin Sya'bat Radiallahuanhu berkata: Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan sembahyang sampai bengkak kedua kakinya, lalu ditanya kepada Baginda: Wahai Rasulullah, mengapa tuan membebani dengan hal yang demikian sedangkan Allah telah pun mengampuni dosa-dosa tuan yang telah lalu dan yang akan datang? Baginda lalu menjawab: Tidak patutnya saya menjadi hamba yang bersyukur?"

Begitulah indahnya dan mulianya akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, walaupun Baginda seorang Nabi yang terpelihara (maksud) tetapi Baginda tetap beribadat dan sentiasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala. Cuba kita tanya diri kita! Sejauh mana kita dapat mengambil iktibar dan merealisasikan pengajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan kita?

Di samping kita mengambil iktibar dan pengajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini, agama kita juga menuntut umatnya supaya mengingati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan berselawat, kerana berselawat adalah merupakan doa dan sanjungan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 56 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya Allah dan Malaikat-malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu

kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan menghormatinya yang sepenuhnya."

Oleh itu perbanyakkanlah berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana amalan berselawat tidaklah terhad pada waktu, bulan atau musim tertentu sahaja. Maka amalkanlah berselawat ini kerana amalan selawat banyak fadilat dan kelebihannya, sebagaimana maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Sesiapa membaca selawat kepadaku sekali, maka Allah melimpahkan kepadanya sepuluh rahmat dan dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan serta Allah mengangkat sepuluh darjat." (Hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari, An-Nasaie, Ahmad dan Al-Hakim).

Adapun berselawat ini banyak fadilat dan kelebihannya, antaranya:

* Boleh menyelamatkan pengamalannya dari segala sesuatu yang tidak diinginkan dan boleh menyampaikan hajat yang dipohonkan, sebagaimana maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Sesungguhnya doa itu terdahan di antara langit dan bumi, tidak dapat naik sedikit pun daripada itu, sampai ia mengucapkan selawat kepada Nabimu (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam)." (Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

* Membersihkan hati dan melapangkan fikiran atau kesempatan yang dihadapi oleh pengamalannya dalam menjalani kehidupan

seharian.

* Selawat juga boleh menjadikan kita sihat sejahtera dan dijauhi dari segala malapetaka dan dapat menyembuhkan segala penyakit dengan izin Allah Subhanahu Wataala.

* Selawat dapat meluaskan dan memberkati rezeki pengamalannya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala dan jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan selawat atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengikuti majlis-majlis keagamaan dan menyertai perarakan 'Maulid Nabi', sebagai tanda memperingati hari kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan tanda kesyukuran serta kasih kita kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kekasih Allah dan kesayangan kita. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat Allah Subhanahu Wataala dan syafaat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat. ... Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 158 yang tafsirannya:

"Katakanlah wahai Muhammad: Wahai sekalian manusia sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, diutus oleh Allah yang menguasai langit dan bumi. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutlah dia supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan di mana Nabi besar junjungan kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diputerakan. Pada kelazimannya berbagai aktiviti keagamaan diadakan seperti Majlis Berdikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid dan balai-balai ibadat, syarahan-syarahan agama dan bermacam-macam lagi aktiviti keagamaan, semata-mata demi untuk memperingati hari kelahiran dan keagungan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Adalah sememangnya wajar kita umat Islam mengenang jasa yang begitu besar yang telah dicurahkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu menyelamatkan manusia dari alam jahiliyah kepada hidup bertamadun, dari kebatilan kepada kebenaran. Kepimpinan dan akhlak Baginda sepatutnya dicontohi dan diteladani kerana adalah tidak bererti jika kita hanya memperingati kelahiran Baginda sedangkan tunjuk ajar dan kepimpinan Baginda tidak dituruti dan tidak mendatangkan perubahan terhadap kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Saba' ayat 28 yang tafsirannya:

"Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan pemberi amaran kepada orang-orang yang ingkar, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya."

Cuba kita renung, betapa besar pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam berjuang menyebarkan dakwah Islamiah yang penuh dengan peristiwa pahit dan getir, menempuh berbagai ancaman dan halangan, menghadapi bermacam-macam kesengsaraan, penderitaan, penindasan dan sebagainya. Namun Baginda tetap tidak putus asa dalam menjalankan perintah Allah Subhanahu Wataala dengan keimanan yang tebal dan keyakinan yang padu kepada Allah Subhanahu Wataala,

disertai dengan kasih sayang Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umat Baginda. Akhirnya, Baginda berjaya menegakkan syiar Islam di seluruh alam, sebagaimana yang digambarkan dalam Al-Quran Surah At-Thaubah ayat 128 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahannya yang ditanggung oleh kamu yang sangat inginkan kebaikan kamu dan ia pula menampahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."

Dalam Al-Quran banyak menceritakan tentang akhlak dan keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 yang tafsirannya:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik pada Hari Akhirat dan mengingati Allah (dalam susah dan senang)."

Di antara sifat-sifat mahmudah yang ditunjukkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut kita contohi dan teladani ialah:

Pertama: Sifat sabar, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang yang amat penyabar.

Baginda menahan kemurkaan, kesakitan dan penganiayaan kaum Musyrikin di permulaan dakwah Baginda. Contohnya: Kisah Abu Jahal dan teman-temannya meletakkan perut unta di bahu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda sedang sujud menunaikan salat, selepas itu mereka pun ketawa melihat kejadian itu sambil mengejek-ejek Baginda. Walau bagaimanapun, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetap sabar dan tidak bersedih di atas penganiayaan itu. Sifat kesabaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ada digambarkan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nahl, ayat 127 yang tafsirannya:

"Dan bersabarlah

وقت سمیه، امساك، شورو دان ضحی

وقت ۲ سمیه، امساك، شورو دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 11 ربيع الأول، 1426 برسمان دغن 20 افريل، 2005 هيگ کھاري ثلاث، 17 ربيع الأول، 1426 برسمان دغن 26 افريل، 2005 اداله سمرت دباوه اين-

مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شورو	ضحی	مسیحی
ربیع الأول									
11	12.21	3.32	6.27	7.38	4.44	4.54	6.11	6.35	20
12	12.21	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.35	21
13	12.20	3.33	6.27	7.38	4.43	4.53	6.11	6.34	22
14	12.20	3.33	6.27	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	23
15	12.20	3.34	6.27	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	24
16	12.20	3.34	6.27	7.38	4.42	4.52	6.10	6.34	25
17	12.20	3.34	6.27	7.38	4.41	4.51	6.10	6.33	26

وقت ۲ سمیه باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دائره دتمبه تیگ مینیت، سمیه فرض جمعة دسلورو نگارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تفهاري.

SEMAHYANG TAHAJJUD: JANGANLAH DILUPAKAN

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

MEMANJANGKAN BACAAN, SEMASA BERDIRI ATAU SEMASA RUKUK DAN SUJUD?

MENURUT Ishak bin Rahwayah dalam kitab Al-Majmuk menyatakan bahawa afdal memanjangkan bacaan semasa rukuk dan sujud daripada memanjangkan bacaan semasa berdiri bagi sembahyang sunat yang dilakukan di waktu siang. Sebaliknya di waktu malam, memanjangkan bacaan semasa berdiri lebih afdal daripada memanjangkan bacaan semasa rukuk dan sujud, kerana sesungguhnya banyak keterangan daripada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan bahawa memanjangkan bacaan semasa berdiri lebih afdal daripada memanjangkan bacaan semasa rukuk dan sujud. Ini kerana bacaan zikir semasa berdiri lebih afdal daripada bacaan zikir ketika rukuk dan sujud.

Hadis Jabir Radiallahuanhu yang maksudnya:

Daripada Jabir katanya: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya, sembahyang apakah yang lebih afdal? Baginda bersabda: Memanjangkan bacaan semasa doa qunut (berdiri)." (Hadis riwayat Ahmad).

Di mana lebih afdal, di rumah atau di masjid?

Sembahyang sunat yang tidak disunatkan berje-maah seperti Sembahyang Tahajjud adalah lebih afdal dikerjakan di rumah, tetapi boleh juga dikerjakan di masjid yang maksudnya:

"Wahai manusia, kerjakanlah sembahyang di dalam rumah-rumah kamu, sesungguhnya sebaik-baik sembahyang seseorang adalah di dalam rumahnya, kecuali sembahyang fardu." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Daripada riwayat Abu Musa Radiallahuanhu dari-pada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Perumpamaan rumah yang diingati Allah di dalamnya dan rumah yang tidak diingati Allah di dalamnya, adalah seperti perumpamaan orang yang hidup dengan orang yang mati." (Hadis riwayat Muslim).

Dalam riwayat Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Kerjakanlah sembahyang kamu di rumah kamu, dan janganlah kamu jadikan rumah kamu itu seperti kubur." (Hadis riwayat Muslim).

BOLEHKAH BERSEMAHYANG TAHAJJUD SELEPAS WITIR?

Apabila seseorang itu sudah mengerjakan Sembahyang Witir, kemudian dia hendak mengerjakan sembahyang sunat yang lainnya seperti Sunat Tahajjud, hukumnya adalah harus dan tidak makruh perbuatannya itu. Akan tetapi bolehkah dia mengulangi Sembahyang Witirnya itu? Dalam hal ini, Sembahyang Witirnya yang awal itu tidak terhapus. Oleh yang demikian janganlah diulangi Sembahyang Witirnya itu, dan bolehlah dia mengerjakan apa saja sembahyang yang syaf'an (genap) jika dia mahu.

Dalam sebuah hadis Thaq bin 'Ali dari-pada ayahnya berkata yang maksudnya:

"Saya pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiada dua witir dalam satu malam." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

BOLEHKAH SEMBAHYANG TAHAJJUD DIQADA?

Menurut Ibnu Hajar Al-Haitami apabila luput Sembahyang Tahajjud, sunat diqada sebelum menunaikan Sembahyang Subuh jika ada masa yang panjang. Jika tidak, bolehlah diqada setelah habis waktu yang ditegah untuk bersembahyang sunat. Walau bagaimanapun, dibolehkan mengqadanya di dalam waktu yang ditegah itu, kerana ia termasuk antara sembahyang yang mempunyai sebab terdahulu, selama mana tidak mencari-cari peluang dengan sengaja untuk melakukannya di dalam waktu yang ditegah.

MANISNYA SEMBAHYANG TAHAJJUD

Bangun tengah malam untuk bersem-

bahyang Tahajjud bukanlah mudah, ia hanya dilakukan oleh hamba yang ingin memanjatkan doanya, rasa takut akan kemurkaan Allah Taala, di samping ingin memohonkan serta mengharapkan reda Allah Taala, sehingga mata lena dan mata mengantuk diterangi. Maka atas asas semuanya ini, semua halangan dan rintangan dapat diatasi. Mata yang mengantuk mudah dipimpin untuk memuja bagi mendapatkan reda Allah Taala, kerana keredaan Allah Taala itulah yang diharap-harapkan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Serta keredaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya." (Surah At-Taubah: 72)

Demikian itulah matlamat Sembahyang Tahajjud sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirannya:

"Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan Sembahyang Tahajjud dan amal-amal salih); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami berikan kepada mereka." (Surah As-Sajadah: 16).

Rahsia kemanisan iman dan takwa sebagaimana yang digambarkan oleh ayat di atas tidak akan dirasai melainkan orang yang terjun dan berenang dalamnya. Maka bertolak daripada fadilat dan kelebihan Sembahyang Tahajjud sebagaimana yang diterangkan terdahulu sekali-kali jangan ia dilupakan, kelak akan kerugian!

Untuk mengakhiri IRSYAD HUKUM ini, disebutkan lagi beberapa kelebihan-kelebihan Sembahyang Tahajjud sebagai tambahan iaitu:

Orang yang menunaikan Sembahyang Tahajjud akan diberikan sembilan keutamaan di dunia dan di akhirat sebagaimana riwayat Umar Al-Khattab Radiallahuanhu



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 202 Bahagian Akhir

yang maksudnya:

"Daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Sesiapa bersembahyang waktu tengah malam (tahajjud) dan memelihara sembahyang tersebut, Allah akan memberikan kepadanya dengan sembilan macam kemuliaan; lima di dunia dan empat di akhirat.

Lima macam kemuliaan di dunia itu ialah:

1. Allah akan memelihara dirinya daripada segala penyakit.
2. Dinampakkan pada mukanya tanda-tanda sebagai orang yang taat kepada Allah.
3. Disayangi oleh hati-hati orang-orang salih dan sekalian manusia.
4. Lidah berisi hikmat (percakapannya penuh dengan hikmah).
5. Dijadikan orang yang bijaksana dengan dikurniakan pengetahuan yang tinggi.

Empat macam kemuliaan di akhirat pula ialah:

1. Dibangkitkan daripada kubur dengan wajahnya yang putih bercahaya.
2. Diringankan hisabnya.
3. Dipermudahkan baginya meniti shirat (jambatan) seperti kilat.
4. Diberi buku amalan dengan tangan kanan di akhirat kelak."

WALLAHUALAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

SEBAGAI manusia biasa, sama ada disedari atau tidak, kita tidak terlepas dari melakukan dosa apatah lagi dalam zaman yang serba moden dan canggih ini, tentunya kebanyakan manusia leka dengan kemewahan dunia sehingga ada yang terlanjur tenggelam dan lupa diri oleh kemajuan itu. Apa yang jelas, tidak seorang manusia pun yang bersih dari dosa kecuali para Nabi dan Rasul.

Maka di sinilah letaknya kepentingan taubat dan istighfar kerana bertaubat dan beristighfar di samping mengharap akan mendapat keredaan dari Allah Subhanahu Wataala, adalah di antara cara yang dapat menghapuskan dosa.

Bertaubat adalah wajib ke atas tiap-tiap orang yang melakukan maksiat sebagaimana firman Allah di dalam Surah Al-Tahrim ayat 8, yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman bertaubatlah kamu kepada Allah (mintalah dihapuskan-Nya dosa kamu) dengan Taubat Nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai."

Taubat bermaksud kembali ke jalan Allah dengan menyesali dan meninggalkan perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak akan melakukan atau mengulangi perbuatan dosa itu lagi. Dia menyesal dan

TAUBAT DAN ISTIGHFAR

mengetahui bahawa maksiat dan dosa yang telah dilakukan itu sangat memberi mudarat kepada agama di dunia dan di akhirat dan menjadi pendinding antara seseorang dengan Allah. Dia kembali ke jalan Allah dengan harapan Allah akan mengampuninya dan akan membersihkan dirinya dari dosa yang telah dilakukannya dan dari azab Allah di akhirat nanti.

Sebenarnya taubat dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah. Di samping itu orang yang bertaubat itu akan dapat mencapai kesempurnaan amal ibadatnya dan membawa kemenangan di dunia dan akhirat. Orang yang bertaubat itu juga dikasihi oleh Allah sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 222, yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan dirinya daripada dosa."

Di samping bertaubat, istighfar adalah satu amal yang terpenting kerana istighfar itu bererti memundukkan jiwa, hati dan segenap fikiran semata-mata kepada Allah Subhanahu Wataala serta memohon ampun kepada-Nya atas segala dosa dan kesalahan.

Apabila istighfar seseorang itu diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, maka dengan sendirinya orang tersebut menjadi suci dan bersih. Kebersihan fizikal dan jiwa bukan sahaja sebagai satu keharusan sebelum menghadapi dan melaksanakan amal-amal lain, bahkan ianya juga perlu dalam melaksanakan semua amal yang bersifat sahshiah dan berbentuk ke-

masyarakatan.

Islam menganjurkan umatnya supaya memperbanyakkan istighfar dengan memohon ampun atas kesalahan dan dosa kepada Allah Subhanahu Wataala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Ali 'Imran ayat 135 yang tafsirnya:

"Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang telah mereka lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya)."

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abdullah bin Abbas katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Barangsiapa memperbanyakkan mengucap istighfar (memohon ampun) nescaya Allah Subhanahu Wataala menjadikan baginya kelapangan dari tiap-tiap kesesahan dan memberi jalan keluar dari tiap-tiap kesempitan dan Allah Subhanahu Wataala mengurniakan rezeki yang tidak terkira banyaknya."

Orang-orang yang tidak pernah menyesali akan dosa dan maksiat yang pernah dilakukannya adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang membesarkan diri atau takbur. Allah Subhanahu Wataala menjanjikan kepada orang-orang seperti ini seksaan dan azab yang

amat pedih sebagaimana di sebut di dalam Al-Quran Surah Al-Zumar ayat 72 yang tafsirnya:

"(Setelah itu) dikatakan kepada mereka: Masukilah pintu-pintu Neraka Jahanam itu dengan keadaan tinggal kekal kamu di dalamnya; maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sombong takbur ialah Neraka Jahanam."

Dari itu, hendaklah kita sentiasa menginsafi diri kita dalam setiap waktu dan keadaan agar kita selalu dilindungi oleh Allah dengan rahmat-Nya.

APABILA istighfar seseorang itu diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, maka dengan sendirinya orang tersebut menjadi suci dan bersih. Kebersihan fizikal dan jiwa bukan sahaja sebagai satu keharusan sebelum menghadapi dan melaksanakan amal-amal lain, bahkan ianya juga perlu dalam melaksanakan semua amal yang bersifat sahshiah dan berbentuk kemasyarakatan.

LATAR BELAKANG KENAKALAN REMAJA

KAUM remaja adalah individu yang berada di antara masa kanak-kanak dan kehidupan dewasa. Ramai pakar telah menentukan bahawa mereka ini adalah berumur antara 12 hingga 21 tahun.

Pada waktu transisi sedemikian, para remaja mulai berminat terhadap diri sendiri dan kesedaran tentang dirinya sebagai individu berkeperibadian, berminat terhadap jenis jantina yang lain dan berkeinginan dan suka dipuji oleh orang lain terutama jantina yang berlawanan.

Kaum remaja menyedari bahawa mereka bukan kanak-kanak lagi. Alam kanak-kanak mereka sudah berlalu, tetapi mereka belum menemui bentuk bagaimana seorang dewasa. Dengan yang demikian berakutlah ketidakserasian antara alam kanak-kanak dan dewasa yang menyebabkan tindak-tanduk mereka biasanya kelihatan canggung, kaku dan ragu-ragu.

Istilah kenakalan remaja atau anak-anak nakal adalah terjemahan daripada perkataan Inggeris 'juvenile delinquency'. Secara umum istilah ini meliputi kenakalan remaja dalam semua tingkah laku mereka yang menyimpang serta perbuatan-perbuatan mereka yang salah dan sering mereka lakukan yang merupakan kejahatan yang sering diberikan hukuman. Contohnya seperti ponteng sekolah, merokok, menagih dadah, memperkosa, mencuri, membunuh dan sebagainya.

Banyak sebab dan punca kenakalan remaja yang telah dikenal pasti. Antaranya ialah pembawaan semenjak lahir. Faktor pembawaan sejak lahir ini dikatakan sebagai satu punca yang amat sukar untuk diatasi. Ramai pakar mengatakan punca kenakalan seumpama ini adalah hampir-hampir tidak dapat dipulih atau diperbaiki sepenuhnya. Dari penyelidikan yang telah dijalankan terhadap sejumlah remaja, pernah dite-

mukan ada individu tertentu yang mempunyai potensi atau bakat 'potential delinquent'. Kajian berdasarkan kromosom ini mempunyai kecenderungan untuk menjadikan seseorang itu akan memiliki sikap yang kurang normal atau nakal.

Punca kedua pula ialah disebabkan oleh penyakit. Penyakit yang dimaksudkan di sini ialah penyakit jiwa dan badan. Antaranya ialah penyakit cacat mental yang mana dalam keadaan ini, remaja berkenaan akan menjadi seorang yang mempunyai tahap pemikiran yang rendah daripada normal. Satu lagi penyakit ialah neurosa yang juga dipanggil sebagai penyakit jiwa yang ringan. Penghidap penyakit ini akan selalunya menyelesaikan permasalahan mereka dengan cara yang tidak wajar, misalnya terlalu cemas, susah hati yang berlebihan atau tertekan yang tidak terkawal, takut atau phobia. Kesemua keadaan berkenaan boleh saja mendorong remaja berkenaan untuk melakukan kenakalan.

Punca seterusnya ialah akibat dari penyakit psikosa atau satu keadaan di mana keperibadian remaja berkenaan telah musnah sama sekali. Mereka ini juga dikenali sebagai orang gila. Bagaimanapun punca penyakit kenakalan sedemikian ini adalah terlalu minimal jumlahnya.

Lain-lain punca atau sebab adalah akibat daripada hentakan atau gegaran kepala yang terlalu kuat atau dahsyat. Keadaan ini boleh menjadikan seseorang remaja itu 'miring' otaknya dan boleh mengubah personaliti seseorang. Keadaan sedemikian juga boleh mendorong seseorang remaja itu untuk melakukan kenakalan.

Seterusnya ialah kenakalan yang berpunca daripada gangguan psikologi dalam perkembangan keperibadian. Dalam bidang ilmu kesihatan jiwa, pembentukan keperibadian

manusia ini berlaku pada ketika usia seseorang itu daripada umur 0 sehingga tujuh tahun. Dalam tempoh berkenaan peribadi seseorang anak terbentuk melalui tiga tahap iaitu kesenangan, ego dan super ego.

Pada tahap kesenangan anak-anak akan membentuk keperibadian dalam tahap kesenangan sehingga ia berumur tiga bulan. Kemudian keperibadian mereka akan memasuki tahap kedua iaitu tahap ego di mana mereka membentuk keperibadian realiti. Seterusnya apabila mereka berusia enam hingga ke tujuh tahun mereka akan terus membentuk keperibadian super ego berdasarkan prinsip-prinsip moral.

Dalam tahun pembentukan keperibadian berkenaan akan berlakulah gangguan yang berbagai. Dengan yang demikian berakutlah pertembungan antara ketiga-tiga tahap tadi sehingga terwujudnya keperibadian yang berbagai. Ada di antaranya yang mempunyai keperibadian yang mementingkan kesenangan, ego dan juga super ego, yang mana akhirnya membawa kepada kenakalan.

Perkembangan keperibadian mereka ini akan berkembang mengikut masa. Lingkungan adalah pengaruh yang terkuat dalam membentuk keperibadian mereka. Lingkungan berkenaan ialah keluarga dan masyarakat.

Lingkungan keluarga merupakan persekitaran pertama yang dialami oleh anak di mana dari merekalah si anak mula-mula mendapat pendidikan. Dengan yang demikian keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan dan pembentukan keperibadian mereka.

Keluarga yang baik akan memberikan pengaruh yang baik terhadap perkembangan keperibadian mereka dan demikian juga sebaliknya. Keluarga yang baik juga akan dapat memenuhi fungsinya sebagai ahli dengan sempurna. Antara peranan yang seharusnya

dimainkan oleh keluarga adalah seperti bertanggungjawab terhadap perkembangan rohani dan jasmani anak, memberikan pendidikan permulaan (informal) yang bersifat umum dan pendidikan agama kepada mereka.

Keluarga juga hendaklah meletakkan nilai dasar hidup bersama atau bermasyarakat kepada anak-anak mereka, memenuhi tuntutan ekonomi, memberikan perlindungan dan kawalan kepada mereka dan juga memberikan suasana yang penuh kasih sayang serta mengelilingi mereka.

Dengan yang demikian perpecahan keluarga hendaklah dielakkan, kerana kita sering mendengar dan menyaksikan bahawa perkembangan keperibadian remaja sering saja terancam apabila berlakunya perpecahan dalam sesebuah keluarga.

Contohnya seperti ibu bapa yang bercerai-berai, keluarga yang tidak rukun, keluarga yang nafsu-nafsi dan kurang perhatian kepada anak-anak mereka. Semua itu adalah menyumbang kepada kepincangan pertumbuhan anak-anak dan akhirnya menjadi remaja yang nakal.

Luangkanlah sedikit masa dan waktu. Waktu kita, ibu bapa pergi bekerja anak-anak masih lagi tidur dan pada waktu pulang anak-anak pula sudah tidur. Belailah mereka selayaknya. Elakkanlah melakukan pertengkaran di hadapan anak-anak. Tunjukkan kepada mereka disiplin yang tinggi dan moral yang terpuji.

Kelainan-kelainan yang bertentangan dengan yang telah disebutkan di atas jelas memberikan potensi yang cukup kuat untuk seorang anak itu menjadi 'delinquent' atau nakal. Anak-anak akan mengalami kekecewaan, kekosongan dan lain-lain konflik psikologi dan akhirnya meninggalkan rumah dan memasuki kumpulan anak yang nakal.

Apa pun yang kita lakukan beberapa perkara tidak dapat diabaikan.



Kelolaan Haji
Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn



Kelolaan: Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

LATAR BELAKANG PENGGUNAAN IT DI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN

KITA telah memaparkan penandatanganan IT Network Infrastructure program e-Kerajaan bagi Jabatan Percetakan Kerajaan di bawah Projek PMONet dengan kontraktor yang dilantik di samping mengimbas latar belakang penggunaan Teknologi Maklumat di jabatan tersebut sejak tahun 80-an lagi. Siri kali ini merupakan sambungan mengenai latar belakang penggunaan IT di jabatan tersebut.

Penggunaan ICT lebih ketara dan berkembang luas dalam proses pracetak. Penggunaan close and proprietary system membataskan penggunaan saling pertukaran fail dari satu perisian ke perisian yang lain atau antara platform.

Kemunculan Sistem Desk-Top Publishing (DTP) serta peralatan dan perisian open system yang mesra pengguna (user-friendly) yang dipelopori oleh Apple Macintosh pada pertengahan tahun 80-an. Penggunaan meluas DTP pada awal tahun 90-an telah menjadikan sistem DTP lebih diutamakan.

Menjelang pertengahan tahun 90-an DTP menjadi industri standard bagi penghasilan aturhuruf dalam industri percetakan di seluruh dunia. Pada tahun 1998 sebagai langkah awal bagi jabatan ini menuju kepada peralihan tersebut, sebanyak enam buah komputer PC yang dilengkapi dengan perisian Desk-Top Publishing (DTP) telah digunakan bersama penggunaan peralatan aturhuruf yang sedia ada.

Penggunaan sistem DTP sekali lagi telah merubah paradigma aliran kerja secara tradisional iaitu penghasilan teks secara berasingan menggunakan kertas bromide yang selepas itu dijadikan filem dan gambar/ilustrasi dihasilkan menggunakan proses kamera dan kemudiannya dicantumkan sebelum proses susunletak sebelum dimuatkan ke dalam plate. Dengan adanya sistem DTP, integrasi teks, gambar dan ilustrasi dapat dihasilkan secara langsung untuk proses output ke filem dengan menggunakan Imagesetter.

Pada tahun 2000 dalam langkah jabatan tersebut menangani masalah Y2K, kesemua peralatan menggunakan proprietary system telah ditukar sepenuhnya menggunakan sistem Desk-Top Publishing dan buat pertama kali komputer Apple Macintosh yang teruji lebih sesuai digunakan dalam sistem DTP, telah diperkenalkan penggunaannya di jabatan itu. Perubahan kepada sistem DTP sepenuhnya dengan Imagesetter berformat besar telah membolehkan penghasilan filem yang telah disusunletak siap untuk dibuatkan plate.

Evolusi penggunaan komputer di Bahagian Pracetak telah banyak mempengaruhi tatacara aliran kerja secara tradisional atau konvensional komputer/bromide/paste-up/kamera/filem/layout/plate kepada kerja DTP/filem/plate sahaja. Pengurangan dalam aliran ini bukan sahaja dapat mengurangkan proses dan masa malah ia telah dapat meningkatkan produktiviti di samping dapat memuatkan maklumat mutakhir yang tidak mungkin dapat dilakukan menggunakan aliran kerja secara tradisional/konvensional.

Kakitangan pengendali kamera/bilik gelap dan kerja-kerja paste-up/susunletak terpaksa diaturkan semula dan diberikan latihan bagi membolehkan mereka mengendalikan peralatan DTP. Walaupun hampir keseluruhannya tidak pernah memegang komputer tetapi 60 peratus daripada mereka berjaya dilatih dan diserapkan dalam pengendalian DTP dan berjaya memanfaatkan kemahiran baru yang diperolehi itu.

Teknologi di pracetak bukan sahaja setakat komputer/filem/plate malahan sudah terdapat teknologi komputer ke plate atau komputer ke mesin cetak. Integrasi proses ini dikenali sebagai CIP4 (The International Cooperation For The Integration of Processes In Prepress, Press and Postpress). Dengan adanya pengenalan CIP4 nanti, maka pengurusan dan pengawalan pengeluaran serta aliran kerja akan lebih telus, lancar dan berkesan.

Terlaksananya projek e-Kerajaan Jabatan Percetakan Kerajaan yang dipanggil e-cetak bukan sahaja akan dapat mengawal dan merancang pengeluaran tetapi sebahagiannya bagi mengintegrasikan peralatan di bahagian pra cetak dengan bahagian mesin cetak.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Si Budi man

ESOK MAULUD NI... JANGAN LUPADATANG
BARAMAI-RAMAI, SELURUH DAERAH KE
PARARAKAN MAULUD ATU...



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Air keperluan asasi yang amat penting

AIR merupakan salah satu nikmat besar diurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kita untuk meneruskan hidup ini. Air adalah sumber asasi kepada manusia. Selain daripada manusia air juga adalah sumber kehidupan kepada makhluk lain ciptaan Allah Subhanahu Wataala seperti tumbuh-tumbuhan, binatang dan buah-buahan. Pentingnya air kepada manusia akan dijelaskan dalam Al-Quran Surah Ibrahim ayat 32 yang tafsirannya: "Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu menghasilkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk berlayar di laut dengan perintah-Nya, juga menurunkan sungai-sungai untuk mengambil manfaat darinya."

Seperti apa yang diketahui dan diakui bahawa air adalah satu keperluan asasi yang amat penting bagi kehidupan manusia, binatang dan juga tumbuh-tumbuhan yang ada di muka bumi ini. Manusia mampu bertahan hidup dalam beberapa minggu namun hidup tanpa air kita akan mati dalam beberapa hari saja. Ini jelas membuktikan betapa pentingnya air dalam kehidupan manusia.

Di zaman yang serba moden dan canggih ini apa yang membayangkan dunia kini kemudahan bekalan air bersih semakin berkurangan. Berdasarkan perangkaan yang diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Air (JPA), pada masa ini di seluruh dunia dianggarkan lebih dari satu bilion orang yang tidak mempunyai kemudahan bekalan air bersih. Pada tahun ini, jumlah itu dianggarkan akan meningkat kepada 2.6 bilion orang.

Pada bulan November 2002 Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hak ekonomi, kebudayaan dan sosial telah mengisytiharkan kemudahan bekalan air bersih adalah satu daripada hak kemanusiaan dan menetapkan bahawa air adalah isu sosial serta kebudayaan dan bukannya kemerosotan ekonomi.

Di negara kita Brunei Darussalam melalui JPA pada 22 Mac yang lalu telah diisytiharkan sebagai Sambutan Hari Air Sedunia dengan tema "Air Untuk Kehidupan". Tema ini bertepatan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anbiya' ayat 30 tafsirannya: "Dan Kami jadikan air tiap-tiap benda yang hidup maka mengapa mereka tidak mau beriman."

Sudah tentu tema ini mengingatkan kepada kita betapa berharganya sumber air dan betapa kita memerlukan air dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian adalah wajar bagi kita untuk mengambil langkah-langkah proaktif dan seterusnya memelihara serta meningkatkan kuantiti dan kualiti sumber air bagi kegunaan dalam kehidupan.

Selaku umat manusia seharusnya kita rasa bersyukur di atas ciptaan Allah Subhanahu Wataala yang telah menciptakan bumi dengan segala isi di dalamnya bagi memenuhi dan menepati kehendak kehidupan manusia. Dengan ini kita akan sedar dan sentiasa ingat dan bertambah keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Pencipta segalanya.

Di Negara Brunei Darussalam selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah tentu amat beruntung kerana masih mempunyai sumber bekalan air yang mencukupi. Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil beberapa langkah untuk menjaga dan memelihara sistem bekalan air di seluruh negara kepada tahap yang tinggi dan terjamin dengan mengendalikan projek-projek yang bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan serta keupayaan kapasiti sumber air di empangan-empangan. Dalam tempoh tersebut negara ini berupaya mengeluarkan kira-kira 580 juta liter air bersih sehari berbanding 400 juta liter sehari pada penghujung RKN.

Di negara ini penggunaan air meningkat dari kira-kira 177 juta liter sehari pada tahun 1991 kepada 337 juta liter sehari pada tahun 2001, iaitu peningkatan sebanyak 91 peratus dalam masa 10 tahun dan pada tahun 2015 dijangka akan meningkat sehingga 485 juta liter sehari.

Penggunaan air di negara kita adalah yang paling tertinggi di rantau ini kerana setiap seorang menggunakan air sebanyak 450 liter sehari. Berbanding dengan negara-negara yang lain hanya menggunakan 200 liter sehari bagi seorang dan ada pula yang hanya menggunakan 168 liter sehari bagi setiap seorang.

Kita seharusnya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana telah mengurniakan kepada negara kita ini. Dengan keupayaan yang ada pada negara kita dengan ini membolehkan kita berdaya, tidak bergantung kepada sumber air dari negara luar. Di samping itu juga seharusnya kita berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana telah menyediakan bekalan air pada kadar harga yang termurah di rantau ini dengan subsidi yang tidak begitu tinggi. Sebagai peringat dalam kita menikmati kemudahan ini janganlah kita lupa dan lupa akan kesenangan yang diberikan.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini memang seharusnya dan hendaklah sentiasa beringat dan berjimat cermat dalam penggunaan air. Pembaziran penggunaan air yang berlebihan adalah suatu yang amat merugikan. Seperti mana Allah telah memberi peringatan kepada manusia agar sentiasa bersyukur di atas nikmat air yang telah diberikan kepada kita, kerana sumber air amatlah berharga dan tinggi nilainya kepada manusia khususnya dalam kehidupan seharian.

Sementara itu demi menanganai isu pembaziran air di negara ini bermacam-macam usaha telah dilakukan untuk menyedarkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini supaya tidak bersikap membazir atau menggunakan sumber air secara berlebihan dengan memberi penerangan betapa pentingnya air dalam kehidupan dengan mengadakan kempen dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu umpamanya melalui media massa, poster, aktiviti-aktiviti dan jeraywara.

Bukan setakat itu sahaja, bahkan pihak kerajaan dan

orang ramai perlu bekerjasama dalam menanganai pembaziran air. Sebagai contoh jika ada berlaku kebocoran paip sudah sewajarnya orang ramai melaporkan kepada pihak-pihak tertentu mengenai kerosakan tersebut dengan segera. Seterusnya pihak kerajaan perlulah mengambil perhatian serius dan memerlukan kecekapan untuk menyelesaikan kebocoran air tersebut bagi mengelakkan berlakunya pembaziran air yang banyak. Semua orang berharap bahawa seharusnya air diperlakukan sebagai bahan yang sangat bernilai, dimanfaatkan secara bijak dan dijaga terhadap cemar. Namun kenyataannya air selalu dihaburkan, dicemari dan disiasikan.

Sebagai kesimpulannya, kita seharusnya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat merasa segala nikmat air yang telah dianggerahkan-Nya sama ada kita sedari atau tidak kerana segala kenikmatan itu mendatangkan kemanfaatan yang berguna untuk kehidupan kita di dunia ini.

Masazlinah Haji Abdul Majid,
Blok HA No. 2 Simpang 135,
Flat Jabatan Usur Jalan
Bengkong Makin/Sinarubal,
BF 2120
No. k/p: 00-126730

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Menghindari Diri Dari Bebanan Hutang'. Tarikh tutup 27 April 2005.

2. 'Sikap 'Berawar Galat' Perlu Disemai Sejak Dari Kecil'. Tarikh tutup 4 Mei 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam,

emel: pelita@brunei.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Air Penting Dalam Kehidupan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Latih diri agar sentiasa menghargai sumber air

MEMANG telah dimaklumi tanpa air entah apa akan terjadi pada kehidupan kita ini. Air terlalu penting untuk kita. Tanpa air segala apa yang kita lakukan tidak akan berjalan dengan lancar. Bayangkan jika sehari saja kita tidak menerima bekalan air pasti kita akan merasa gelisah dibuatnya.

Bersempena menyambut Hari Air Sedunia yang telah dilancarkan pada 22 Mac yang baru lalu marilah kita sama-sama menghayati makna di sebalik tema sambutan berkenaan iaitu 'Air Untuk Kehidupan'. Sudah tentu tema ini membawa makna yang amat mendalam kerana air itu memberikan suatu penghidupan kepada kita.

Alangkah ruginya kita jika kepentingan air itu tidak diambil peduli. Di negara kita ini, kita patut berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di mana melalui Jabatan Perkhidmatan Air, jabatan ini telah berusaha membekalkan bekalan air bersih untuk kita nikmati. Kita juga patut bersyukur kerana harga air di negara ini adalah murah dan berkualiti.

Seperti yang kita maklumi melalui media-media massa, penggunaan air di negara ini setiap tahun meningkat dan amat tinggi sekali berbanding dengan negara-negara lain. Perkara ini perlu diambil perhatian yang agak serius. Apa yang perlu dititikberatkan adalah cara kita menggunakan air tersebut agar tidak terlalu membazir.

Berbagai-bagai langkah juga dapat dikendalikan dalam kita menanganai masalah pembaziran air ini. Di antaranya ialah dengan mengadakan forum-forum, kempen-kempen dan memberi risalah serta maklumat berguna mengenai kepentingan air dalam kehidupan kita sehari-hari. Perlu juga diingat kita selaku penduduk di negara ini jangan hanya mementingkan diri sendiri, kita juga patut menyedari akan usaha-usaha kerajaan yang tidak kendur-kendurnya sentiasa memberikan pengajaran yang berguna bagaimana cara untuk mengelakkan pembaziran air ini berlaku.

Sebagai contoh, sesebuah keluarga itu perlu menyedarkan di antara sesamanya agar pembaziran atau penggunaan air secara berlebihan tidak berlaku. Dengan cara ini bukan saja menyedarkan ahli keluarga itu mengenai kepentingan air bahkan sikap tegur-menegur merupakan amalan yang sa-

ngat mulia. Begitu jua dengan kebocoran paip-paip air yang berlaku, janganlah kita bersikap 'camah mata' sebaliknya segera melaporkan perkara ini serta-merta agar pembaziran tidak akan berlaku. Untuk memberi kesedaran kepada pelbagai pihak, pihak kerajaan dan orang ramai perlulah berganding bahu bersama-sama menyedari akan kepentingan air. Kalau perlu, penggunaannya yang banyak patutlah disekat. Penampalan poster yang bernas mengenai air di gedung-gedung perniagaan juga boleh memberi kesedaran. Jika kita melihat saja poster ini tentu terdetik di setiap hati kita betapa bergunanya air kepada kita semua.

Oleh itu adalah perlu kita mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai kepentingan air dalam kehidupan setiap insan. Kita perlu melatih diri kita sendiri agar sentiasa mengelakkan diri dari menggunakan air secara berlebihan. Kita patut bersyukur nikmat yang diurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kerana mengurniakan air yang amat berharga. Jika kita tinjau keadaan kehidupan di negara-negara luar yang kurang menerima bekalan air bersih, kehidupan mereka amat menyedihkan sekali. Anak-anak kebuluran dan kehausan, penyakit berjangkit mula merebak, disebabkan kurangnya bekalan air bersih di negara yang terbabit. Sentunya perkara sebegini patut kita hindarkan dengan menyedarkan diri betapa air itu amat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Seperka lagi yang perlu disentuh ialah mengenai bil-bil air, jika ada yang masih tertunggak hendaklah diperjelaskan seberapa segera supaya kita akan sentiasa menikmati bekalan air secara berterusan.

Jelaslah bahawa air itu amat berharga dan berguna. Latihlah diri kita untuk menyayangi nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala ini. Penggunaan air yang berlebihan perlulah dielakkan. Sikap suka membazir air adalah suatu sikap yang amat merugikan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga khususnya kepada pentadbiran sesebuah negara.

Rahimah binti Haji Tengah,
No. 2, Berek MTSSR, Jalan Muara, BB 2313.
No. k/p: 00-115823

Sentiasa beringat-ingat dan berjimat

AIR hujan yang turun dari langit merupakan sumber alam yang dilimpahkan oleh Allah Subhanahu Wataala. Tanpa adanya air hujan air tidak akan kita nikmati di bumi suci ini, malahan kita semua tidak akan dapat hidup bertahan lama bertahun-tahun. Kerana ketidadaan air hujan, bumi akan kering-kontang dengan kemarau panjang namun dengan kekuasaan dan kebesaran ilahi bumi ini akan sentiasa dibasahi mengikut musim dengan penuh kerahmatan dan kenikmatan. Dengan adanya air hujan kita semua, haiwan dan tanaman akan dapat hidup dengan lebih subur.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia-Nya jua, kita dapat menikmati segala sumber alam yang ada. Di samping itu kita juga sangat beruntung kerana dapat hidup di negara ini dengan selesa dan sempurna di mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan segala apa jua kemudahan dan juga membekalkan air bersih serta mencukupi di mana 99.9 pe-

ratus daripada jumlah penduduk di negara ini telah pun menerima bekalan air bersih. Ini bermakna termasuk di pedalaman turut sama menikmati. Manakala kadar tarif air di negara ini juga adalah yang termurah di kalangan negara-negara ASEAN. Menurut perangkaan lagi, penggunaan air domestik adalah yang tertinggi kira-kira 300 ribu orang. Berdasarkan realiti itu, jangan sampai 'kemewahan' bekalan air dan kadar bayaran yang murah mengundang masyarakat kita tidak begitu prihatin dan berjimat cermat dalam penggunaan air.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada setiap tahun berbelanja besar menyediakan bekalan air dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 2001-2005 saja kerajaan telah memperuntukkan B\$ 394 juta atau 5.41 peratus dari peruntukan sektor penggunaan awam yang berjumlah B\$1,152 juta.

Jika dibandingkan dengan negara-negara lain, krisis air yang dihadapi mengajir kita supaya menghargai betapa pentingnya bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menjimatkan air sekurang-kurangnya 20 peratus di tahap penggunaan air masa kini. Kita juga sepatutnya bersikap rasional dan mengubah paradigma untuk membantu kerajaan dalam menanganai fenomena pembaziran air yang berlaku berleluasa di sana sini. Namun apa yang terjadi sesetengah masyarakat langsung tidak menghargai sumber berharga itu. Perbuatan membazir air terus berlaku, mereka membuang air sesuka hati.

Kita selaku rakyat atau penduduk yang sepatutnya sangat berterima kasih kepada kerajaan di mana membekalkan air bersih telah pun disalurkan ke rumah-rumah persendirian, rumah-rumah kerajaan, bangunan sektor swasta, masjid-masjid, balai ibadat, surau-surau, sekolah-sekolah dan juga turut dilartakan ke kawasan pedalaman dengan nilai harga yang termurah.

Demi untuk kepentingan kita semua selaku rakyat dan penduduk serta masyarakat hendaklah sentiasa beringat-ingat dan berjimat cermat dalam penggunaan air, jangan sampai turut mengundang permasalahan pembaziran kepada negara.

Haji Apandi Awang Hidup,
No. 7, Simpang 162-7,
Rancangan Perpipindahan
Negara Kampong
Mentiri, BU 2129.
No. k/p: 00-046014

REMAJA

REAKSI KITA ...

OLEH H. A. MANAP

SEMASA bertitah di Majlis Musabiqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara yang diadakan di negara kita baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan pelbagai perkara yang amat penting untuk para belia di negara kita mengambil iktibar dan menjungunya untuk dilaksanakan. Perkara yang menjadi perhatian baginda ialah dalam memastikan bahawa belia-belia di negara kita hendaklah kita wujudkan sebagai generasi belia yang terkehadapan yang mampu memainkan peranannya bukan sahaja di peringkat nasional akan tetapi juga di peringkat global. 'Mind-set' para belia juga perlu diubah suai agar ia mampu memberikan sumbangan besar ke arah masyarakat antarabangsa. Mesej yang terkandung dalam titah baginda ini ialah untuk melahirkan generasi belia yang berfikir jauh dan berwawasan tinggi.

Namun, untuk kita dapat berperanan di dalam kancan pergolakan dan kemajuan dunia global ini kita perlu kepada mekanisme yang menggerakkan perhatian dan minda generasi belia kita ke arah itu. Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di

Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah menitahkan beberapa jalan sebagai 'tools' untuk membina generasi sedemikian. Pandangan jauh baginda jelas betapa golongan belia merupakan kelompok masyarakat yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar. Golongan belia tidak perlu bersikap pasif. Kita perlu mewujudkan reaksi yang dinamik dan progresif. Kurnia titah sedemikian ini jarang benar diperolehi di tempat lain, namun sebagai rakyat yang berbangsa dan berlandung di bawah kepimpinan baginda, kita amat beruntung kerana mempunyai seorang raja dan pemimpin negara yang mengambil berat tentang golongan belia. Keprihatinan ini jelas, keinginan baginda untuk mewujudkan generasi belia yang bertaraf dunia.

Kita yakin kemampuan ke arah itu tidak perlu dipersoalkan, soalnya kita perlu dan mesti 'bekarih' untuk meningkatkan kecekapan diri dan kemahiran yang berkualiti tinggi. Justeru titah baginda, betapa

pentingnya golongan belia itu berilmu dan 'literate' adalah suatu pandangan yang begitu indah dan amat berguna untuk kita hayati. Mesejnya jelas, iaitu betapa pentingnya kita memiliki generasi yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Keilmuan dan tahap literasi yang kita miliki perlu kepada kemampuan diri yang literate budaya, literate sastera, literate bahasa, literate adat dan seumpamanya. Renungkanlah betapa pandangan jauh Raja dan pemimpin negara yang kita kasihi ini bukan setakat ingin melihat keilmuan di bidang pembangunan fizikal semata akan tetapi ia meliputi ruang lingkup pembinaan generasi yang berguna. Berilmu yang ingin dilahirkan inilah yang akan berperanan menjadi 'regional player' ataupun 'global player'. Menurut titah baginda lagi tanpa ilmu golongan belia tidak akan sampai ke mana dan tidak akan mampu untuk menandai menjadi 'regional player' ataupun 'global player'.

Kerana itu adalah

penting setiap golongan belia yang ada di negara kita ini menghayati titah ini sebagai pemangkin yang akan mendorong ke arah lahirnya generasi belia yang ilmunya dan berkemahiran tinggi. Reaksi kita hendaklah melihat kurnia titah sebagai pemeduliaan yang tidak akan pernah kendur-kendurnya dari seorang raja dan pemimpin negara yang mengasahi golongan belia. Keprihatinan baginda adalah jelas iaitu ingin melihat generasi belia yang ada di negara kita ini, dibina dalam arus dan calak Brunei tetapi berkualiti tinggi. Kualiti tinggi yang dilahirkan melalui tamadun ilmu yang dimiliki inilah yang akan menjadikan generasi belia kita terpakai di arena antarabangsa sebagai 'global player' yang berwibawa. Calak Brunei yang kukuh dengan falsafah kehidupan Melayu, Islam, Beraja (MIB) perlu diterjemahkan sebagai mekanisme peranan yang diadun bukan setakat di peringkat serantau akan tetapi perlu diangkat di peringkat antarabangsa.

Langkah kita perlu seiring dengan kurnia titah yang amat bernilai

tinggi ini. Kita perlu melihat suasana sekeliling sebagai pelantar yang membolehkan kita melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat dunia yang berperanan besar. Dari keadaan sedemikian kita akan mampu melahirkan generasi belia yang dapat mencerminkan keunggulan negara. Kerana itu adunan konsep dan falsafah negara MIB merupakan falsafah yang sangat signifikan dalam mewujudkan pertumbuhan belia yang dinamik. Inilah sebenarnya yang kita inginkan kerana ia adalah utap yang akan mampu menangkis segala pengaruh sosial yang negatif. Utap inilah jua yang akan menjadi dinding yang ampuh agar niat murni raja dan pemimpin negara yang kita kasihi akan terlaksana. Jika semua kita komited ke arah itu tidak rumit untuk kita melahirkan generasi yang bertakwa, berakhlak mulia dan generasi yang mampu menyambung keadulatan hidup beragama yang kukuh. Dari sinilah akan lahir generasi negara yang beraksi sebagai 'regional player' dan 'global player' yang berwibawa, titah dijunjung.

ASEAN catat pertumbuhan pesat

GADONG, 22 Mac. - Rantau ASEAN mencatatkan pertumbuhan yang pesat di dunia dengan pertumbuhan purata tahunan kira-kira 7.4 peratus dalam aktiviti kontena dalam tahun 2002.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Pelabuhan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail semasa melancarkan Seminar Pertukaran Projek Perkembangan Pelabuhan Mengendalikannya Pelabuhan-pelabuhan Persatuan Pelabuhan ASEAN (APA) yang selamat, terjamin dan berkesan berlangsung di Centre Point di sini.

ASEAN katanya, mencatatkan kira-kira 40 juta permintaan kontena dan kira-kira 20 juta penghantaran dalam tahun 2002. Menjelang tahun 2015 Konsultasi Perkapalan Lautan menganggarkan kira-kira 53 juta kontena dalam permintaan import-eksport ASEAN. Sementara penghantaran pula dianggarkan kira-kira 38 juta kontena.

Pembaikan dalam peraturan pelabuhan-pelabuhan dan perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan ASEAN serta pembaikan kemudahan

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn

pengangkutan darat menawarkan skop yang lebih meluas ke arah meningkatkan persaingan perdagangan maritim menyeru bagi pembinaan terminal kontena moden yang lebih berkesan, tambahnya.

Beliau menjelaskan bahawa, Negara Brunei Darussalam sebagai negara anggota keenam APA mengulangi komitmen untuk bergerak aktif setelah beberapa program, projek dan aktiviti APA ke arah mempromosi dan meningkatkan keselamatan, keberkesanan dan persaingan, di samping memastikan pengangkutan maritim di rantau ASEAN dilaksanakan dengan teratur.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh 30 orang yang terdiri pegawai-pegawai kerajaan dan perwakilan dari tujuh buah negara anggota APA dengan Myanmar sebagai pemerhati.

Seminar yang diadakan itu bertujuan untuk menjalin kerjasama rapat di kalangan anggota APA.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 6 April 2005

Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Temburong.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 667

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 667,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



Apakah nama masjid ini?

SOALAN ALAI PINTAR 667

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 6 April 2005

Mohd. Nazrul bin Sabtu,
Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali,
Umur : 12 tahun

Abdul Muiz bin Maidi,
Sekolah Menengah Berakas,
Umur : 13 tahun

Nurhazimah binti Haji Ahmad,
Sekolah Rendah Dato Mat Yassin, Mentiri,
Umur : 11 tahun

TERDAPAT dua jenis set gigi, iaitu gigi primer dan gigi kekal.

Gigi primer juga dikenali sebagai gigi susu, gigi sementara dan gigi kanak-kanak. Secara keseluruhannya, ada 20 gigi primer; dua gigi kicap tengah (central incisors), dua gigi kicap lateral (lateral incisors), dua gigi taring (canine) dan empat gigi geraham (molars) dalam setiap rahang (jaw). Gigi primer pertama iaitu gigi kicap tengah (rahang bawah) tumbuh ketika kanak-kanak baru berumur enam bulan. Manakala gigi geraham kedua adalah gigi primer terakhir yang tumbuh. Pada kebiasaannya semua gigi primer tumbuh sebelum tumbuhnya gigi kekal. Gigi primer terbentuk di dalam rahang ketika kanak-kanak masih di dalam kandungan ibu. Saiz, bentuk dan warna gigi primer juga berbeza dengan gigi kekal. Gigi primer bersaiz kecil, berbentuk bonjol (bulbous) dan berwarna putih berbanding dengan gigi kekal.

Ketika kanak-kanak berumur enam tahun, gigi geraham kekal pertama (first permanent molar) akan tumbuh di belakang gigi geraham primer kedua (second primary molar). Oleh disebabkan ini, gigi geraham kekal pertama selalu disangkakan masih gigi primer. Gigi geraham kekal pertama berbeza dengan gigi geraham primer kedua kerana saiznya yang lebih besar berbanding dengan gigi primer. Gigi geraham kekal pertama ini sangatlah penting kerana ianya membolehkan kanak-kanak mengunyah dengan betul dan juga membantu membentuk pertumbuhan tulang muka dan rahang. Dalam lingkungan umur enam tahun ini juga, gigi kicap primer (rahang bawah) akan longgar dan akan diganti oleh gigi kicap kekal.

Dalam lingkungan enam hingga 12/13 tahun, gigi primer akan diganti oleh gigi kekal. Fasa ini dinamakan 'fasa gigi campuran' (mixed dentition stage) kerana kedua-dua set gigi primer dan gigi susu masih berada di dalam mulut.

Gigi kekal yang terakhir tumbuh adalah gigi geraham ketiga ataupun gigi geraham terakhir (wisdom tooth). Gigi ini selalunya tumbuh ketika seseorang itu dalam lingkungan 18 - 25 tahun. Walau bagaimanapun, gigi geraham ketiga ini tidak akan tumbuh dalam mulut setiap orang. Secara keseluruhannya, seseorang dewasa akan memiliki 32 gigi kekal: empat gigi kicap, dua gigi taring, empat gigi premolar dan enam gigi geraham dalam setiap rahang.

KEPENTINGAN GIGI PRIMER

Kepentingan gigi primer adalah seperti berikut:

1. Untuk mengunyah (chewing)

Peranan utama bagi gigi primer ialah mengunyah. Apabila seseorang kanak-kanak itu dapat mengunyah dengan betul, maka dapatlah seseorang kanak-kanak itu memakan makanan yang berkhasiat untuk pertumbuhan tubuh badan yang sihat dan baik. Saiz, bentuk dan kedudukan gigi primer ini juga penting untuk membolehkan kanak-kanak itu mengunyah. Gigi kicap dan ta-



KEPENTINGAN GIGI

ring berkedudukan di hadapan supaya makanan yang dimakan dapat dijadikan kecil terlebih dahulu dan dihaluskan oleh gigi geraham sebelum makanan itu dapat ditelan. Proses ini membolehkan kanak-kanak menikmati kelazatan makanan yang dimakan.

2. Pertumbuhan muka dan rahang (face and jaw development)

Pertumbuhan gigi dalam mulut adalah sebahagian daripada proses pertumbuhan muka dan rahang. Kaji selidik telah mendapati bahawa pertumbuhan muka dan rahang adalah seiring dengan pertumbuhan gigi. Pertumbuhan rahang termasuk panjang, tinggi dan lebar rahang.

3. Membimbing pertumbuhan gigi dengan betul (guidance for the eruption or successive teeth)

Apabila semua gigi primer masih lagi ada dalam mulut, ini membolehkan gigi kekal tumbuh di tempat yang betul di dalam mulut.

4. Penyelenggaraan ruang (space maintenance)

Mengekalkan kesemua gigi primer yang tumbuh di dalam mulut adalah penting untuk memastikan adanya ruang untuk pertumbuhan gigi kekal yang menggantikan gigi primer. Pakar ortodontik mengesyorkan supaya gigi primer dijaga dan dikekalkan sehingga gigi kekal tumbuh kerana gigi primer yang sihat adalah penyelenggara ruang yang terbaik. Kehilangan gigi primer sebelum waktunya (pramatang) adalah penyebab terjadinya akliasi yang tidak betul (malocclusion). Kehilangan gigi geraham primer pramatang adalah lebih teruk kesannya berbanding dengan

kehilangan gigi kicap primer. Sebagai contoh, apabila kehilangan gigi geraham pertama pramatang berlaku ketika kanak-kanak berumur enam tahun, gigi geraham kedua primer dan gigi geraham pertama kekal akan bergerak ke hadapan, tanpa adanya kesan pengukuhan dari gigi geraham pertama primer. Jadinya apabila ruang ini tertutup, ianya akan menghalang pertumbuhan gigi premolar dengan betul.

5. Pertuturan dan penyebutan (speech and pronunciation)

Adalah perlu diingat bahawa kanak-kanak mula bertutur ketika berumur lingkungan 18 - 36 bulan. Mengekalkan gigi primer sangatlah penting untuk membolehkan kanak-kanak bertutur dan menyebut perkataan dengan baik. Kehilangan gigi kicap pramatang boleh mengakibatkan lisping (kepelatan menyebut huruf 's' dan 'z'). Walau bagaimanapun masalah pertuturan ini hanyalah untuk sementara sahaja

6. Paras rupa

Gigi primer yang sihat dapat meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak terutama dalam pergaulan dengan orang lain. Sementara gigi yang rosak dan kelihatan ketika bercakap boleh mengundang kritikan negatif yang menyebabkan rasa malu dan rendah diri.

KEPENTINGAN GIGI KEKAL

Gigi kekal juga penting sebagaimana gigi primer. Kepentingan gigi kekal adalah seperti berikut:

1. Untuk mengunyah

Gigi amat penting untuk mengunyah dan menikmati

Oleh
Dr. Siti Waznah binti Haji Abdul Wahab,
Pegawai Pergigian,
Pusat Pergigian Negara,
Jabatan Perkhidmatan Perubatan,
Kementerian Kesihatan.

makanan. Setiap gigi mempunyai fungsinya yang tersendiri. Gigi kicap digunakan untuk mengoyak dan memotong makanan. Gigi taring pula digunakan untuk mengoyak dan menggigit makanan sementara gigi geraham pula digunakan untuk menghancurkan makanan. Pengunyah makanan secara sempurna membantu kita untuk menikmati makanan secara keseluruhan. Sebagai contoh, seseorang yang telah kehilangan semua giginya akan berasa sukar untuk mengunyah makanan walaupun dengan menggunakan gigi palsu. Tanpa gigi asli, seseorang tidak dapat menikmati makanan terutama yang bertekstur keras.

2. Untuk bertutur

Gigi juga penting untuk membunyikan perkataan secara betul. Jika kita perhatikan orang-orang tua yang tidak mempunyai gigi, percakapan mereka menjadi kurang jelas dan mungkin sukar difahami. Penggunaan gigi palsu dapat membantu dalam pertuturan tetapi tidaklah sebaik gigi asli.

3. Paras rupa

Gigi yang tidak rosak dan sihat akan kelihatan cantik ketika senyum dan bercakap. Seseorang yang giginya rosak, mungkin akan malu untuk memberi senyuman dan berasa rendah diri ketika bercakap. Gigi juga berperanan untuk menyokong bibir. Tanpa gigi, hidung akan kelihatan terturun memecah dagu.

4. Berinteraksi dengan orang lain

Gigi yang sihat membolehkan kita berinteraksi dengan orang lain dengan lebih selesa dan berkeyakinan. Bagi mereka yang bekerja memberi khidmat kepada pelanggan seperti pekerja perhotelan dan pelancongan, pekerja restoran, penyambut tetamu dan ahli kabin kapal terbang, adalah penting untuk mempunyai gigi yang sihat dan cantik dipandang agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkeyakinan.

5. Bermain alat muzik

Ahli muzik menggunakan bibir dan gigi untuk

mengawal angin yang ditiup ketika bermain alat muzik seperti trompet, 'flute' dan 'clarinet'. Manakala penyanyi pula memerlukan set gigi yang sihat supaya dapat mengeluarkan suara dengan jelas dan sempurna. Gigi yang cantik juga penting supaya penyanyi kelihatan menawan ketika membuat persembahan di hadapan umum.

6. Kesihatan am

Penyakit gusi yang meli-

batkan tulang rahang ada buhang kaitnya dengan penyakit-penyakit seperti :

- * Penyakit jantung
- * Kencing manis
- * Penyakit pernafasan
- * Sakit tulang ('rheumatoid arthritis')

- * Masalah mengandung - anak damit lahir tidak cukup bulan dan rendah berat badan.

TIPS KESIHATAN GIGI

1. Untuk anak-anak damit dan kanak-kanak

- * Penjagaan gigi harus bermula dari awal lagi. Gusi anak damit perlu dibersihkan setiap hari dengan kain bersih.

- * Sebaik sahaja gigi susu pertama tumbuh, gunakan brus gigi kecil untuk membersihkan gigi

anak damit.

- * Pemeriksaan gigi yang pertama harus dibuat ketika anak damit berusia 12 - 16 bulan.

- * Kurangkan atau hindarkan penggunaan botol susu seawal mungkin.

2. Untuk remaja dan orang dewasa

- * Untuk mencegah kerosakan gigi dan masalah gusi.

1. Berus gigi dengan cara yang betul dua kali sehari dan gunakan flos untuk membersihkan celahan gigi sekali sehari.









2. Gunakan obat gigi berflorida.

3. Buat pemeriksaan gigi enam bulan sekali.

4. Kurangkan memakan makanan yang manis.



MURID-MURID sekolah dan kanak-kanak diberikan pendidikan mengenai penjagaan dan pemeliharaan gigi agar sentiasa sihat dan bersih.



KETIKA ini pelbagai produk ubat gigi dikeluarkan dengan bermacam jenama di pasaran untuk keperluan pengguna.

BAHAGIAN gigi yang rosak atau sakit diperiksa dengan teliti di klinik bagi memastikan rawatan yang bersesuaian.



DALAM menyedarkan orang mengenai kesihatan dan penjagaan gigi, siri pameran sering diadakan untuk pengetahuan orang ramai.



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PROJEK : MEMBEKAL 20 UNIT BREATHING APPARATUS SET
DAN 1 UNIT BREATHING APPARATUS COMPRESSOR BAGI
JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA.**

KOD PROJEK : BFS/LTK/07/2005

CAGARAN TAWARAN : \$50.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada:
**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1 BANGUNAN SEKRETARIAT
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610**
- Tawaran mestilah dihantar dalam 2 salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada **10 Mei 2005** hari **Selasa** tidak lewat jam 2:00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Lama Berakas.
- Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
- Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- Katalog / Gambar Asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tender, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapkan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

- MENYEWAKEDAI SOLEKAN, KECANTIKAN DAN DANDANAN RAMBUT WANITA DI PUSAT BELIA BSB.**
- MENYEWAKANTIN PUSAT BELIA BSB**
- MENYEWAKEDAI CYBER CAFE DI PUSAT BELIA BSB**

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kewangan, Level 1, Jalan kebangsaan, Simpang 259, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Isnin, 9 Mei 2005** jam 2:00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan Syarikat/Pembekal.
- Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Tingkat 4 (Bahagian Pentadbiran & Kewangan) Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan kebangsaan Berakas BA1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8:00 pagi hingga 11:30 pagi dan dari jam 2:00 hingga 3:00 petang pada setiap hari bekerja. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan sijil Perniagaan yang diakui sah dan salinan resit pembayaran tawaran sebanyak \$5.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG DAERAH
BRUNEI DAN MUARA**

MUKIM KILANAS

- Ketua Kampung Tanjong Bunut.

MUKIM PERAMU

- Ketua Kampung Peramu.

MUKIM GADONG

- Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata.
- Ketua Kampung Kiarong

TANGGA GAJI: C1 EB 2 iaitu \$1,280.00 - \$1,930.00

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

- Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:
 - Seorang lelaki terdiri daripada Rakyat Kebawah duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Pelajaran di Peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - Bermastautin di Kampung yang akan diketuainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di Kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
 - Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
 - Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam; Kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya di-amalkan oleh masyarakat Kampung berkenaan.
 - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan beselesaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta pemeduliaan dan
 - Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.
- Calon yang terdiri daripada Pegawai kerajaan akan dipertimbangkan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
- Calon yang terdiri daripada Ahli Perniagaan atau Pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua kampung boleh menguruskan perniagaan atau perusahaannya menurut Syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal EHWal Dalam Negeri.
- Pencadang dan penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani Borang Pencalonan. Borang Pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
- Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak Swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu semasa menghadapkan bersama

borang pencalonan.

- Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).
- PERINGATAN**
Pemohon-pemohon yang pernah memohon jawatan Ketua Kampung dan permohonan ditolak atas sebab tidak memenuhi syarat adalah tidak dibenarkan lagi untuk memohonnya.

8. CARA MEMOHON

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dihantar di Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara tidak lewat pada hari **Isnin 2 Mei 2005** jam 4:00 petang beralamat seperti berikut:

**BAHAGIAN UNIT PENTADBIRAN
INSTITUSI PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran: JTB/ID/BCR/01/2005

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "TENDER FOR THE BEST COST ROUTING AND ENHANCED INTER-CARRIER SETTLEMENT SYSTEM ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI"
- Lima [5] salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan:-
TAWARAN BAGI "TENDER FOR THE BEST COST ROUTING AND ENHANCED INTER-CARRIER SETTLEMENT SYSTEM ON A FULL TURNKEY BASIS"
[Bilangan Tawaran: JTB/ID/BCR/01/2005]
Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:-

Lembaga Tawaran kecil
 Kementerian Perhubungan, Tingkat 4
 Jalan Menteri Besar
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Negara Brunei Darussalam

- Tidak lewat jam 2:00 Petang pada hari **Selasa, 24 Mei 2005**
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB3510, dengan bayaran cagaran berjumlah B\$200.00 (Dua Ratus Ringgit Sahaja) duit ini tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah dan lain-lain tawaran.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan "Bank Guarantee"
- Pembekalan/Pemborong yang telah membeli Dokumen Tawaran dijemput menghadiri sesi taklimat mengenai dengan tawaran ini pada 2 Mei 2005 bertempat di Bilik Mesyuarat Unit ID, Tingkat Satu, Ibu Pejabat Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas pada pukul 2:00 petang.

Awda BELUM MEMBACA Pelita Brunei?

Sila layari Laman Web kami:

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:-
- \$ 30.00 bagi MOE/LTK/145/2005 (JPPE-APRIL-05) hingga MOE/LTK/151/2005 (JPPE-APRIL-05)
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai, di Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Unit Tawaran dan Sebutharga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.

7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan tajuk sepertimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemorong dan ditujukan kepada:-

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan-Kewangan 'A',
Blok 'A' Tingkat 1, Bangunan-Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat pada hari Selasa, 10 Mei 2005 jam 2.00 petang.

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/145/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH MENENGAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, JALAN KUALA ABANG, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/146/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH BIRAU, KAMPONG BIRAU, JALAN KUALA ABANG,

DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/147/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH BAKIAU, KAMPONG BAKIAU, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/148/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH KIUDANG, KAMPONG KIUDANG, JALAN LAMUNIN, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/149/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH LAMUNIN, KAMPONG LAMUNIN, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/150/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH UGAMA LAMUNIN, KAMPONG LAMUNIN, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

BILANGAN TAWARAN: MOE/LTK/151/2005 (JPPE-APRIL-05)
TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH AWANG HAJI MOHD. YUSOF, KAMPONG KATIMAHAR, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 30.00 tidak dikembalikan.

Tarikh tutup bagi tawaran-tawaran di atas ialah pada: 10 Mei 2005 (tidak lewat jam 2.00 petang).

WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN

ISNIN - KHAMIS	8.00 PAGI	- 11.45 PAGI
	1.45 PETANG	- 3.00 PETANG
SABTU	8.00 PAGI	- 10.00 PAGI



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/DD/DTN/3G/2005

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bagi "RFP FOR THE PROVISION OF FIBRE MULTIPLEXER TO EXPAND JTB NETWORK FOR 3G FOR NATIONWIDE IN A SEMI-TURNKEY BASIS".

2. Empat salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan:-

TAWARAN BAGI: "RFP FOR THE PROVISION OF FIBRE MULTIPLEXER TO EXPAND JTB NETWORK FOR 3G FOR NATIONWIDE IN A SEMI-TURNKEY BASIS". (BILANGAN TAWARAN : JTB/DD/DTN/3G/2005)

Tanpa menunjukkan identiti syarikat dan ditujukan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Bangunan Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 Mei 2005.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

4. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Unit Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB3510 bermula pada 23 April 2005 dengan bayaran berjumlah B\$ 100.00 (tidak dikembalikan). Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang Ringgit Brunei.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

6. Taklimat ringkas akan diadakan pada hari Sabtu, 30 April 2005 jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Datacom, Tingkat bawah, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

7. Kerja-kerja perlaksanaan mestilah dijalankan dalam masa satu (1) bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan sebut harga mestilah sah laku sekurang-kurangnya sembilan (9) bulan dari tarikh tutup tawaran



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN: UBD/E8/04/2005:
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 'EQUIPMENT FOR ANATOMY RESOURCE CENTRE'.
Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 50.00 (tidak dikembalikan).

BILANGAN TAWARAN: UBD/E8/05/2005:
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 'EQUIPMENT FOR CLINICAL SKILLS LABORATORY'.
Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 Mei 2005.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak, permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemorong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemorong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (nona-fide tender).

Waktu menerima tawaran adalah seperti berikut:-
Isnin-Khamis : 8.30 pagi hingga 11.00 pagi
1.30 petang hingga 2.30 petang
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/BPB/20/2005

Tajuk Kerja : ELECTRICAL, TELEPHONE, FIRE PROTECTION, PUBLIC ADDRESS, CCTV, CARD ACCESS SYSTEM AND STRUCTURAL CABLE INSTALLATION FOR RTB NEW BROADCASTING COMPLEX.

Tarikh Tutup : Hari Selasa, 17 Mei 2005, jam 2.00 petang.

Harga Tawaran : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen dan Lukisan : \$342.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Pemorong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, V & VI (Kategori 7a, 7b dengan 7c) sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Dua (2nd Floor), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN:

Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil Dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



KEMENTERIAN KEWANGAN

TAWARAN PERKHIDMATAN-CAFÉ BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN COMMONWEALTH DRIVE

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan untuk mengendalikan perkhidmatan 'Cafe' di Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive. Bidang perniagaan yang dikehendaki ialah 'Perkhidmatan Cafe' bagi Penyajian Makanan/Minuman Halal tempatan dan antara-bangsa yang siap sedia (prepared food).
2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive pada waktu bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.
3. Pembayaran borang tawaran sebanyak \$25.00 adalah dikehendaki dan bolehlah dibuat di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15, Kementerian Kewangan seperti di para 2 di atas dan tidak akan dikembalikan.
4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap mestilah disertakan bersama salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan asal resit pembayaran yuran tawaran dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan identiti atau Logo syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan dan tajuk tawaran dengan jelas.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertanda 'TAWARAN PERKHIDMATAN CAFÉ, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bil: 3/2005 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin, 2 Mei 2005.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Mana-mana perubahan harga tawaran sama ada dengan menggunakan 'Blanco' atau mengubah harga tawaran dengan cara memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya hendaklah ditandatangani.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tertinggi atau lain-lain.
9. Penender yang berjaya akan dikehendaki membayar dua bulan pertama sewa 'café' semasa perjanjian ditandatangani sebelum dibenarkan memulakan perniagaan. Semua peralatan-peralatan (perkakas) selain daripada yang telah disediakan adalah ditanggung oleh penender yang berjaya. Perkhidmatan 'café' ini dikehendaki pada hari-hari bekerja (Isnin-Sabtu) dan pada hari-hari yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan.
10. Semua makanan yang dimasak dan dihidangkan hendaklah dikurangkan bahan-bahan masakan seperti gula, minyak, garam, santan dan tanpa mengandungi monosodium glutamate (MSG).



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 78/2004

NATIONAL INSURANCE CO BHD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

LOH NYUK LOI

(BYIC NO. 00-084308)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Februari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 206/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

CHIAM TAU HUP (BRIC NO. 30-081162)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Mac 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 158/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HJ RABAE BIN HAJI SABL
(BYIC NO. 00-040210)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 26 Februari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 208/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

ABDUL RAHMAN BIN HABIBULLAH

(BYIC NO. 00-113016)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Mac 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 167/2004

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HASRIN BIN HJ MD JAWIE (BYIC NO. 00-112782)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 Mac 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 83/2004

RHB BANK BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

BASIR BIN TENGAH

(BGIC NO. 50-655071)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 10 Mac 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 219/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

SAJAN JANARDANAN (BGIC NO. 164258)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Mac 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 27 April 2005 jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 27 April 2005 jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyaoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 83/2004

RHB BANK BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

BASIR BIN TENGAH
(BGIC NO. 50-655071)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 Mac 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
BASIR BIN TENGAH
No. 5, Simpang 66-19-56, Kampong Bengkurong, BF1920,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 20 Oktober 2004.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 219/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

SAJAN JANARDANAN (BGIC NO. 164258)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 Mac 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SAJAN JANARDANAN
No. 40, Simpang 461, Kampong Mentiri Golf villa, Jalan Kota Batu
BU1929,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 8 Disember 2004.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 78/2004

NATIONAL INSURANCE CO BHD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

LOH NYUK LOI

(BYIC NO. 00-084308)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24 Februari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
LOH NYUK LOI
No. 13-125, Jalan 3, Kampong Perpindahan Rimba, Jalan Tungku
Link, Gadong, Bandar Seri Begawan, BE3119
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 28 Jun 2004.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 208/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

CHIAM TAU HUP (BRIC NO. 30-081162)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Mac 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
CHIAM TAU HUP
No. 81, Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait KA1131,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 3 Januari 2005.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 158/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HJ RABAE BIN HAJI SABL
(BYIC NO. 00-040210)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 Februari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HJ RABAE BIN HAJI SABL
Lot. 5793, Simpang 66, Km 2.5, Jalan Maulana, Kuala Belait
KA1913,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 25 September 2004.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 208/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

ABDUL RAHMAN BIN HABIBULLAH

(BYIC NO. 00-113016)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Mac 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
ABDUL RAHMAN BIN HABIBULLAH
No. 294, Kampong Puni, Jalan Ujong Jalan, Temburong PA3751,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 6 Januari 2005.
Bertarikh : 30 Mac 2005.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN -
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 167/2004

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HASRIN BIN HJ MD JAWIE (BYIC NO. 00-112782)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 Mac 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HASRIN BIN HJ MD JAWIE
Blk F, F301, Jerudong Park Apartment,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 28 Oktober 2004.

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PERKEMBANGAN CCD KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN TAWARAN 1 : MOE/EGOV/CDD/006-1/2004
 2 : MOE/EGOV/CDD/006-2/2004
 3 : MOE/EGOV/CDD/006-3/2004
 4 : MOE/EGOV/CDD/006-4/2004
 5 : MOE/EGOV/CDD/006-5/2004
 6 : MOE/EGOV/CDD/006-6/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:

MOE/EGOV/CDD/006-1/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Bahasa Melayu Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-2/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level English Language Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-3/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level - Secondary Level Mathematics Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-4/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary - Secondary Level Science Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-5/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Information and Communication Technology (ICT) Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-6/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Islamic Studies and Arabic Language Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
 Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil (A)
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan
 Blok A, Tingkat 1
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Kementerian Pendidikan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Negara Brunei Darussalam
3. Bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di:
 Unit Tunai dan Pembayaran,
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
 Blok B, Tingkat 1,
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Kementerian Pendidikan
 Negara Brunei Darussalam
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Rabu 11 Mei 2005.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Isnin, 16 Mei 2005, bertempat di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Jalan Dato Hj Basir, Pusuar Ulak, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat berasingan yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

MOE/EGOV/CDD/006-1/2004 The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Bahasa Melayu Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-2/2004 The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level English

Language Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-3/2004 The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level - Secondary Level Mathematics Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-4/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary - Secondary Level Science Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam

MOE/EGOV/CDD/006-5/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Information and Communication Technology (ICT) Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam



INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (ITB) KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran : MOE/EGOV/ITB/001-10/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:

MOE/EGOV/ITB/001-10/2004
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF RELIABLE HARDWARE AND SOFTWARE INFRASTRUCTURE FOR INSTITUTE TEKNOLOGI BRUNEI, MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
 Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil (A)
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan
 Blok A, Tingkat 1
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Kementerian Pendidikan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Negara Brunei Darussalam
3. Bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di:
 Unit Tunai dan Pembayaran,
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
 Blok B, Tingkat 1,
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Kementerian Pendidikan
 Negara Brunei Darussalam
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Rabu, 11 Mei 2005.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Selasa, 17 Mei 2005, bertempat di Institut Teknologi Brunei, Tungku Link Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF RELIABLE HARDWARE AND SOFTWARE INFRASTRUCTURE FOR INSTITUTE TEKNOLOGI BRUNEI, MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"
 tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 7 Jun 2005, jam 2.00 petang.

7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

MOE/EGOV/CDD/006-6/2004

The Design, Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training, Commissioning, Development and Customization of Primary Level Islamic Studies and Arabic Language Web-Based Interactive Courseware for Curriculum Development Department, Ministry of Education, Brunei Darussalam.
 Tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 7 Jun 2005, jam 2.00 petang.

7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH (DS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran : MOE/EGOV/DS/003-2/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:

MOE/EGOV/DS/003-2/2004
"THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY AND END-TESTING, INSTALLATION, MIGRATION, DEPLOYMENT, INTERGRATION, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SCHOOL MANAGEMENT SYSTEM IN MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM (PHASE I, II & III)"

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
 Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil (A)
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan
 Blok A, Tingkat 1
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Kementerian Pendidikan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Negara Brunei Darussalam
3. Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di:
 Unit Tunai dan Pembayaran,
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
 Blok B, Tingkat 1,
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Kementerian Pendidikan
 Negara Brunei Darussalam
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Rabu 11 Mei 2005.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Isnin, 16 Mei 2005, bertempat di Institut Teknologi Brunei, Tungku Link Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
"THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY AND END-TESTING, INSTALLATION, MIGRATION, DEPLOYMENT, INTERGRATION, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SCHOOL MANAGEMENT SYSTEM IN MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM (PHASE I, II & III)"
 Tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat, hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 7 Jun 2005, jam 2.00 petang.

7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM (JPI) KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bilangan Tawaran : MOE/EGOV/JPI/001-7/2004

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:

MOE/EGOV/JPI/001-7/2004
"THE SUPPLY, REENGINEERING, ANALYSIS, DESIGN, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, DEPLOYMENT, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF INTERACTIVE TEACHING AND LEARNING FOR RELIGIOUS INSTITUTION (InTel) AT JPI, MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"

2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
 Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil (A)
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan

Blok A, Tingkat 1
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Kementerian Pendidikan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Negara Brunei Darussalam

3. Bayaran harga Dokumen Tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di:
 Unit Tunai dan Pembayaran,
 Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B)
 Blok B, Tingkat 1,
 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
 Bandar Seri Begawan BB3510
 Kementerian Pendidikan
 Negara Brunei Darussalam
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Sabtu 14 Mei 2005.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Khamis 19 Mei 2005, bertempat di Institut Teknologi Brunei, Tungku Link Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis

tajuk tawaran seperti berikut :

"THE SUPPLY, REENGINEERING, ANALYSIS, DESIGN, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, DEPLOYMENT, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF INTERACTIVE TEACHING AND LEARNING FOR RELIGIOUS INSTITUTION (InTel) AT JPI, MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"

- tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa, 7 Jun 2005, jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : POS/02/02.37 Pt. 1

**TAWARAN MENYEWAKAN TINGKAT ATAS PEJABAT POS LUMUT,
KAMPONG LUMUT, DAERAH BELAIT BAGI
PUSAT PERKHIDMATAN 'CYBER CAFE'**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat tempatan untuk menyewa ruang atas Pejabat Pos Lumut untuk Pusat Perkhidmatan 'cyber cafe'.
2. Tawaran adalah untuk tempoh 3 (tiga) tahun mulai dari tarikh perjanjian penyewaan ditandatangani.
3. Pemohon hendaklah menyatakan cadangan sewa bagi satu (1) bulan dengan menulis angka dan diikuti oleh perkataan.
4. Salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Bab 16 dan 17) hendaklah disertakan.
5. Tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pengirim, dialamatkan kepada:-
Peti Sebutan Harga, Jabatan Perkhidmatan Pos,
Pejabat Besar Pos,
Bandar Seri Begawan BS8611,
Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Khamis, 28 April 2005 jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Borang tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Perkhidmatan dan Tawaran di Tingkat atas Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat.
9. Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah mendapatkan Dokumen Tawaran dengan harga \$30.00 (tidak dikembalikan) daripada Unit Perkhidmatan dan Tawaran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.



**MAHKAMAH RENDAH SYAR'IAH
DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**PERMOHONAN UNTUK CERAI
DI BAWAH JANJITAKLIK & HAK PENJAJAAN ANAK**

KEPADA: AWANG YAKOB BIN HAJI AJAK
NO. K/P : 00-049229
ALAMAT: TIDAK DIKETAHUI

JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba akan mengadakan Jualan Lelong bagi barang-barang seperti berikut:-

KETERANGAN BARANG

1. Dua (2) buah Trolley Mounted Extinguisher Invader 70 Kgs.
2. Satu (1) set Alat Pernafasan (Air Liner) dan tong selinder.

TEMPAT DAN TARIKH

Balai Bomba Bangar, Cawangan Operasi "G" Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis, 28 April 2005, jam 9.00 pagi

Syarat-Syarat Jualan Lelong:-

1. Harta benda yang dilelong bolehlah dilihat di tempat yang dinyatakan di atas.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai pada hari Jualan Lelong dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PENUTUPAN KAUNTER PEMBAYARAN

KEPADA semua pelanggan yang dihormati, semua kaunter-kaunter pembayaran Bil Elektrik termasuk kupon Meter Pra-Bayar akan ditutup pada:-

Hari Khamis, 21 April 2005

Cuti Awam bagi Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam

Para pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran termasuk pembelian kupon Meter Pra-Bayar adalah dinasihatkan supaya akan dapat berurusan sebelum tarikh berkenaan. Jabatan memohon maaf jika berlaku sebarang ketidakselesaan.



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu Jualan Lelong barang-barang yang tersebut di bawah akan diadakan pada tarikh dinyatakan.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat-syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang yang dibelinya tidak lewat (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Kenderaan yang dilelong adalah sebagai besi buruk dan Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab sama ada kenderaan tersebut boleh didaftarkan ataupun sebaliknya kerana terdapat sebahagian kenderaan yang dilelong ini mungkin dapat dibaik-pulih dan digunakan di jalan raya yang mana pihak pembeli hendaklah menghadapkan permohonan kereta ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk pemeriksaan teknikal bagi pengeluaran cukai jalan raya berkenaan.
3. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
4. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

Butir-butir Keterangan	Tempat Lelong	Tarikh/Masa
Lima (5) Buah Kenderaan Lama - Toyota Land Cruiser - Mitsubishi Pick-up L200 - Toyota Cressida Station Wagon - Hino Refuse Collector - Tractor Yanmar	Bengkel Lembaga Bandaran Jalan Setia Diraja Kuala Belait	Hari Sabtu, 23 April 2005



JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan dua (2) buah Kenderaan - Mini Bus Long High Roof BG 5962 dan MITSUBISHI MAGNA St. Wagon BG 6954 akan dilelong pada tempat, hari, tarikh dan masa yang dinyatakan seperti berikut:-

Pada : Hari Sabtu, 23 April 2005

Tempat : Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

Jam : 9.00 pagi.

2. Jualan Lelong berkenaan mempunyai syarat-syarat berikut:-
 - i) Kenderaan tersebut boleh dilihat di tempat yang disediakan.
 - ii) Peserta yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai sahaja pada hari tersebut kepada pegawai yang dilantik.
 - iii) Peserta yang berjaya hendaklah memindahkan kereta lelong yang dibeli daripada lokasi jualan lelong selewat-lewatnya tiga (3) hari dari tarikh lelong diadakan.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA KEMENTERIAN KEWANGAN

ADALAH dimaklumkan bahawa Jualan Lelong akan diadakan pada hari dan tempat seperti berikut:-

Tempat: Gudang Blok B, Ruang 2, Divisyen Stor dan Perbekalan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong BE1110, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh/Masa : 27 April 2005 mulai jam 9.00 pagi

KETERANGAN BARANG-BARANG YANG DILELONG

1. TANGGA UPRIGHT UL II ; 2. TANGGA UPRIGHT UL 31; 3. AIR COMPRESSOR; 4. MESIN VACUUM JET STAR; 5. MESIN VACUUM YARD BOSS 550.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Awang Haji Hussaini di talian telefon 2423151



PATUHI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA

Sopan santun tingkatkan imej Perkhidmatan Awam

BARU-BARU ini Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya melancarkan Kempen Sopan Santun yang akan berakhir pada 30 Jun 2005. Ia merupakan salah satu usaha berterusan Kementerian itu untuk menepatkan nilai-nilai utama termasuk nilai-nilai yang telah dikenal pasti di bawah Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dalam memupuk sikap dan kemahiran dalam menghadapi pelanggan dan seterusnya meningkatkan tahap keberkesanan Perkhidmatan Awam di seluruh Kementerian itu dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Sebelum ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah mengadakan Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan pada tahun 1990, diikuti Pemberitaan Kempen Bersopan Santun Peringkat Negara pada tahun 2002.

Bersopan santun antara lain bermaksud berbudi pekerti atau budi bahasa yang halus, hormat-menghormati, berhemah tinggi dan bertatertib, bertimbang rasa, mematuhi peraturan, jujur dan amanah, tidak pilih kasih dan beradab serta tahu adat istiadat. Sifat-sifat ini yang sangat dituntut dalam Islam, amat diperlukan dalam Perkhidmatan Awam. Ia digambarkan melalui tingkah laku, pakaian, air muka dan tutur kata.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-42 di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai 1988 bertitah:

"Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

kerajaan pula, beta mengulangi supaya akan sentiasa memberikan pemerduman kepada masalah dan sungutan-sungutan orang ramai dan mengamalkan sikap bersopan santun dan memberikan layanan yang baik kepada aduan-aduan atau masalah-masalah itu."

Semasa perjumpaan dengan Setiausaha-Setiausaha Tetap di Bilik Persidangan Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong pada 2 April 1988, baginda mengingatkan bahawa bagi Kementerian-kementerian yang sentiasa dihubungi oleh orang ramai, Setiausaha Tetap mestilah sentiasa mengingatkan para pegawai dan kakitangan mereka supaya akan sentiasa bersopan santun dan melayan dengan baik setiap orang yang datang berjumpa dengan mereka.

Para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam selaku penghubung antara kerajaan dengan orang ramai mempunyai tanggungjawab yang besar dan mencabar, sama ada dalam usaha menyampaikan maklumat mahupun dalam melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan.

Dalam masa yang sama kedua-dua belah pihak tentulah ada ketika-

menghadapi tekanan dan dapat memainkan peranan.

Sifat-sifat murni ini bukan sahaja perlu diaplikasikan di kaunter-kaunter perkhidmatan yang merupakan barisan depan Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bahkan semasa berurusan melalui telefon atau mel elektronik (e-mel) dengan para pelanggan masing-masing. Ketika berurusan melalui telefon tentulah ada tatacara atau etika yang ditentukan.

Dalam konteks negara kita, sistem panggilan atau sapaan yang melibatkan

SARI PEMBANGUNAN

nya menghadapi tekanan perasaan disebabkan sikap tidak sabar dan tidak bertanggungjawab. Di saat ini, nilai-nilai luhur seperti bertolak ansur, saling memahami, hormat-menghormati dan tenang

terasul sesuatu yang unik dan membanggakan kerana ia melambangkan betapa tingginya adat istiadat kita. Justeru itu tentulah sesuai pada tempatnya, pihak-pihak yang terlibat memahami dan mengetahui sapaan atau terasul yang bersesuaian. Contohnya, kalau individu itu Pengiran, tentulah kita akan membahasakan diri dengan ganti nama 'Perumba', begitu juga kalau individu itu Pehin, maka sewajarnya kita akan ber'Kaola' apabila menyahut sapaan atau menggunakan ganti nama diri. Penggunaan sapaan yang betul setentunya memberi keselesaan kepada kedua-dua belah pihak dan menggambarkan kita tahu dan memahami adat istiadat dan hidup bermasyarakat.

Dalam pada itu, para

BERSOPAN SANTUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM



MENGHAYATI SOPAN SANTUN UNTUK MEMPERKASA BANGSA

POSTER adalah antara media yang sering digunakan dalam mendukung kempen bersopan santun.


pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan perlu mempunyai kefahaman yang jelas dan terkini mengenai organisasi, visi dan misi institusi masing-masing yang sekurang-kurangnya akan membantu mereka memberikan maklumat yang tepat kepada para pelanggan apabila diperlukan.

Tidak camah mata dan responsif kepada aduan atau saranan adalah antara sifat yang turut menyumbang kepada peningkatan imej Perkhidmatan Awam. Sesuatu aduan atau saranan sama ada disiarkan melalui akhbar ataupun mel elektronik yang dijawab dengan cepat dan memuaskan akan memberi kepuasan kepada kedua belah pihak. Di suatu pihak, akan merasa dihargai, manakala suatu pihak lagi telah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam konteks negara kita yang mengamalkan falsafah negara Melayu Islam Beraja, etika berpakaian semasa berurusan di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan diberi perhatian. Para pelanggan sama ada lelaki atau wanita sewajarnya berpakaian yang bersesuaian dan sopan.

Manakala para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam pula sememangnya mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan.

Usaha berterusan mengamalkan sikap bersopan santun memerlukan dukungan dan sokongan semua pihak dalam Perkhidmatan Awam. Dalam masa yang sama, sifat-sifat yang murni ini perlu terus disemai dan dikembangkan dalam keluarga dan di institusi pendidikan kerana ia bukan sahaja dapat membentuk peribadi yang mulia, bahkan boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.



BERSOPAN santun sangat dituntut dalam Islam dan amat diperlukan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.



GAMBAR HIASAN ... Orang ramai selaku pelanggan sentiasa mengharapkan perkhidmatan yang terbaik dan bertanggungjawab.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid ketika menghadiri Simposium Integriti Perkhidmatan Awam peringkat Daerah Belait.

Pilih wakil ke peringkat suku akhir kebangsaan

KUALA BELAIT, 28 Mac. - Seramai empat qari dan dua qariah dipilih bagi mewakili Daerah Belait ke Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan pada tarikh yang akan dinyatakan kemudian.

Mereka yang dipilih, Awang Haji Mohd. Abdul Rahman bin Haji Mukim, Awang Omarizam bin Haji Abu Bakar, Awang Haji Shalih bin Haji Kassim, Haji Hassan bin Bakar, Dayang Rohani binti Haji

Hassan dan Dayang Hajah Hamsiah binti Haji Mohd. Hussain.

Keenam-enam peserta tersebut memperoleh maraah 75 peratus ke atas di Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Bahagian Dewasa bagi masjid-masjid peringkat Daerah Belait yang diadakan di Masjid Jamalul Alam di sini.

Seramai lapan qari dan tiga qariah dipilih ke pertandingan peringkat akhir tersebut daripada 28 peserta

yang bertanding di peringkat awal yang diadakan baru-baru ini. Johan bahagian qari, Awang Haji Mohd. Abdul Rahman bin Haji Mukim; naib johan, Awang Omarizam bin Haji Abu Bakar; tempat ketiga, Awang Haji Shalih bin Haji Kassim dan tempat keempat, Haji Hassan bin Bakar.

Manakala johan bahagian qariah, Dayang Rohani binti Haji Hassan; naib johan, Dayang Hajah Hamsiah binti Haji Mohd. Hussain dan di tempat ke-

tiga, Pengiran Hajah Jasni binti Pengiran Omar-ali.

Tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan peserta pertandingan.

Pertandingan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, Daerah Belait bertujuan bagi meningkatkan kebolehan membaca ayat-ayat suci Al-Quran di kalangan para jemaah masjid. Selain itu pertandingan juga bagi menyemarakkan suasana masjid dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan jemaah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop Bakar ketika hadir di Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Bahagian Dewasa bagi masjid-masjid peringkat Daerah Belait.

Pengendali restoran terima anugerah BSP

KUALA BELAIT, 29 Mac. - Seramai tujuh orang pengendali restoran di daerah ini menerima anugerah kerana memenuhi Piawaian Kebersihan Makanan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Peraturan Kesihatan Awam Kerajaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2000.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali yang diadakan di Kelab Bot di sini. Mereka yang menerima anugerah tersebut terdiri daripada Serikandi Katering (BLNG), Foo Kim Seng Katering (KBBC), HI Petroleum (Pusat Kesihatan Panaga), Syarikat Junaidi Taha dan Anak-anak (Ibu Pejabat BSP), Syarikat Dayang Damit (Pusat Pendidikan dan Pembangunan), Sya-

rikat Juisa Kontraktor (POP/2) dan Industri Makanan Ideal Sendirian Berhad (OGDC).

Ketua Jabatan Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Haji Karim menjelaskan mereka yang menerima anugerah tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan dengan memperoleh sekurang-kurangnya dua grade A dan grade B dalam masa jangka penilaian setahun atau dua tahun dengan keseluruhan markah diperolehi sekurang-kurangnya 80 peratus serta membuat maklum balas yang memuaskan dari pihak katering atau pemegang aset berkaitan rekomendasi yang dipersetujui.

Untuk itu Pegawai Jabatan Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Pusat Ke-

sihatan Panaga melakukan pemeriksaan tiga bulan sekali melalui Sistem Kawalan Kritikal Analisis Hazard (HACCP) yang digunakan oleh kebanyakan negara di Eropah, Jepun dan Republik Singapura.

"Ia merupakan sistem terbaik untuk menilai dan mencegah dari keracunan makanan, di samping memfokus cara penyediaan dan penyimpanan makanan, kebersihan dapur dan kawasan, pembuangan sampah, latihan, polisi, sistem rakaman dan setiap kategori diberi markah," jelas beliau.

Menurutnya, sejak sistem tersebut diperkenalkan dua tahun lepas telah memberi kesan positif terhadap pengendali restoran dan dengan itu mereka tahu di tahap mana pencapaian mereka dari segi kebersihan.

PERKHIDMATAN AWAM TUNGGAK KEMAJUAN, KEMAKMURAN NEGARA

KUALA BELAIT, 4 April. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid berkata, Perkhidmatan Awam dihasratkan sebagai tunggak kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Sehubungan itu, tambah Pengiran Dato Paduka, pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai pemangkin, rakan kongsi dan fasilitator kepada sektor swasta agar mereka terus maju dan dengannya negara juga akan terus maju.

Sebaliknya jika mereka tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya, mementingkan diri sendiri daripada kepentingan negara, Perkhidmatan Awam akan menjadi penghalang kepada kemajuan atau setidak-tidaknya sebagai pelemah kemajuan, ujar Pengiran Dato Paduka di Simposium Integriti Perkhidmatan Awam peringkat Daerah Belait yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Sehubungan itu Dato Paduka mengingatkan setiap pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan amanah untuk menjalankan

tugas dan tanggungjawab selaras dengan jawatan masing-masing kerana amanah wajib ditunaikan dan tidak ada sebab diabaikan.

Dato Paduka juga menyatakan kerajaan sentiasa menitikberatkan kesejahteraan orang ramai dengan peruntukan yang besar dikeluarkan untuk memberikan perkhidmatan asas dan juga prasarana bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

"Perkhidmatan Awam telah dianamanahkan untuk menyampaikan perkhidmatan ini kepada orang ramai bagi pihak kerajaan dan jika perkhidmatan yang diberikan lambat, tidak mesra, tidak jujur dan sebagainya, integriti akan terjejas," jelas Pengiran Dato Paduka.

Simposium tersebut merupakan lanjutan kepada simposium serupa yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 5 Ogos 2004 yang mendapat sambutan menggalakkan dan dilancarkan ke daerah-daerah dengan destinasi pertama ke daerah ini dengan tujuan bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan warga Perkhidmatan Awam mengenai musta-

haknya mengukuhkan dan memelihara integriti serta imej Perkhidmatan Awam.

Simposium disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan bergaji hari serta Penghulu, Ketua Kampung dan sektor swasta. Beberapa orang penceramah terdiri daripada pegawai kanan kerajaan dan sektor swasta menyampaikan ceramah mereka. Antara topik yang dibincangkan Tekad Pemedulian Orang Awam, Tata tertib dan Disiplin, Persepsi Orang Awam dan Ke-rahsiaan Maklumat Kerajaan.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop dalam ucapan alu-aluannya berharap simposium tersebut akan dapat memartabatkan imej Perkhidmatan Awam yang lebih tinggi di mata masyarakat.

"Untuk mengukuhkan integriti itu suatu perkara yang bukan mudah kerana peranan untuk mengukuhkan itu adalah pada diri warga Perkhidmatan Awam sendiri. Integriti itu sendiri bermakna kejujuran atau ketulusan yang datang daripada hati kita sendiri," ujarnya.

Tingkatkan kerjasama melalui perjumpaan

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh. Saidah Pg. Haji Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

SERIA, 30 Mac. - Daerah Polis Belait berusaha meningkatkan kualiti, produktiviti dan pemedulian orang ramai dengan mengadakan muzakarah bersama Penghulu dan Ketua Kampung di daerah ini.

Majlis yang diadakan di Bilik Gerakan Balai Polis Panaga bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim di antara kedua-dua belah pihak serta membincangkan isu keselamatan bagi membanteras gejala yang tidak diingini.

Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Pengiran Kamaluddin bin PSR Pengiran Haji Jaya yang mempengerusikan majlis dalam ucapannya berharap pen-

duk kampung melalui Ketua-ketua Kampung supaya sentiasa memberi kerjasama dalam membanteras jenayah dan kawalan lalu lintas di kawasan mereka.

Sebelum perjumpaan bermula para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung menderang taklimat mengenai organisasi, peranan dan fungsi utama Daerah Polis Belait. Di daerah ini sahaja terdapat 16 Pengawasan. Kejiranan Kampung yang terdiri 1,159 ahli. Pasukan polis dan para Penghulu Mukim serta Ketua Kampung perlu menjalin hubungan kerjasama yang rapat bagi keamanan, keselamatan, keharmonian setiap kampung khususnya dan di daerah ini amnya.



PESERTA qariah, Pengiran Hajah Jasni binti Pengiran Omaralli memperdengarkan bacaannya.



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Belait, Pengiran Kamaluddin bin PSR Pengiran Haji Jaya menyampaikan taklimat kepada rombongan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Keupayaan sekolah, potensi murid dikembangkan

SERUSOP, 4 April. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi berkata, Kementerian Pendidikan kini berusaha untuk meningkatkan keupayaan semua sekolah-sekolah dalam mengembangkan potensi murid-murid yang bermula dari sekolah rendah agar tidak ada sekolah yang ketinggalan dan tidak ada murid yang terencil.

Yang Dimuliakan menjelaskan, antara langkah yang diambil ialah bagi menangani secara aktif isu 'underperformance' di kalangan pelajar, guru, pemimpin sekolah dan sekolah.

"Ke arah itu tambah belajar, kesan-kesan pencapaian, pembaikan dan pemuliharaan ke atas kumpulan berkenaan akan dinilai seperti kepimpinan pengetua/Guru Besar; peningkatan tahap kepimpinan instruksi dengan perbincangan profesional bersama Pengetua/Guru Besar bagi membina setiap individu tenaga pengajar serta keupayaan organisasi.

Selain itu dari keberkesanan guru: peningkatan keterlibatan jabatan-jabatan di Kementerian Pendidikan yang relevan dalam perkembangan profesional guru yang memfokus kepada pembaikan amalan dalam bilik darjah dan pembelajaran murid dan pemeriksaan ke atas kerja-kerja mereka.

Dalam perkara ini, jelas Yang Dimuliakan, kementerannya sedang menimbang beberapa langkah yang bertujuan memberi guru-guru latihan asas kerjaya perguruan agar mereka mempunyai kaedah mengajar yang betul apabila memulakan kerja mereka di sekolah-sekolah.

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Juga akan dinilai ialah perkembangan kurikulum iaitu pengayaan dan penyediaan bahan sokongan bagi pengajaran dan pembelajaran, persumberan/ICT, di samping meneliti kurikulum sekolah dari masa ke semasa selain kegiatan kokurikular juga akan dipertingkatkan untuk memberi pelajar kecerdasan mental dan kecergasan jasmani yang kesemuanya adalah diharapkan untuk mempertingkatkan lagi pencapaian semua sekolah tidak kira di manapun kanak-kanak itu belajar.

Namun, tegas Yang Dimuliakan, kejayaan hanya akan dicapai atas kerjasama semua pihak yang tidak hanya pada menumpukan kepada pihak sekolah, guru dan murid semata-mata tetapi juga ibu bapa, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam pendidikan, di samping masyarakat umumnya.

Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyerahan Anak Kunci dan Perasmian Bangunan Baru Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPS-BS) di Jalan Muara di sini.

Menyentuh mengenai maktab tersebut, Yang Dimuliakan berharap ianya akan memberi keazaman baru kepada penuntut-penuntut maktab berkenaan untuk menjulang tinggi prestasi maktab itu sebagai institusi pendidikan yang telah berjaya dalam pencapaian akademik dan lain-lain kegiatan.

Yang Dimuliakan berkata, sebagai sebuah maktab yang kemasukannya terdiri dari para pelajar cemerlang sepatutnya menjadi 'role model' kepada pelajar-pelajar lain, sementara pihak sekolah mestilah terus berusaha menjadikan maktab tersebut sebagai sebuah institusi pendidikan yang berprestasi cemerlang.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar selaku Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) hadir di Majlis Doa Kesyukuran bagi murid-murid darjah satu dan penuntut-penuntut menengah satu Sekolah Rendah YSHHB. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Sekolah YSHHB menyediakan pendidikan di Peringkat Menengah

Oleh Noor Khadijah Tengah dan Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

SUNGAI AKAR, 7 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang yang juga selaku Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB)

menjelaskan, tujuan YSHHB mengadakan perkhidmatan pendidikan di peringkat menengah itu adalah bagi menyediakan perkhidmatan pendidikan

yang lengkap dari peringkat bimbingan, rendah dan menengah yang ditempatkan dalam satu kawasan.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, ia juga bertujuan untuk memenuhi permintaan para ibu bapa yang berkehendakkan supaya anak-anak mereka yang bersekolah di Sekolah Rendah YSHHB dapat meneruskan pendidikan di peringkat menengah di sekolah berkenaan.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut ketika berucap di Majlis Doa Kesyukuran bagi murid-murid darjah satu dan penuntut-penuntut menengah satu berpindah ke bangunan tambahan Sekolah Rendah YSHHB

berlangsung hari ini di sini.

Menurut Yang Berhormat, sebagai permulaan Sekolah Menengah YSHHB akan menerima pendaftaran bagi Menengah Satu dan seterusnya akan dilaratkan ke Menengah Tiga nanti.

Dalam majlis itu Yang Berhormat juga melahirkan rasa bangga mengenai pencapaian akademik yang sangat cemerlang di sekolah tersebut.

Doa kesyukuran dibacakan oleh Ustaz Haji Ahmad Sofri bin Haji Imran, Guru Agama Sekolah YSHHB.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB, para ibu bapa, penuntut-penuntut menengah satu, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru sekolah berkenaan.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi ketika hadir di Majlis Penyerahan Anak Kunci dan Bangunan Baru Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di Jalan Muara. - Gambar oleh Rami Tengah.

Menyertai Pertandingan Menghafaz Al-Quran di Arab Saudi

BERAKAS, 28 Mac. - Dua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berlepas ke Arab Saudi untuk menyertai Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran Kali Ke-3 Peringkat Antarabangsa bagi tentera yang bermula pada 30 Mac hingga 15 April 2005.

Mereka ialah 16176 Soldadu (U) Aris Wandy bin Haji Wahid dan 16401 Soldadu Sahrul Azhar bin Awang Ahmad. Mereka diiringi oleh Mejar (U) Yusof bin Haji Mustafa dan Ustaz Haji Ruslan bin Haji Sulaiman. Pemangku Pegawai Agama Kanan, Kementerian Pertahanan.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri

Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusof, Pemerintah ABDB; Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan Tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Turut mengucapkan selamat belayar ialah para ibu bapa, keluarga dan sanak saudara peserta rombongan.

Sebelum berlepas, doa selamat telah dibacakan oleh Ustaz Ariffin bin Amir@Hamid.



DUA anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (berdiri barisan depan) bergambar ramai sebelum berlepas ke Arab Saudi bagi menyertai Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Quran Kali Ke-3 Peringkat Antarabangsa bagi tentera. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

Tiga buah Pos Kawalan Polis lagi dibuka

BANGAR, 4 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) terus memberi perhatian yang serius dalam mengekalkan ke-

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

amanan dan kesejahteraan bagi penduduk-penduduk di negara ini tidak terkecuali mereka yang di luar bandar.

Ini terbukti dengan pembukaan tiga buah Pos Kawalan Polis di Daerah Temburong di tiga tempat berasingan sebagai jaminan keamanan dan kesejahteraan khasnya bagi penduduk-penduduk kampung pedalaman.

Tiga buah Pos Kawalan Polis itu ialah di Kampong Selapon, Temada dan Kampong Ujong Jalan, Puni yang dirasmikan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan

Pehin Dato Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani dalam majlis yang sederhana di Kampong Selapon di sini.

Selain dijadikan sebagai pos kawalan ia juga dapat meningkatkan kawalan sempadan kerana kampung-kampung berkenaan bersebelahan dengan sempadan Malaysia khususnya Limbang.

Ketiga-tiga pos polis itu juga berperanan sebagai tempat memberikan kemudahan orang ramai membuat aduan dan meminta bantuan jika sesuatu perkara terjadi di kawasan mereka.

Pembinaan projek pos-polis itu diinisiatifkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenaan membuat lawatan tidak berjadual ke Daerah Temburong pada bulan Mac tahun lalu.

Ketiga-tiga pos polis itu menelan belanja lebih \$124 ribu yang dilengkapi antara lain telefon, radio perhubungan polis, bekalan air, elektrik dan kemudahan tempat rehat.

Setiap pos polis tersebut dijaga oleh dua orang anggota polis secara bergilir setiap lapan jam dan akan memberikan khidmat kepada penduduk kampung selama 24 jam.

CEPAT

OLEH SOSONJAN A. KHAN

MALAM. Hujan lebat. Seluruh kawasan sekitar ibu kota bagai disiram air dari atas. Segala kendaraan bergerak lambat. Beberapa buah jalan raya mengalami gangguan teruk.

Sesetengah kawasan putus bekalan elektrik. Angin bertiup semakin kencang. Pohon-pohon kayu terhambat sekejap ke kiri. Angin terus menggila dalam hujan lebat. Pohon-pohon kayu lebih banyak tumbang. Beberapa buah kendaraan mengalami kemalangan. Kereta bomba, polis dan ambulans masing-masing datang dari beberapa arah bersama nyaring bunyi kecemasan. Manusia-manusia sekeliling semakin bingung dan cuba bersembunyi di tempat-tempat selamat.

Telefon diletakkan. Nadia bangun dan keluar dari kamar tidur. Secawan kopi segera disiapkan. Nadia duduk sambil menghirup kopi panas. Memang tidak terlalu jauh. Tapi sudah agak lama Nadia belum mengambil cuti. Rasanya kawan-kawan yang lain masih banyak yang boleh menggantikan tempatnya.

"Tapi kau lebih diperlukan! Kau tahu selok-belok kawasan tersebut! Cepat! Jangan lambat!" Suara dari corong telefon kedengaran separuh berteriak-teriak.

"Tapi aku masih penat tuan! Baru kelmarin aku balik bersama ekspedisi pendakian. Hari ini aku cuti."

"Iya, aku faham. Tapi ini soal keselamatan umum. Kau mesti ingat itu!"

"Baik tuan." Mahu tidak mahu Nadia terpaksa akur juga akhirnya.

Kilat dan guruh masih mengganas di dada udara. Air sungai yang panjang, bergelombang ganas. Beberapa buah bot masih berlegar di sekeliling. Perahu-perahu yang sudah kosong terbalik dan ada yang tersangkut di tebing sungai. Manusia-manusia yang sukar dikenali berteriak-teriak dari dalam sungai minta segera diselamatkan. Pelampung-pelampung keselamatan sudah banyak dilemparkan ke arus sungai. Ada yang dapat digapai dan ada pula yang hanyut tersasar begitu saja.

"Arus terlalu kuat!" Pekik Nadia kepada beberapa orang penyelamat yang sedang sama-sama bertungkus lumus menjalankan tugas menyelamatkan.

"Sediakan lebih banyak tali. Tambat pada pohon-pohon di tebing," perintah Nadia lagi.

Nadia mengikat tali pada pinggangnya. Baju pelampung juga telah siap dikenalkan. Nadia bergerak ke tebing sungai. Sesosok tubuh yang hampir-hampir lemas cuba dihipi. Arus terlalu kuat. Tali dihulur. Sekilas itu Nadia seperti teragak-agak. Dalam cuaca yang sangat buruk itu, pandangan mereka bertembung. Nadia kurang pasti. Tapi setelah tali yang dihulur dicapai dari sebelah, Nadia tiba-tiba tersentak.

Apalagi yang kau cari dalam hidup ini? Kau boleh ketawa sepanjang hari sambil menikmati seluruh kesenangan yang kau miliki. Rumah besar tersergam mewah itu milikmu. Suamimu juga seorang yang cukup mewah. Anak-anakmu semuanya sihat dan sukses dalam pelajaran. Kau boleh menjelajah dunia bila-bila masa yang kau mahu untuk menikmati sepenuhnya waktu-waktu santai. Kau mampu membeli bahkan memiliki apa saja yang kau mahu. Kau tidak perlu bersusah payah memikirkan masalah wang, hutang atau apa yang akan dimakan esok hari. Kau juga tidak perlu memikirkan tentang masa depan anak-anakmu, bahkan untuk 10 generasi yang akan datang kau mampu menyediakan biaya hidup penuh kemewahan.

Tapi kau tetap me-

ngatakan hidup ini kosong dan sepi. Padahal kau mempunyai ramai kawan, bahkan dari seluruh pelusuk dunia ini. Siapa yang tidak ingin mendampingi? Kau ada rupa dan ada harta! Tapi kau tetap juga mengatakan dunia ini kabut dan sepi. Aku cuma seorang sahabat yang begitu simpati atas penderitaanmu. Tapi masih saja aku tidak mahu meninggalkan gubuk usang ini untuk berlari mengejar. Kau tanya mengapa? Mengapa aku begitu tolol menstiasikan waktu begitu saja. Kau melihat bagaimana aku begitu sukanya meniti perjalanan hidup ini. Tinggal di gubuk buruk, bila-bila masa saja boleh ranap ditup angin. Setiap saat yang ada di dalam kepala orang-orang seperti aku. Bilakah kepenatan mencari rezeki akan ada kesudahannya. Kemudian tiap malam membina mimpi demi mimpi untuk setiap hasrat yang jarang pernah tersentuh jari. Tapi tetap senyum, walau makan beralaskan tikar mengkuang. Tapi tetap merasa puas walau setiap detik tak henti berfikir mencari ruang-ruang untuk bernafas bebas.

Ketika melihat keringatku yang bercucuran, membanting tulang dalam mencari sebutir nasi, sekali lagi kau cakap aku sahabat yang tolol! Bahawa aku telah membuang banyak kesempatan masa muda untuk meraih nikmat hidup. Nikmat hidup? Nikmat hidup yang bagaimana? Bukankah kau telah memiliki segala kesenangan di dunia ini, namun tetap saja saban detik mengeluh dihipit oleh sejuta tusukan sembilu yang kau sendiri tidak faham darimana datangnya dan kenapa? Kau tahu, bohong kalau ada orang yang menyatakan tidak perfuk kesenangan dan harta benda di dunia ini. Dan bohong kalau ada orang mengatakan kepayahahan hidup bukanlah penderitaan yang ingin dihindari.

Namun, menerima segala dengan apa adanya, sabar dan usaha itulah yang lebih memaknakan kehidupan. Nah! Kau yang telah memiliki segalanya, pernahkah kau bersyukur? Atau pernahkah kau merasakan penderitaan orang-orang yang tidak punya apa-apa. Makanya kau tidak layak bicara tentang orang-orang kecil seperti aku.

Orang-orang sepertimu sebenarnya hanya mempunyai nafsu dunia yang tidak pernah merasa cukup apalagi puas. Sebenarnya kau harus kembali dan bermula dari bawah. Kalau kau benar-benar mahu mengenal makna hidup,

kau harus ikut orang-orang kecil seperti aku, menentang hutan rimba, menentang badai ombak lautan, berjalan di atas kerasnya kerikil atau berbaring di atas bara. Kalau kau benar-benar mahu mengenal makna hidup ini, kau harus berani menjadi pengembara di padang pasir yang tandus, tidur di tempat-tempat yang basah, minum dari air sungai yang tidak berklorin atau makan beralaskan daun pisang. Tidak mungkin bukan? Jarang ada orang yang mahu membeli pengalaman-pengalaman ngeri yang berharga seperti ini. Tapi kau jangan lupa, pengalaman-pengalaman seperti inilah yang paling mahal dan selalu dapat membentuk jiwa manusia menjadi betul-betul manusia! Kau lihat sekarang? Mana mungkin aku akan menggegar tiang-tiang yang terpacak di sini, agar kau mahu turun dan segera aku dapat membawamu masuk ke gerbang manusia yang hakiki. Lalu, hidup siapa yang sebenarnya yang lebih bermakna? Kalau kau memuja dunia, dunia ini akan hancur lebur ketika tiba waktunya. Hanya satu yang tinggal, Pencipta.

Sebenarnya, dengan modal yang ada memang kau boleh membeli segala-galanya di dunia ini, kecuali rasa tenang atau bahagia. Kau tidak pernah merasa bahagia walaupun dilimpahi dengan segala macam kemewahan dunia. Bagimu selagi ada saingan, selagi itulah kau akan terus merasa terancam. Kau takut kalau-kalau kau kehilangan upaya. Kau takut kalau-kalau segala usahamu tiba-tiba jatuh. Kau takut jika tiba-tiba kalender takdirmu robek dan kau terpaksa hidup sama seperti orang-orang kecil macam aku. Biasanya begitulah, bila sudah berada di paras ketinggian yang tidak terkawal, manusia menjadi takut. Takut gugur! Cuba kau perhatikan, orang-orang seperti aku tidak pernah merasakan ketakutan-ketakutan seperti itu kerana kami sentiasa berpijak di atas bumi yang nyata. Berdiri di atas tanah! Ya, tanah!

Dalam diam kau masih saja mencemuh orang-orang seperti aku. Egoistik! Itulah antara penyakit jiwa yang selama ini telah membelenggu diri dan kehidupanmu. Menerima pandangan orang-orang kecil seperti aku bagimu amat mengaibkan. Aku faham kenapa sampai terjadi begitu. Tidak banyak yang perlu kau buat. Hanya membuka dada dan minda lebih luas sambil mengucap astaghfirullah berulang kali. Semoga dengan itu akan hadir sinar petunjuk menyusup masuk dan menerangi kalbumu. Mengucapkan kilasan diri sendiri bagimu adalah ibarat membuka pekung di dada. Harga dirimu akan menjunam jatuh. Dan kau akan merasa seperti sebutir pasir yang tiada bererti. Lalu apa yang telah kau lakukan. Kau cuba mengaburi mata khalayak dengan budi pekerti dan gerak tarimu yang sebenarnya selama ini semua orang tahu palsu semata-mata. Kau cuba menanam keyakinan pada dirimu yang rapuh dan goyah bahawa kau masih utuh dan terhormat.

Sebenarnya kau sedar akan kehancuran yang sudah lama menimbunmu ke lubang puaka. Kau telah lebur dan menjadi debu. Itulah sebenarnya hakikat yang paling sukar untuk kau terima yang akhirnya



KILAT dan guruh masih mengganas di dada udara. Air sungai yang panjang, bergelombang ganas. Beberapa buah bot masih berlegar di sekeliling. Perahu-perahu yang sudah kosong terbalik dan ada yang tersangkut di tebing sungai. Manusia-manusia yang sukar dikenali berteriak-teriak dari dalam sungai minta segera diselamatkan. Pelampung-pelampung keselamatan sudah banyak dilemparkan ke arus sungai. Ada yang dapat digapai dan ada pula yang hanyut tersasar begitu saja.

membuatmu merasa dunia yang indah ini kosong dan sepi.

Kebahagiaan itu sebenarnya terletak dalam jiwa beribatan yang jujur dan putih bersih setulus-tulusnya. Kebahagiaan itu adalah apabila kau mendapatkan cinta dan kasih sayang Tuhan yang sesungguhnya setelah kau berjaya menepuh segala ujian di muka bumi ini. Kebahagiaan itu adalah apabila kau mengenal Tuhan dan mengenal dirimu sendiri. Aku sangat-sangat berharap kau akan mengerti. Nah! Sekarang terserah padamu untuk memilih laluan cara hidupmu sendiri.

Sebenarnya yang kau inginkan ialah membina sebuah empayar kemegahanmu sendiri. Kau ingin seluruh dunia melihat dan berlutut padamu. Caranya, mula-mula kau bina sebuah pentas, kau katakan pada semua bahawa pentas itu adalah untuk pementasan drama. Hasil kutipan adalah membantu orang-orang susah. Kau tawarkan pelbagai peranan buat ramai pelakon. Tapi akhirnya peranan ulung tetap jatuh ke tanganmu.

Sebenarnya itulah yang kau mahu. Kau ingin menikmati rasa popular dan dipuja. Kau suka dipuji, kau suka dilambungkan tinggi. Setiap kali ada orang lain yang kira-kira boleh mengugat keunggulanmu, cepat-cepat kau singkir. Semua orang per-

caya segala alasan-alasan yang kau buat kerana pentas itu kau punya! Orang-orang yang tidak percaya pada alasan-alasanmu tetap kau lempar jauh.

Setelah berada di puncak kegemilangan dan setelah banyak kebenaran yang telah kau palsukan kau merasa seperti dewa. Kau pun mulai bercita-cita untuk memiliki kuasa sakti. Kau sedar dirimu semakin tua. Mana mungkin selamanya kau layak menjadi bidadari di atas pentas itu. Oleh itu kau perlu kuasa sakti. Dengan kuasa sakti kau boleh hipnotis jiwa dan minda orang sekelilingmu agar terus mendewa-dewakanmu. Kataku balikhlah ke pangkal jalan. Sesungguhnya kau telah hidup dalam kesesatan dan kepalsuan.

Tapi kau enggan. Kau jahit topeng lusuh yang telah kau gubahkan selama berpuluh-puluh tahun. Kau oles cat yang halus pada topeng, kemudian kau bubuh bedak, pemerah pipi, celak dan alis kening. Ketika usiamu sudah terlalu banyak kau sudah tidak mampu naik ke atas pentas. Namun tetap saja kau minta diusung naik. Kau masih mengenangkan topeng yang sama dan duduk di tengah-tengah pentas. Dan ketika semua penari-penari rancak memainkan peranan masing-masing kau masih cuba untuk berdiri.

Suara tepukan dan sorakan memenuhi sekitar pentas. Penonton sentiasa merasa puas setiap kali melihat hasil pementasan.

Tepukan terus bergema lagi dan lagi. Para penonton berdiri sebagai tanda penghargaan. Sahabat, kebahagiaan adalah apabila kau dapat berlaku jujur pada dirimu sendiri!

Tapi kau tidak! Kau bunuh semua orang yang mahu berdiri di sekelilingmu termasuk aku sahabat baikmu. Kau rampas segala yang aku miliki di daerah ini dan kau lupa kalau hidup adalah umpama roda. Ternyata kau lemah. Kau tidak pandai berenang. Dan seluruh harta yang kau ada tidak mampu menolongmu ketika ini. Kau terpaksa menyerah jua pada takdir. Hari ini harga dirimu telah hancur berkecai!!!

"Tolong selamatkan aku Nadia! Aku tidak pandai berenang."

Wajah sayu penuh mengharap simpati itu direnung agak lama. Akhirnya Nadia menghulurkan tangan. Terasa kuat tangan bawah yang mengharap. Hujan masih lebat.

Nadia memberikan jaket pelampungnya. Tali diikat kukuh-kukuh pada tubuh yang baru berpaut padanya. Nadia cuba menarik tubuh yang lemah itu ke tebing. Beberapa orang sudah siap menunggu di tebing. Tubuh yang lemah itu segera disambut beramai-ramai.

Nadia kembali ke arus sungai untuk menyelamatkan yang lain. Masa terus berlalu. Semua mangsa yang baru diselamatkan sudah ditempatkan dalam kem-kem jauh di atas

daratan. Sesosok tubuh bangun, mencapai sebilah pisau lalu terus berjalan ke tepian tebing. Dalam suasana yang serba kelam-kabut, pisau tajam mengerat salah setas tali yang tertambat di sebatang pohon.

Nadia merasa tubuhnya terlepas, bebas terbawa arus. Ia panik. Nadia berteriak meminta bantuan. Arus terlalu deras. Tubuhnya tenggelam timbul dibawa arus. Nadia menjerit-jerit semakin kuat. Hujan lebat memampatkan kekuatan suaranya. Nadia hanyut tenggelam timbul semakin jauh dan jauh. Hari semakin kelam.

Seorang juruawat masuk ke kamar kelas utama bersama sejumlah perkakas perubatan. Sesosok tubuh terjaga dari tidurnya. Nadia mengunci pintu dari dalam. Mata mereka segera bertembung padat! Tubuh yang terbaring itu segera cuba bergerak. Namun keadaannya sama sekali tidak mengizinkan. Kaki kanan dan tangan sebelah kiri masih berbalut simen. Sedang beberapa utas tiub getah melingkar di kiri kanannya.

"Kau cuba bangun? Mengapa? Kau terkejut? Atau kau takut? Kau perlu istirahat yang panjang, kerana aku masih mempunyai banyak tugas-tugas yang penting." Nadia berbisik di telinganya sambil tersenyum sinis.

Tubuh itu meronta-ronta kuat, sesaat dua saat... dan kemudian senyap dan sunyi. Nadia keluar dan tirai panggung dilabuhkan!

Senario Hari Kebangsaan

**KECINTAAN
BANGSA PADA
NEGARA**

OLEH
ABDUL SAMAT BIN BANIN

Itulah sebenarnya

KEHADIRAN bendera kita itu diperkuat lagi dengan Lagu Kebangsaan. Melalui Lagu Kebangsaan itu simbol dan harapan negara yang tertera di atas bendera itu diperjelaskan. Memandangkan harapan negara terkandung di permukaan bendera dan dalam Lagu Kebangsaan, maka Lagu Kebangsaan berkumandang di sekolah-sekolah hampir setiap pagi bagi menyedarkan generasi muda dalam kehidupan bernegara yang merdeka. Setiap orang dikehendaki berdiri tegak bagi menghormati Lagu Kebangsaan dan kenaikan bendera.

Dalam konteks sekarang, mungkin bangsa kita cinta pada negara kita kerana negara kita kaya dan dapat memberikan pelbagai kemudahan. Oleh sebab itu sering kedapatan bangsa kita terutama generasi muda yang semakin cuai dalam memelihara dan memastikan keutuhan negara ini. Ini tidak dapat ditolak dan kita tidak dapat menyalahkan bulat-bulat hal ini kepada mereka. Mereka sememangnya hidup dalam zaman dan keadaan

Kita tidak boleh hanya berharap dan mem-

pek tertentu yang memang melibatkan sambutan cara Islam. Bagaimanapun dalam kehidupan seharian tuntutan dan nilai agama Islam telah mula dipilih-pilih. Yang bersesuaian diamalkan sedang yang dirasakan kurang bersesuaian dengan tuntutan zaman semakin ditinggalkan. Contohnya, menurut Fatwa Mufti segala bentuk hiburan itu haram. Sebagai negara Islam hal ini sudah pasti. Kita perlu menghindarinya. Bagaimanapun perkara hiburan itu tetap dijalankan walaupun kita sebagai walaung Brunei memang menyedari hukumannya. Ia bukan bersifat global yang kita tidak dapat mengelakannya. Ia bukan disalurkan melalui internet. Tetapi kita sendiri yang menghidupkannya untuk santapan generasi muda dan bangsa kita. Ini adalah pendidikan yang tidak formal. Kita yang sebenarnya punca kepada masalah remaja jika kita sendiri sebagai pembimbing generasi muda yang membenarkan suatu yang sememangnya kita tahu tidak boleh dilakukan. Tindakan kita itu seolah-olah menghalalkan yang haram berleluasa. Sebenarnya di manakah kedudukan kita? Jika kita benar savangkan negara

Bila kita menyambut ulang tahun kelahiran anak, kita bersyukur kerana anak itu sihat dan panjang umur. Yang membanggakan lagi anak itu telah dipelihara dengan penuh tanggungjawab dan rasa kasih sayang. Dengan peredaran waktu, anak itu semakin dewasa dan mampu berdiri. Begitulah dengan ulang tahun negara kita pada tahun ini. Walaupun tidak semua rakyat berusaha memeliharanya, namun negara kita mampu juga mencapai usia kematangan 21 tahun. Satu jangka usia yang mula menjejak kematangan. Bagaimanapun adakah kita sebagai bangsa Brunei telah memiliki kedewasaan dan kematangan dalam usaha menghadapi cabaran mendatang? Adakah jangka masa 21 tahun itu mendidik kita dengan cinta yang tekal kepada negara? Adakah kita menghargai apa yang ada dan berusaha untuk memantapkan lagi prestasi negara? Atau mungkin jangka masa 21 tahun itu telah menjadikan kita bangsa yang 'demanding' atau terlalu banyak meminta kepada negara?

Kita perluimbang dengan sikap bangsa yang semakin "demanding" dalam kehidupan bernegara. Dalam membuat sesuatu kerja kerap kali kita dengar pertanyaan tentang apakah kemudahan yang diberikan berapaa elayannya? Berapaa bayaran kerja lebih masa? Senario seperti ini jika difikirkan, sedalannya memang merisaukan. Senario ini membimbangkan kita jika sesuatu terjadi pada negara. Apakah kita telah bersedia menghadapi kemungkinan yang tidak dijangka pada masa hadapan? Apakah seandainya jika negara menghadapi masalah dan menarik kemudahan yang diberikan, masih mam-pukah kita mengangkat suara yang kita masih cintai negara ini? Dapatkah kita menerima realiti dan berusaha membantu negara dengan fikiran dan keringat? Kita tidak mahu ada sepasang kekasih yang hanya inginkan keindahan dan kecantikan pasangannya. Tiba saatnya setelah dimakan usia, pasangannya sudah berubah rupa dan bentuknya serta sakit-sakit. Pasangannya merasa sudah sampai masanya untuk meninggalkannya. Itu yang kita tidak mahu dalam konteks bernegara.

Kalau kita menilai semula teori Ibnu Khaldun kita akan merasa bimbang dengan masa depan negara. Sama ada teori tersebut seratus peratus benar atau tidak, kita perlu memikirkan kewajarannya. Menurut Ibnu Khaldun, setiap negara mencapai kemajuan dan kemakmuran hanya dalam tiga generasi sahaja. Mengapakah beliau mengatakan sedemikian? Untuk menjelaskannya kita ambil analogi seorang pejuang kemerdekaan. Seorang

pejuang kemerdekaan (generasi pertama) pernah berjuang bertungkus lumus untuk membebaskan negaranya dari belenggu penjajah. Dia sendiri yang berjuang. Dia yang sendiri merasai keperitan dan seksa. Dalam dirinya tertanam nilai cinta kepada negara yang sangat mendalam. Dia sangat menghargai kemerdekaan kerana kemerdekaan itu hasil perjuangan dan titik peluhnya sendiri. Kemudian apabila dia mempunyai anak (generasi kedua), anaknya itu secara tidak langsung juga mempunyai nilai kecintaan kepada negara, tetapi kualiti cintanya kurang dari yang dimiliki ayahnya. Nilai cintanya itu hanyalah berdasarkan kepada perjuangan ayahnya itu sahaja. Nilainya berdasarkan kepada apa yang pernah difihat dan dialaminya sahaja. Dia sendiri tidak berjuang seperti perjuangan ayahnya. Bagaimanapun melalui apa yang difihatnya melalui perjuangan ayahnya, dia dapat menyelami kesukaran dan dapat menghargai erti kemerdekaan itu. Kemudian apabila dia pula mempunyai anak (generasi ketiga), anak tersebut telah jauh dari semangat kemerdekaan. Sejak dia lahir dia tidak pernah menyaksikan apa yang dimaksudkan dengan perjuangan kemerdekaan. Jauh sekali untuk merasai keperitan perjuangan itu. Anak generasi ketiga ini hanya melihat kemewahan yang terpampang di depan mata. Mereka hanya tahu menggunakan segala kemewahan tanpa berfikir punca kemewahan tersebut.

Melihat kepada teori berdasarkan analogi tersebut, negara kita sekarang sudah menjejaki kepada zaman generasi ketiga. Jika kita tidak mampu meramu satu azimat yang mujarab untuk membina anjakan paradigma dalam menghidupkan nilai ke-cintaan kepada negara di kalangan generasi muda sekarang, satu keruntuhan nilai bernegara akan kita alami. Masa depan negara kita banyak bergantung kepada generasi ketiga ini. Generasi pertama telah banyak meninggalkan kita. Perjuangan, semangat dan budi mereka sangat besar kepada kita. Yang ada sekarang dan sedang berhempas-pulas untuk menanai kemajuan negara ialah generasi kedua. Kalau kita lihat generasi kedua ini pun berbelah bahagi seperti yang saya jelaskan tadi. Sesetengah pihak mahu membanteras yang haram dan sesetengah pihak mahu mendukungnya. Sesetengah pihak masih kuat dengan lunas-lunas yang diwarisi oleh generasi pertama, sedang sesetengah pihak pula mula melihat nilai kehidupan yang memeningkan diri sendiri.

Kita tidak mau bangsa kita terlalu mementingkan kemewahan. Kita tidak mau cinta bermusim. Pupuklah dijilwa dengan cinta murni ke pada negara. Garhailah usaha orang terdahulu dalam mempertahankan negara ini. Kita teruskan usaha mempertahankan negara ini. Mudah-mudahan negara kita terus hidup, bangsanya tegak bersatu maju ke depan. Bersepadu kita memperkasakan bangsa agar negara dapat menjadi negara yang mandiri dan bermuah. Jangan jadilah kita hidup gembira dan mementingkan kemewahan atas keperitan dan kesusahan orang terdahulu tanpa bertindak membalas kepada segala pengorbanan itu. Jadilah kita manusia Brunei yang boleh timbul dalam gelora dan badai dunia. Kita tidak mau teori Ibnu Khaldun menjadi kenyataan.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BAGAI BURUNG DALAM SANGKAR

Tiada siapa yang tahu
rasa hatiku
tiada siapa mengerti
jeritan batinku
memang di mata orang aku senang
hidupku sama seperti insan-insan lain
punya rupa
punya harta
punya segala-galanya.

Tetapi mereka tidak tahu
apa yang kusembunyi
jiwaku terseksa
batinku merana
aku sebenarnya tiada kebebasan
bagai dikurung dalam sangkar emas berkilau
kesemua kemahuan di sekelilingku kuturukkan
tetapi kenapa isi hatiku tidak pernah didengar.

Oh! Tuhan
sampai bilakah harus kubersabar
sampai bila harus kupendam
jeritan batinku menusuk kalbu
aku bukan lagi seorang anak kecil hancing
kini aku cukup matang dan dewasa
aku mampu mendirikan mahligai indah
realitinya
aku ingin pilih jalanku sendiri
kuingin bebas
bebas seperti burung yang terbang
kini kunanti semua ini berakhir
saat aku lepas dari sangkar emas
saat aku bebas untuk terbang ke mana saja
kumahu ...

Myrna Marina
J'adore libertie

LARA BERULANG

Benci semesta setungku dunia
hijau di bawah biru di atas
tiada hilang dikikis
dan di luar pintu
terhidu busuk!

Begitu macam hati nurani terlara
mana mungkin terampang teduh
harmoni terlerai berpalingan
lari tak tuntut tangga!

Apakah ditidurkan di Subuh hening
mimpi impian bahagia
yang tiada nampak retaknya
pecah tersembunyi
sepi ledakan?

Hayat sudah menuju Asar matahari terlampung
tanah dikerat melambai ketawa
tiada tahu bila akan berakhir
dan di sana menghitung hari
di belakang waktu
tiada terbongkar!

FITNAH

Otakmu lekas menangkapnya dari angin
itulah berita sebenarnya
kerana angin dianginkan!

Kau percaya bukan perdaya dari otak angin
kalau betul telinga akan terisi kesulitan
memesongkan yakin di dada bengukmu
menyingkirkan warak!

Sebenarnya selidikmu keliru ke simpang gelap
jambatan bahagia hilang makna
menanggalkan kehormatanmu
menghancurkan kesenanganmu
membakar tenteramu
menyingkirkan damaimu
kau akan selamanya berpuing ...

Tetapi di situakah letaknya bina bangun

yang kau percayai
yang kau pasti yakini
yang tiada kau ragui
angin sebenarnya
angin dari Allah!

Dan kau pun menerima berita seterusnya
kau perbandingan dengan hidupmu
tapi balik ke sulap
atap terbalik dipanah petir
kau akan tahu itu apa
kau tidak memerlukan sabar, tawakul
semata-mata dunia di depanmu!

Kau tidak tahu apa mengenamu
apa silapmu hujung usia
macam apakah yang baik
logik diterima akal!

Bukan tiada berakhir
berfikir dulu sebelum lakukan
apakah kejahatan dibalas dendam
kejahatan dibalas api kejahatan juga
yang lebih baik kejahatan dibalas kebaikan
akan kau terima sejahtera yang unggul
kau akan membela keperibadianmu
kau akan kembalikan kesendirianmu.

Lakukanlah ...
lupakanlah rasa menghancurkan jasadmu
kau akan hadapi satu ketenangan keyakinan
yang belum pernah kau rasakan!

Adi Misere

DIARI SEORANG PEGAWAI

Jangan ditanamkan dalam sanubari
sifat keegoan
mungkin ada yang lebih hebat
yang tidak mampu ditandingi.

Berhati-hati apa yang dilakukan
apabila berkata
mesti dikota
apa yang ditulis
biarlah sempurna.

Apabila dipuji dan dipuja
jangan terleka
engkau cuma pelaksana
Allah Yang Berkuasa.

Tugas dipikul di atas bahu
harus diteraju
kerana engkau dipimpin dan memimpin
banyak teman
banyak seteru.

JANJI

Pertemuan kita di masa lalu
sekitar lama menunggu janji
sehingga kini kata belum terbukti
bahkan menyepi.

Berjanji bila suka
dan mungkir janji pilihan kita
kerana itu perkara biasa
akhirnya menjadi pendusta.

Mahadi R. S.

BUMI YANG CALAR

Di sana langitnya malap
buminya gersang
lautan darah melimpah
pada pepasir
demi hari
berhujankan peluru
tercalar pelangi
tubuh-tubuh kaku berselerakan
anak-anak kecil berdendang
dengan tangisan dan rintihan
tiada kesudahan.

Itulah bumi anbia
yang mesti jadi hambar
suara kemanusiaan hilang
dan tiada lagi
semerdu pawana
keganasan, kerakusan bermaharajalela
tandus keimanan.

BONDA

Keindahan dan kehalusan
mempesona jiwa
suara perlahan bernada lembut
membisikkan kalimat murni
membuahkan jernih hembusan Syurgawi
terharu dan mencengkam dada
damailah sekeping hati yang lara
bonda wahai bonda
kalimat yang begitu indah
indah pada lembut wajah
indah pada kelopak seri kemboja
indah pada jemari halus
yang membuai lena
di telapakmu letaknya Syurga.

Adi Swara

PEREBUTAN

Menyorot lampu belakang
bayang jatuh di anak mata
melangkah menjejarmu menjauh
memencil infiniti gelap
dalam tolehan
lampu juga mengecil sinar
dan lenyap bagai titik gelap
di depan jalan malap
langit bercahaya
bayang jatuh diinjak
bergerak di bawah kaki
dalam tunduk
warna ufuk bersilih cerah
dan bayang pun jatuh
di belakang punggung.

Z. A. Brunei

KURNIA HAYAT

Betapa kurindukan
betapa kuinginkan
sepanjang perjalanan ini
dengan iringan doa selalu
kembali ke pangkuan kasih-Mu.

Tuhanku
di sini kufasihkan lidah
mengingat dan menyebut nama-Mu
malah sampai waktu-waktunya
aku berhadapan dengan-Mu
rukuk dan sujud
di bawah kuasa kebesaran-Mu
yang hakiki
abadi!

Tuhanku
sesungguhnya aku tahu
mengakui kebenaran janji-janji-Mu
bukanlah mengharapkan balasan baik
atau takutkan azab dan seksa
tapi patuh atas perintah-Mu
yang mesti ditunaikan di dunia ini
untuk bekalan di akhirat nanti.

Tuhanku
atas kurnia hayat ini
terimalah pengabdianku
dengan niat yang satu
dengan akidah tiada sekutu
pada-Mu hidup matiku.

PEGANGAN KITA

Janganlah kita mengharap-harap
atau mengimpikan sangat

untuk memperolehi
sesuatu yang belum pasti itu
kerana ia amat dikhuatiri
akan mengotak-ngatikkan kita
ke arah perbalahan -
kehuncuran!

Kita jangan mudah terpedaya
atau mempercayai dengan janji-janji
kerana manusia ini pendusta
sering tidak menepati janji
dan akhirnya ...
kita sendiri akan menerima padahnya.

Di sini kita harus tahu
betapa janji-janji manusia itu
tidak akan sampai ke mana
tidak akan membawa kebahagiaan
walau dengan janji Sarinah
atau dengan janji Diana
pastinya tidak!
selain daripada janji Tuhan
yang mesti kita akui kebenarannya
dan patuhi segala perintah-Nya.

Ingatlah anak Adam
jalan kita, amar makruf nahi munkar
beriadanglah pada makrifatullah
yakin dan tawakaltuallallah
adalah pegangan kita
dalam rahmat abadi-Nya.

Rahim M. S.

LAKARAN MENERPA

Pernah ...
detik itu menjelma di hati
tatkala kerinduan mencengkam sanubari
di hening malam menerpa
satu yang tak kuduga
berakhir sandiwara berlalu.

Dulu ...
lakaran berlari bersama irama
terciptanya gubahan istimewa
namun kelut ku memikirkannya
sedangkan lagunya tiada bertema.

Kerana satu tekad
layaran malamku sepi
rindu tak singgah lagi
ilhamku bebas berterbangan
dalam kabus yang putih
lakaran menerpa
mencoret sejarah hidupku.

Elley-Effy

SEBUAH NILAI

Apakah yang lebih dibanggai
oleh seorang penulis
melainkan ...
tulisan yang dihargai ...

Apakah yang lebih bererti
di sisi seorang yang sepi
melainkan ...
teman bicara ...

Apakah yang lebih beruntung
dari seorang ibu
melainkan ...
seorang anak yang salih ...

Dan

Apakah yang lebih ikhlas
dari setiap perbuatan
yang tanpa mengharap ...

Azmi KBA



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 20 APR	PAGI	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	MALAM	MAULUD NABI
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.15	RANCANGAN HARI INI	7.00	LIPUTAN SEMASA	SALLALLAHU ALAIHI
	6.02	KEBANGSAAN	4.20	SESAME STREET - Ulangan	7.20	CRAB	WASALLAM (Siaran
	6.15	TILAWAH AL-QURAN	5.20	GILLETTE WORLD OF	7.38	AZAN ISYAK	Langsung dari Jame' Asr
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	5.45	SPORT	7.45	TITAH KEBAWAH DYMM	Hassanil Bolkiah)
KHAMIS 21 APR	9.00	BERITA	6.00	PROMETHEUS		SULTAN SEMPENA	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	6.27	PRINCIPLE	8.00	MAULUD NABI	TAYANGAN GAMBAR
	10.00	RANCANGAN HARI INI	6.40	AZAN MAGHRIB	8.50	SALLALLAHU ALAIHI	MELAYU - 'Ahmad Albab'
				SINAR		WASALLAM	MUTANT X SR. 2 - 'Lest
						BERITA NASIONAL	He Become' - Siri Akhir
JUMAT 22 APR	PETANG	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.40		PENUTUP DIKIR	DOA DAN SIARAN TAMAT
SABTU 23 APR	PAGI	10.02	GLADITOR ACADEMY	PETANG	6.00	MUSLIM WORLD	'Extremes'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.50	1.30	6.27	AZAN MAGHRIB	NEWS AT 10
	6.02	KEBANGSAAN	11.15	2.00	6.45	MUTIARA	KHUTBAH JUMAAT
	6.15	TILAWAH AL-QURAN	11.30	3.15	MALAM		MAJLIS SAMBUTAN
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45		7.00	LIPUTAN SEMASA	MAULUD NABI
AHAD 24 APR	9.00	BERITA	12.15	3.33	7.20	SEIMBAS SR. 2	MUHAMMAD
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	3.36	7.38	AZAN ISYAK	SALLALLAHU ALAIHI
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.45	5.00	8.00	BERITA NASIONAL	WASALLAM - 'Daerah
	10.05	KIDS HOUR - 'Bug			9.00	TABIR SR. 3 - 'Padah Gila Hiburan'	Brunei & Muara' - Ulangan
					9.30	THE GAME PLAN -	TELEDRAWA - 'Penghujung Delima'
ISNIN 25 APR	PAGI	10.05	ANIMATION HOUR - 'Rocket Kidz/Time Blazers'	2.25	6.05	LATITUDES	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	2.50	6.27	AZAN MAGHRIB	
	6.02	KEBANGSAAN	11.15		6.45	PEDOMAN AKIDAH	
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	11.30	3.15	MALAM		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	3.34	7.00	DUNIA ASIA - 'Yogyakarta'	
SELASA 26 APR	9.00	BERITA	12.20	4.05	7.38	AZAN ISYAK	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		8.00	BERITA NASIONAL	
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.15		8.50	AL-QURAN	
					9.30	H & S (TALKSHOW)	
					10.00	AZAN MAGHRIB	
SABTU 27 APR	PAGI	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	6.45	AL ISLAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.02	4.15	7.00	DRAMA SITKOM - 'Tamu'	
	6.02	KEBANGSAAN	11.00	4.20	7.30	DOKUMENTARI	
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	11.30		7.38	AZAN ISYAK	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	5.00	8.00	BERITA NASIONAL	
SABTU 28 APR	9.00	BERITA	PETANG		8.50	KAMPUNG KITA	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00		12.00	'Kampung Telisai - Tutong'	
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.15		12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT	

SEBUT sahaja Restoran dan Kafe Serikandi pasti setiap warga Belait khususnya dan sebilangan penduduk negara ini umumnya mengenali pemilik restoran ini, seorang wanita yang bergiat aktif dalam bidang perniagaan pemakanan iaitu Hajah Sharifah Maimunah Syed Mohammad.

Kegigihan untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk keluarga adalah satu contoh terpuji yang ada pada pengusaha restoran yang bertubuh kecil molek, namun mempunyai semangat waja. Prinsip dan cara kerjanya yang memulakan segalanya dari bawah memberi peluang kepada Hajah Sharifah Maimunah untuk membina empayar perniagaan dalam bidang pemakanan.

Hajah Sharifah Maimunah yang nampak sihat walaupun sudah mencecah usia 65 tahun masih kuat menyudahkan semua kerja-kerjanya. "Alhamdulillah, setakat ini Tuhan memberikan saya kesihatan yang baik," katanya.

Pengarah Urusan Restoran dan Kafe Serikandi serta Industri Pembungkusan dan Makanan Serikandi, Hajah Sharifah Maimunah yang dulunya pernah bertugas sebagai Guru Urusan Rumah tangga di Daerah Belait kemudiannya mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan sendiri.

Anak keturunan Arab ini dilahirkan di Kampong Melayu Asli, Kuala Belait menyedari bahawa dirinya datang dari keluarga sederhana. Sementelah lagi dia anak tunggal dalam keluarganya, ibunya berasal dari Singapura manakala ayahnya warga Negara Brunei Darussalam, beliau tekad untuk mengubah nasib keluarga membuatnya yakin dengan haluan yang dibawa.

Menceritakan kisah hidupnya ketika usianya setahun ayahnya meninggal dunia di Singapura. Ibunya kahwin lagi dan dari perkahwinan kedua itu ibunya memperoleh tiga orang cahaya mata, seorang perempuan dan dua lelaki. Hajah Sharifah bersekolah di Sekolah Melayu Telok Belanga, Singapura. Apabila usianya 15 tahun, datuknya, Haji Malai Damit yang berada di Negara Brunei Darussalam membawa Hajah Sharifah pulang ke tanah air. Bermula dari detik itulah Hajah Sharifah menetap di negara ini hinggalah pada masa ini.

Hajah Sharifah kemudian dijodohkan dengan sepupunya, Sheikh Haji Ahmad Sheikh Haji Said pada tahun 1955 dan hasil perkawinan tersebut mereka memperoleh lima orang cahaya mata. Menyimpang sejarahnya mula melibatkan diri dalam perniagaan, sewaktu zaman kanak-kanak, ibunya telah mendidiknya berjual kuih-muih.

"Sewaktu di Singapura, setiap hari awal pagi sebelum pergi ke sekolah dan selepas pulang dari sekolah saya menjual kuih dengan berjalan kaki sekitar kampung saya. Antara makanan yang dijual nasi lemak dan beraneka kuih Melayu dengan harga lima sen sahaja setiap satu," jelasnya.

"Saya rasakan sudah

SERIKANDI

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

RAJIN BERUSAHA TANGGA KEJAYAAN

menjadi tanggungjawab saya untuk membantu keluarga. Jika bukan saya siapa lagi dan dengan didikan perniagaan yang telah disemadikan oleh arwah ibu saya dalam diri saya, apabila saya berumah tangga dan mempunyai anak, saya terfikir semula untuk mempraktikkan apa yang dilakukan oleh arwah ibu saya suatu ketika dulu dengan membuat nasi lemak, mi goreng untuk dijual di sekolah," katanya.

Hajah Sharifah termengung sejenak mengenang zaman silamnya dan menyambung semula ceritanya. "Selain anak-anak menjual makanan di sekolah, saya juga menghantar kuih-muih ke gerai-gerai berdekatan serta dengan mengikuti kursus di Singapura dalam bidang masakan, jahitan, gubahan bunga dan Mak Andam mempraktikkan ilmu yang saya pelajari itu dengan mengajar sebagai Guru Urusan Rumah tangga," ujarnya.

Kesusahan hidup yang dialaminya tidak pernah mematahkan semangatnya malah semakin giat berusaha untuk terus berjuang bagi

kehidupan dan masa depan keluarga serta anak-anak. "Suami saya hanya berniaga kain sahaja dan bagi membantu suami, saya melakukan pelbagai kerja asal-kah halal," katanya.

Sekitar tahun 70-an Hajah Sharifah telah membuka sebuah syarikat pemakanan yang dinamakan Serikandi Cafe and Restaurant. Walaupun tidak mempunyai modal untuk membeli perkakas restoran ketika itu Hajah Sharifah berbekalkan keyakinan yang tinggi telah memohon pinjaman dari pihak bank sebanyak \$4,500.00.

"Saya fikir sudah sampai masanya untuk berdikari. Bergandingan dengan suami, kami sama-sama memulakan perniagaan dari bawah," ujarnya dengan sebuah senyuman. Menurut Hajah Sharifah nama Serikandi diperolehi dari buku sejarah yang dibacanya mengenai nama serikan di wanita Indonesia, Raden Ajeng Kartini.

"Serikandi ertinya kemajuan seorang wanita. Dalam hati saya berharap saya boleh mengikut kemajuan wanita Indonesia itu dalam

apa jua sekalipun. Alhamdulillah, nama tersebut berkat dan perniagaan saya berkekalan selama lebih 40 tahun," ujarnya.

Hajah Sharifah Maimunah mula menjalankan perniagaan di Kelab Rekreasi Kuala Belait (KBRC) dengan membuka sebuah kantin di sana selama lebih kurang 10 tahun seterusnya mengembangkan perniagaan secara beransur-ansur, di samping meneruskan usaha sampingan. Berkat usaha gigih dan semangat yang cekal tidak mengenal jemu, dia mendapat tawaran membuka sebuah lagi kantin di Jabatan Daerah Belait.

Jiwa kental wanita ini ternyata tidak mudah tergugat. Dia tidak pernah jemu atau takut berusaha. Walaupun dia mampu menyara kehidupan keluarganya dengan mengusahakan dua buah kantin tersebut, wanita yang tidak pernah duduk diam ini masih melakukan kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga seperti menerima tempahan kuih Hari Raya, memasak untuk kenduri kahwin dan sebagainya.



WANITA BERKARISMA ... Hajah Sharifah Maimunah menitikberatkan kepentingan menjaga kebersihan dan kualiti makanan yang hendak dihidangkan.



HAJAH Sharifah Maimunah ketika menerima anugerah selaku penguasasa restoran yang memenuhi piawaian kebersihan makanan dari BSP dan peraturan kesihatan awam Kerajaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

"Alhamdulillah, sambutan waktu itu sungguh menggalakkan maklumlah waktu itu peniaga Melayu yang menceburi dalam bidang tersebut belum ramai lagi," jelasnya. Menurutnya waktu itu beliau mengusahakan perniagaan dengan dibantu oleh suaminya.

Hajah Sharifah bersyukur kerana anak-anak faham akan kesusahan ibunya dan sentiasa membantu melakukan apa sahaja kerja rumah demi meringankan beban si ibu, anak sulungnya menjaga adik-adik serta membantu mengurus rumah seperti mencuci pinggan, pakaian dan sebagainya.

Oleh kerana minatnya lebih cenderung dalam perniagaan pemakanan serta tidak larat untuk menguruskan semua itu dalam waktu yang sama, dia mengambil keputusan untuk menghentikan kerjanya mengandami pengantin, salah kecantikan dan menjahit pakaian dengan menumpukan sepenuh perhatian kepada restoran.

Hajah Sharifah yang masih pekat loghat Singapura menambah, sumber pendapatannya waktu itu mengandami pengantin secara pakej termasuk menghias pelamin dan kamar tidur pengantin cuma \$300.00 sahaja dan dalam sehari beliau pergi ke tiga buah rumah untuk menghias pengantin, maklumlah waktu itu belum ramai yang bergiat dalam bidang tersebut, katanya.

Itu cerita lebih 40 tahun lalu. Hajah Sharifah Maimunah kini bukan lagi Hajah Sharifah Maimunah yang dulu. Walaupun masih lagi mengusahakan restoran, kemahiran wanita ini sudah tidak perlu dipertikaikan lagi. Di daerah tempat tinggalnya mahupun daerah-daerah lain, nama beliau sudah cukup gah dan punya karisma tersendiri. Pelanggannya bukan sahaja terdiri daripada penduduk sekitar tetapi juga dari daerah lain serta luar negeri yang terdiri daripada pelbagai kalangan orang biasa dan juga orang kenamaan.

Hajah Sharifah sentiasa berfikir positif dan yakin ada rahmat dan hikmat di sebalik apa pun yang terjadi dan memang benar, Tuhan memang tidak menguji hamba-Nya setiap masa. Ujian pasti berakhir jika orang itu tabah dan sanggup menghadapinya.

Inilah yang berjaya dilalui oleh Hajah Sharifah. Kini perniagaannya semakin berkembang dan dua orang anak lelakinya, Sheikh Haji Khalid dan Sheikh Mohd. Azmi sama-sama meneruskan perniagaan mereka. Restoran dan Kafe Serikandi yang terletak di Jalan Setia Diraja telah beroperasi selama lebih 10 tahun. Bangunan yang bernilai lebih setengah juta ringgit itu masih tetap bertahan hingga sekarang ini. Antara menu istimewa yang ada di restoran tersebut mungkin tidak ada di restoran lain di negara ini ialah 'Nasi Beryani Talam Arab', di samping menu masakan tradisional Brunei antaranya 'Ambayat', masakan ASEAN, Eropah dan China.

Hajah Sharifah yang tidak lokek dengan ilmu yang diperolehinya itu berpesan kepada sesiapa sahaja terutama yang ingin menceburi diri dalam dunia perniagaan supaya jangan lalai mengerjakan sembahyang lima waktu dan memohon doa kepada Allah Taala. "Insya Allah walaupun bagaimana kita susah pasti Allah akan membantu kita," ujarnya.

Selain itu, katanya, mereka yang ingin menceburi diri dalam dunia perniagaan juga mesti mempunyai semangat yang kuat ingin maju, ingin berusaha kerana hidup ini adalah perjuangan demi kemajuan keluarga, nusa dan bangsa.

Hajah Sharifah yang menyimpan cita-cita untuk memperluaskan perniagaannya dalam bidang makanan dalam tin semata-mata bagi membantu ekonomi dan pembangunan negara dalam dunia pemakanan berharap de-

ngan ilmu yang diperolehi untuk dicurahkan sebagai berbakti kepada negara.

Pada ketika ini Hajah Sharifah mempunyai tujuh 'outlet' perniagaan di Bandar Seri Begawan dan di Daerah Belait, di samping mengikat kontrak luar pantai selama dua tahun dengan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Restorannya merupakan antara tujuh buah restoran yang menerima anugerah yang memenuhi piawaian kebersihan makanan dari BSP dan peraturan kesihatan awam Kerajaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

"Anak-anak muda sekarang harus bersemangat dalam dunia perniagaan. Kalau tidak mempunyai pekerjaan pasti ada jalan untuk meraih kejayaan dengan sumber rezeki yang halal, yang penting mesti rajin, mempunyai semangat, berusaha dan tabah menempuh dugaan hidup, bak kata pepatah hendak seribu daya tak hendak seribu dalih," katanya.

Di samping itu, tambahnya, untuk meningkatkan perniagaan dalam bidang pemakanan hendaklah bersikap jujur, menjaga kebersihan dan menjaga kualiti makanan serta jangan lokek mencurahkan ilmu yang dipelajari untuk dikongsikan bersama orang lain. Justeru itulah buku koleksi resepi masakan Hajah Sharifah pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hajah Sharifah juga pernah menyertai festival makanan di luar negeri seperti di ASEAN, Jepun, Korea dan New Zealand untuk membangunkan bidang pemakanan, di samping mempromosikan makanan buatan Brunei di mata dunia.

"Jika ada anak tempatan berminat dalam dunia perniagaan pemakanan itu lebih baik lagi untuk memajukan negara kita," katanya mengakhiri perbualan.

ATAN



ambar-gambar oleh
Ariffin Mohd. Noor dan
Halim Haji Sulaiman

H Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Sultan Haji Hassanah Bolkiah
ddin Waddulhah, Sultan dan Yang Di-
Brunei Darussalam telah berangkat
atan tidak terjadual ke Daerah Tutong
u.



Keberangkatan selama empat jam itu meliputi
lawatan ke Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Penjara
Maraburong dan ke Sekolah Rendah Keriam, Bukit
Panggal dan Sinaut. Di samping itu, baginda juga
melawat ke Balai Raya, kedai dan bengkel di Kampung
Keriam.

Turut mengiringi baginda sepanjang lawatan itu
ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri,
Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran
Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Pegawai Daerah
Tutong, Awang Haji Mutalib bin Haji Idris.

BAGINDA menitahkan sesuatu kepada seorang guru Sekolah Rendah Bukit Panggal (atas kiri).

BERAMAH MESRA ... Kemesraan antara baginda dan murid-murid Sekolah Rendah Sinaut jelas terbayang (atas kanan).



BAGINDA semasa berangkat melawat Sekolah Rendah Sinaut.



nda keti-
awat dan
nber dan
(atas).

Baginda
kedata-
berkenan
a tangan
an oleh
er Sekolah
(kanan).



at Penjara



PRIHATIN ... Baginda amat prihatin dan pemedulian terhadap perumahan pegawai dan kakitangan kerajaan. Dalam gambar
atas, baginda melawat ke salah sebuah rumah Pegawai Penjara di Kampung Kupang. Sementara gambar bawah, baginda
semasa berangkat melawat Kedai Makan Koperasi Kampung Keriam.



Brunei - Pakistan terus berusaha kukuh hubungan

BERAKAS, 29 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan terus berusaha mengukuhkan hubungan dalam tahun-tahun kebelakangan ini di mana kedua-dua negara mendapat manfaat hasil saling bertukar pandangan, hubungan rakyat dan perdagangan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Resepsi sempena Hari Pakistan Ke-65 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kedua-dua buah negara telah sama-sama berkongsi lebih luas mengenai faedah menerusi isu-isu antarabangsa dan serantau di samping mengadakan pertukaran pandangan dalam menajadkan

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai pergerakan yang berkesan dan bertetapan.

Yang Berhormat juga memuji hubungan dua hala antara kedua-dua negara yang mencapai kemuncaknya melalui keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pakistan pada Mei tahun 2004.

"Paling penting ialah pemimpin Brunei dan Pakistan telah mengenal pasti tekekomunikasi, perhubungan, minyak dan gas, pelancongan dan industri hotel sebagai bidang yang menawarkan peluang yang besar untuk kerjasama lebih luas dalam ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara, Yang Berhormat menjelaskan ia diperkukuhkan lagi dengan penandatanganan tiga MOU bagi memerangi keganasan dan jenayah rentas sempadan, perbincangan dan kerjasama antara Kementerian luar negeri kedua-dua negara dan kerjasama pertahanan.

Yang Berhormat juga melahirkan penghargaan di atas sumbangan penting masyarakat Pakistan di negara ini yang telah membantu dalam mengukuhkan nilai-nilai penting dalam kedua-dua masyarakat seperti kepentingan kehidupan berkeluarga, kemajuan anak-anak menerusi pendidikan, industri dan perusahan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke negara ini, TYT Badr-ud-deen memotong kek di Majlis Resepsi sempena Hari Pakistan Ke-65 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassin.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, TYT Badr-ud-deen pula menjelaskan sejak tertubuhnya hubungan diplomatik, hubungan antara kedua-dua negara terus erat dengan adanya pertukaran lawatan-lawat-

an peringkat pemimpin kedua-dua buah negara.

TYT juga melahirkan rasa penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memberikan sokongan dan

bermurah hati serta memberikan hubungan baik kepada masyarakat Pakistan yang tinggal dan berkhidmat dalam pelbagai bidang di negara ini.

Menurutnya, semua itu mencerminkan persahabatan, kemestrian, kemurahan dan hubungan yang

rapat yang diperolehi oleh kedua-dua buah negara.

Majlis bermula dengan nyanyian Lagu Kebangsaan kedua-dua negara, sementara Yang Berhormat dan Tuan Yang Terutama juga memotong kek sempena Hari Pakistan Ke-65 Tahun.

Lengkapkan diri dengan maklumat yang cukup, tepat

BERAKAS, 9 April. - Timbalan Menteri Kewangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman berkata, setiap pegawai atau kakitangan yang berdepan dengan orang ramai khususnya mestilah mempunyai maklumat yang cukup dan tepat apabila menghadapi pelanggan.

Jelasnya, maklumat yang kurang tepat akan menyukarkan pihak pelanggan dan sudah tentunya kita akan gagal memberikan perkhidmatan yang baik, sebagaimana yang diharapkan oleh orang ramai.

"Kementerian Kewangan, dalam usahanya untuk mencapai wawasan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik telah mengenal pasti beberapa faktor kejayaan kritikal dan nilai-nilai murni yang perlu ada bagi mencapai wawasan tersebut," katanya.

Katanya, Kementerian Kewangan selaras dengan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21 dan juga usaha mensejajarkan perkhidmatan dengan agensi-nya di seluruh negara, pada tahun ini akan menumpukan perhatiannya kepada beberapa perkara utama iaitu hala tuju dan berasaskan hasil, integrasi dan kerja berpasukan, membina keupayaan dan menyempatkan perkhidmatan berasaskan perniagaan dan persekitaran bekerja yang kondusif.

"Hala tuju yang berasaskan hasil, adalah penting kerana dengan mengintegrasikan unsur-unsur per-

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

capaian, ia akan lebih fokus dalam mengendalikan peranan dan tanggungjawab kerana arah tuju kita akan lebih jelas, telus dan pasti yang mana dengan sendirinya akan membolehkan kita merancang secara proaktif dengan lebih yakin, usaha-usaha ke arah memantapkan dan memperkukuhkan sistem dan sumber kewangan negara khususnya dalam keadaan dunia yang penuh cabaran dan sukar diramal," katanya.

Faktor kejayaan kritikal antaranya termasuk pekerja perlu berdisiplin, berkebolehan, berketahanan, berkemahiran dan berdaya saing selain sumber-sumber - data dan maklumat terkini yang berkualiti adalah penting dalam merancang, melaksanakan, memantau, mengawal selia dan menilai semula program atau rancangan dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan, perlu meningkatkan usaha memudah cara dan menerapkan amalan mesra pelanggan, di samping mempunyai mekanisme tindak balas yang berkesan.

Beliau berucap demikian di Majlis Pelancaran Kempen Sopan Santun kementerian-nya dan jabatan-jabatannya di dalamnya pagi tadi di Dewan Teater kementerian berkenan di sini.

Manakala nilai-nilai murni, tambahnya, termasuklah taat kepada Allah

Subhanahu Wataala, setia kepada raja, amanah lagi jujur dalam pekerjaan, beretika, profesional dan berdisiplin dalam memberikan pandangan dan pendapat dan "good governance", bertanggungjawab dan "accountable" dalam semua tindakan.

"Nilai-nilai murni ini, jika diamalkan dan dipraktikkan, insya-Allah dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan kementerian yang mana perkara ini adalah sejajar dengan misi kementerian untuk mengurus sistem dan sumber-sumber kewangan dengan berkesan dan optima," jelasnya.

Kempen sepanjang masa itu melibatkan semua jabatan di dalam kementerian berkenaan yang merupakan sebagai usaha berterusan kementerian itu untuk menerapkan nilai-nilai utama termasuk nilai-nilai yang telah dikenal pasti di bawah Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21.

Ia diselenggarakan dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dimulai dengan ceramah khas bertajuk 'Pendekatan Bersopan Santun Dalam Perkhidmatan Pelanggan Dari Perspektif Islam' oleh Awang Hasanuddin Mohd. Yunus dari Malaysia.

Antara yang hadir ialah kedua-dua Setiausaha Tetap kementerian tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Maidin dan Awang Haji Ali bin Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Awam sukacita memaklumkan kenaikan dan penetapan jawatan beberapa orang pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya di Jabatan Kerja Raya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya mulai 21 Zulhijjah 1425/1 Februari 2005.

Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Janudin, Pemangku Timbalan Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya tersebut iaitu sebagai Timbalan Jurukira Agung mulai 21 Zulhijjah 1425/1 Februari 2005.

Awang Haji Sumadi bin Haji Sukaimi, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 21 Safar 1426/1 April 2005.

Awang Haji Azahari bin Haji Ahmad, Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara di Jabatan Kehakiman Negara ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Kehakiman Negara mulai 21 Safar 1426/1 April 2005.

Awang Haji Talipuddin bin Dato Seri Paduka Haji Talib, Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya ditukar ke Kementerian Pendidikan dan seterusnya memegang jawatan Pe-

ngarah Perancangan dan Pengurusan Estet di Kementerian Pendidikan mulai 20 Muharram 1426/1 Mac 2005.

Awang Haji Saidin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan di Jabatan Perhutanan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perhutanan mulai 21 Zulhijjah 1425/1 Februari 2005.

Awang Zainal Abidin bin Tinggal, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas mulai 21 Zulhijjah 1425/1 Februari 2005.

Awang Latif bin Tuah, Timbalan Pengarah ASEAN di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Politik 1 di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mulai 21 Safar 1426/1 April 2005.

Pengiran Haji Mohiddin bin Pengiran Badaruddin, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ditetapkan dalam jawatannya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 21 Zulhijjah 1425/1 Februari 2005 dan seterusnya ditukar ke Kementerian Kesihatan untuk memegang jawatan Pengarah Pentadbiran dan Kewangan mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

Awang Kasim bin Metali, Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan di Jabatan Imi-

gresen dan Pendaftaran Kebangsaan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan mulai 16 Syaaban 1425/1 Oktober 2004.

Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad, Pegawai Pentadbiran Kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan yang sama iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 20 Muharram 1426/1 Mac 2005.

Awang Abdul Hamid bin Abdullah, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditukar ke Jabatan Kerja Raya dan dilantik sebagai Penolong Pengarah Pentadbiran dan Kewangan mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

Awang Haji Ahmad Baihaki bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha, Timbalan Pesuruhjaya Buruh di Jabatan Buruh ditukar ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

Awang Ramlee bin Haji Jamudin, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditukar ke Jabatan Buruh dan dilantik sebagai Timbalan Pesuruhjaya Buruh mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

Awang Haji Haris bin Haji Othman/Osman, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan (sekarang memang-

ku jawatan Timbalan Pengarah Belia dan Sukan) ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pegawai Pentadbir Kanan dan seterusnya ditetapkan jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Belia dan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan mulai 21 Safar 1426/1 April 2005.

Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan, Timbalan Pegawai Pencekungan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Jabatan Pembangunan Masyarakat dan seterusnya dilantik untuk memegang jawatan Timbalan Pengarah Pembangunan Masyarakat di Jabatan Pembangunan Masyarakat mulai 21 Safar 1426/1 April 2005.

Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Haji Mohd. Yusoff, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Unit Petroleum ditukar ke Jabatan Perdana Menteri dalam jawatan yang sama mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

Pengiran Haji Mohd. Noordin bin PLP Pengiran Haji Mohd. Said, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kewangan ditukar ke Jabatan Bandar Bandar Seri Begawan sebagai Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan mulai 21 Safar 1426/1 April 2005; dan

Awang Haji Adnan bin Haji Adam, Pegawai Pentadbir Tingkat 1 di Jabatan Perdana Menteri ditukar ke Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri dalam jawatan yang sama mulai 8 Muharram 1426/17 Februari 2005.

ARENA SUKAN

Beramah mesra bersama para atlet

MEKAH AL-MUKAR-
RAMAH, 9 April. - Kon-
tinjen negara terus mene-
rima suntikan semangat
dengan keberangkatan
Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran
Bendahara Seri Maharaja
Permaisura Pengiran
Muda Haji Sufri Bolkiah,
Presiden Majlis Olimpik
Kebangsaan Negara
Brunei Darussalam di
tempat-tempat penginapan
para atlet negara.



Negara King Abdulaziz
yang diterima oleh Pen-
garah Penyelia, Osamah
Dahlawi.

Hari ini, pasukan taek-
wondo dan atlet olah-
raga negara yang mengi-
nap di Kompleks Sukan
Negara King Abdulaziz
mendapat giliran perha-
tihan Duli Yang Teramat
Mulia yang menunjukkan
keprihatinan terutama
kelesaan termasuk pen-
gapaian yang disediakan
oleh pihak penganjur.

Selain memberi se-
matang dan nasihat kepa-
da kontinjen, Duli Yang
Teramat Mulia juga berke-
nan mengadakan santap
tengah hari dan beramah
mesra bersama atlet-atlet
yang menginap di sini.

Terdahulu, Duli Yang
Teramat Mulia berkenan
mengunjungi cenderahati
kepada Kompleks Sukan

Selain menjadi lokasi
perasmian dan penutupan,
Stadium Negara King
Abdulaziz juga bakal
menyaksikan persaingan
hebat dalam acara olah-
raga, handball dan taek-
wondo.

Sifli Ahar dan Kifli
Ahar akan menyertai
dalam larian jarak jauh,
sementara Mohd. Shah-
johan yang bersaing da-
lam acara lompat kijang,
manakala Lim Chin
Chyuan akan beraksi
dalam acara javelin.

Skuad taekwondo pula
menyandarkan kepada
sentuhan Ak. Md. Adi
Hamzi Pengiran Raimi
dan Ak. Abdul Raub
Pengiran Haji Ghani.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengunjungi cenderahati kepada Kompleks Sukan Negara King Abdulaziz yang diterima oleh Pengarah Penyelia, Osamah Dahlawi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan bergambar bersama para atlet.

Beri tentangan sengit sekalipun tewas

MEKAH, 11 April. - Pe-
serta taekwondo muda ne-
gara, Ak. Mohd. Adi
Hazmi Pengiran Haji
Raimi gagal menewaskan
peserta Qatar, Abdul Alaa
Aly selepas tunduk 6 - 0
acara Teakawondo 54
Kilogram di Stadium
Tertutup Kompleks Sukan
Universiti Om Al Qura, di
sini.

"Saya telah mencuba
untuk memberi saingan
yang termampu sambil
memberi tekanan tetapi

lawan mempunyai lebih-
an pengalaman untuk me-
lempi asakan sehingga be-
liau memperolehi keja-
yaan," jelasnya.

Sekalipun tewas, beliau
berjaya memberi saingan
yang membanggakan ba-
gaimanapun pengalaman
memberikan kelebihan ke-
pada peserta Qatar yang
mengasak dari segenap
sudut dan mengawal per-
lawanan.

Sementara itu, Ak.
Abdul Raub yang menyer-

tai dalam Kategori 58
Kilogram Ke Bawah juga
menerima nasib serupa
selepas ditewaskan oleh
peserta Yemen, Bader El
Din.

Beliau yang baru perta-
ma kali didedahkan pada
kejuhan antarabangsa le-
bih awal tersungkur de-
ngan asakan Bader yang
menunjukkan ketangkasan
dan asakan yang pantas
sehingga ketinggalan 0 - 3
pada pusingan pertama.

Kebangkitan Ak. Abdul

Raub memperoleh satu
mata di pusingan kedua
tidak memadai apabila
Bader menambah mata
kemenangan dengan
kedudukan 4 - 1.

"Sekalipun kita tewas,
penyertaan pasukan kita
ini merupakan peluang
yang terbaik kepada pe-
serta untuk menimba
pengalaman pada keju-
han yang bertaraf du-
nia," jelas jurulatih taek-
wondo, Awang Kalana-
yagam Nadarajan.

Beliau menambah, me-
nyertai kejuhan itu juga
akan dapat merasakan sta-
tus kejuhan bertaraf
antarabangsa yang sebe-
nar kerana ia sudah tentu
memberi banyak penga-
jaran dan pengalaman
yang perlu diambil sepe-
nuhnya oleh peserta
negara.

Menurutnya, penga-
laman itu perlu diambil
perhatian sekali gus seba-
gai langkah untuk me-
ningkatkan kemantapan
diri, di samping memper-
baiki kelemahan yang ada.

"Saya tidak menyalah-
kan peserta kita, kerana
pada kejuhan ini, semua
peserta juga mempunyai
misi untuk menang, malah

mereka juga memiliki
pengalaman yang luas
menyertai banyak keju-
han bertaraf dunia yang
memberi kelebihan kepa-
da mereka," jelasnya
kepada Pemberita PE-
LITA BRUNEI.

Hadir menyaksikan
perlawanan pasukan ne-
gara ialah Awang Haji
Mohd. Zamri bin Dato
Paduka Haji Hamdani,
Penolong Ketua Kon-
tinjen Negara Brunei Da-
russalam bagi Sukan Per-
paduan Islam Kali Per-
tama di Arab Saudi.

Peserta karatedo negara tumpas

MADINAH AL-MUNAW-
WARAH, 10 April. - Tiga
peserta Karatedo terpaksa
akur dengan hebatan la-
wan masing-masing sekali-
pun berjaya memberi per-
saingan yang meyakinkan
sepanjang perlawanan, pe-
tang tadi.

Mohd. Azizul Omar
yang lebih kerap mengatur
serangan bertubi-tubi kepa-
da lawannya bagaimanapun
akhirnya kecewa dengan
kesilapan sendiri sehingga
memberi peluang lawan
untuk mendapat mata sekali
gus mengundang kekalahan
kepada peserta Yemen,
Emed Gacd dengan ke-
dudukan 4 - 1.

"Saya mengakui kekala-
han ini disebabkan kesilapan
sendiri dan lawan bijak
menggunakan kesempatan
dari kesilapan ini," jelas
Mohd. Azizul kepada Pem-
berita PELITA BRUNEI, di
Kelab Sukan Ohod, di sini.

Mohd. Azizul yang per-
nah membawa pulang pingat
gangsa pada Kejuhan
Terbuka Indonesia 2002 dan
Terbuka Malaysia pada
tahun 2003 terpaksa me-
nyalahkan diri sendiri se-
kalipun kerap memberi te-
kanan lawan pada semua
pusingan.

"Azizul terlalu agresif
dan tegang ketika meng-
hadapi lawan sehingga tidak
sadar melakukan beberapa
kesilapan yang memberikan
mata kepada lawan," jelas
Jurulatih Karatedo, Haji
Okaida.

Menurutnya, persemba-
han yang ditunjukkan Azizul
sangat menarik sehingga
lawannya gagal menembusi
terjan dan pukulan yang
sempurna untuk mendapat
mata tetapi lawannya lebih
bernasib baik mengutip mata
dari kesilapan Azizul
sendiri.

Sementara itu, Haji
Eddie Jorfiani Rienie yang
beraksi dalam Kategori 60
Kilogram Ke Bawah juga
gagal melimpasi peringkat
pertama selepas ditewaskan
oleh peserta Azerbaijan,
Farov Yusuf dengan kiraan
4 - 0.

Sekalipun Haji Eddie
mara untuk beraksi dalam
perlawanan 'Refergharge'
bagaimanapun dihalang oleh
pemain dari Yemen, Mahir
Valkhir.

Manakala itu, Mainuddin
Haji Mohammad yang
beraksi dalam Kategori Kata
Individu gagal menyaingi
kehebatan peserta Jordan,
Yazid Hamod yang mem-
punyai kelebihan dalam
beberapa aspek termasuk
pengalaman bersaing dalam
kejuhan karatedo bertaraf
dunia.

"Saya akur dengan pe-
ngalaman yang dimiliki
peserta Jordan yang mem-
beri kelebihan untuk dia
memenangi perlawanan.
Bagaimanapun kejuhan
ini merupakan langkah ter-
baik untuk saya
meningkatkan pengalaman
sekali gus mempelajari
segala kelemahan yang ada,"
jelasnya kepada pemberita
PELITA BRUNEI.

Seramai 23 peserta ter-
masuk negara Benin, Qatar,
Kazakhstan, Senegal, Egypt,
Iran, Afghanistan, K.S.A.,
Jordan, Kuwait, Sudan,
Republik Indonesia, Malay-
sia, Tchad, Algeria, Pakistan,
Syria, Algeria, Cameroon,
Emiriah Arab Bersatu, Mo-
rocco, Nigeria dan Negara
Brunei Darussalam.

Kategori itu menyak-
sikan peserta dari Iran,
Mohsen Ashr memperoleh
pingat emas sambil Bognam
Sami dari Morocco mengu-
cup pingat perak, sementara
peserta Mesir dan Malaysia
mengalung pingat gangsa.



AWANGKU Abdul Raub ketika bersaing menentang pemain Yemen.



MOHD. Azizul ketika berdepan dengan peserta Yemen dalam Kategori Kumiti Perseorangan.

ARENA SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat di Upacara Perasmian Kejohanan Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama.

Berangkat saksikan aksi peserta karatedo negara

MADINAH AL-MUNAWWARAH, 10 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Madinah bagi menyaksikan

kan peserta negara yang beraksi dalam acara karatedo hari ini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Muhammad Madinah ialah Pegawai Protokol Diraja Madinah, Abdul Aziz Maliki dan beberapa pegawai kanan di

Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah.

Mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Pengiran Haji Jebaruddin dan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol selaku

Chef De Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam di Kejohanan Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan perlawanan peserta negara, Mohd. Azizul Omar yang beraksi dalam Kategori Kumite Perseorangan di bawah 55 tahun di Kelab Sukan Ohod di sini.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah peserta karatedo di dewan pertandingan berkenaan.

Sempena keberangkatan ke Madinah, Duli Yang Teramat Mulia menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur di Masjid Nabawi dan menziarahi Makam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Mengucapkan selamat belayar di Terminal VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Muhammad di Madinah ialah Pegawai Protokol Diraja Madinah, Abdul Aziz Maliki.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika menyaksikan persaingan pasukan negara dalam Kategori Kumite 55 Kilogram Ke Bawah Perseorangan.



KONTINJEN Negara Brunei Darussalam menerima tepukan gemuruh ketika Upacara Perarakan Pasukan ke dalam stadium.

Sukan Perpaduan Negara-negara Islam

Memupuk perpaduan ummah

MEKAH AL-MUKARRAMAH, 8 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat di Upacara Perasmian Sukan Perpaduan Islam Pertama di Stadium Sukan Negara King Abdulaziz, di Kota Mekah Al-Mukarramah, Arab Saudi.

Perasmian yang dibekalkan dengan semangat solidariti Islam itu telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Putera Abdul Majeed, Gobenor Mekah bagi mewakili Kerajaan Arab Saudi.

Stadium yang menampung kira-kira 33 ribu penonton itu menyaksikan satu lagi lembaran sejarah sukan perpaduan di kalangan negara-negara Islam dengan menyaksikan perbarisan berarak lalu oleh 56 buah pasukan yang didahului dengan perbarisan pembawa Bendera Sukan Perpaduan Kali Pertama dan bendera-bendera slogan kejohanan juga berkibar megah.

Negara Azerbaijan memulakan perbarisan perarakan berjalan lalu yang disusuli oleh Negara Jordan, Afghanistan, Emiriah Arab Bersatu, Republik Indonesia, Uzbekistan, Uganda, Iran, Pakistan, Bahrain dan pasukan Negara Brunei Darussalam yang menerima tepukan gemuruh para hadirin.

Juga berarak megah ialah kontinjen dari Bangladesh, Benin, Burkina Faso, Tajikistan, Turki, Turkmenistan, Tchad, Togo, Tunisia, Algeria, Djibouti, Senegal, Sudan, Syria, Suriname, Siera Leone, Somalia, Iraq, Oman, Gabon, Gambia, Guyana, Guinea, Gyube Bissau, Palestin, Comores, Kyrgyz, Qatar, Kazakh-

Laporan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Pg. Haji Bahar Pg. Hj. Omar



stan dan Cameroon.

Perarakan diteruskan oleh pasukan negara Cote d'Ivoire, Kuwait, Lubnon, Libyan Arab Jamahiriya, Maldives, Mali, Malaysia, Mesir, Morocco, Mauritania, Mozambique, Niger, Yemen dan pasukan Arab Saudi yang membariskan kontinjen paling ramai.

Sementara itu, Yang Teramat Mulia Putera Abdullah bin Abdul Aziz, Timbalan Pemerintah dan Ketua Pertahanan Kebangsaan dalam perutusan yang disiarkan melalui layar raksasa melahirkan harapan agar kejohanan untuk memupuk perpaduan ummah negara-negara Islam itu akan berjaya mencapai sasarannya sekali gus akan memberikan satu usaha yang sangat bermakna.

Setiausaha Agung OIC, Profesor Ekmeleddin Ihsanoglu pula melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Arab Saudi yang menjadi tuan rumah kejohanan yang membuktikan kesungguhan negara itu bagi mengukuhkan persaudaraan selain persaingan merebut kejuaraan.

Katanya, negara tuan rumah juga bangga dengan keupayaan mengendalikan sukan kedua terbesar bertaraf dunia selain daripada kejohanan Olimpik.

Bendera Sukan Per-

paduan Islam Kali Pertama yang diarak masuk ke stadium setelah dinaikkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Penganjur ISG, Dr. Saleh Ahmed bin Nasser, Timbalan Presiden Arab Bagi Kibajikan Belia dan Dr. Mohammed bin Saleh Gazzder, Setiausaha Agung Bagi Persekutuan Sukan Perpaduan Islam.

Ikrar sukan dibacakan oleh Putera Bader Mohammad, sementara Abdullah Al Khaifi membacakan bagi ikrar pengadil kejohanan.

Upacara perasmian yang penuh gilang-gemilang itu diserikan dengan persembahan bunga api yang mewarnai Bandar Raya Mekah sambil lebih tiga ribu penonton sekolah membuat persembahan yang mengagumkan sejarah Kota Mekah.

Dengan perasmian itu, maka bermulalah kejohanan mempertandingkan 15 acara di empat lokasi pertandingan Negara Arab Saudi termasuk Al-Madinah, Al-Munawwarah, Jeddah, Taif dan Mekah.

Kejohanan julang kali bagi memperkukuhkan lagi ikatan perpaduan, persahabatan dan persaudaraan di kalangan belia-belia ahli negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di samping untuk meningkatkan kerjasama dan mengekalkan prinsip sukan bagi negara-negara ahli.

Selain mengejar kejayaan, sukan perpaduan itu juga dihasratkan bagi memperkembangkan gerakan Olimpik dan perkara-perkara yang melibatkan persamaan di dalam bidang sukan kepada negara-negara Islam.



SEBAHAGIAN Kontinjen Negara Brunei Darussalam di upacara perasmian kejohanan.

ARENA SUKAN

Jimi Ahar bukti keupayaan

Laporan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar
Pg. Haji Omar

MEKAH, 14 April. - Sekalipun Jimi Ahar gagal memasuki peringkat akhir acara 1,500 meter, pelari berpontensi negara perlu mendapat pujian selepas menampilkan larian yang sangat membanggakan dalam peringkat saringan.

Ini terbukti apabila tiga pusingan awal, Jimi berjaya menempatkan diri pada kedudukan teratas tetapi gagal membuat penyudah pada kira-kira 100 meter terakhir apabila pesaingnya dari Algeria dan Maghribi bangkit membuka langkah untuk lebih pantas melangkah ke garisan penamat.

Pada peringkat akhir 1,500 meter menyaksikan peserta Algeria, Tariq Bu Khasah merangkul pingat emas, Yuseff Baba merangkul perak selepas menewaskan peserta Algeria, Anier Natg Alain untuk mengucap gangsa.

Sementara itu, dalam acara lompat kijang pula menyaksikan Mohd. Shahjohan hanya berjaya mem-

buat lompatan sejauh 13.75 meter turut memusnahkan harapannya untuk memecah rekod kebangsaan.

"Dua lompatan yang dibatalkan pengadil telah memberi kesan kepada kesempurnaan pada lompatan ketiga dan tekanan yang menghantui atlet itu terus menggagalkan misi memecah rekod kebangsaan," jelasnya hampa.

Peserta tinggi lompat Syria, Mohammed Al Hazori dengan lompatan 16.29 meter berjaya memperolehi pingat emas sambil Badji Nhss Kaba dari Senegal dengan lompatan sejauh 16.17 meter menduduki tempat kedua menewaskan pencabarinya dari negara Alzeria, Zayets Vladimir yang mendapat pingat gangsa.

Seorang lagi peserta negara, Lim Chyi Chyuan pula hanya membuat rejam-an sejauh 50.56 meter dalam acara jevlin hanya menduduki tangga ketujuh dari lapan peserta.



Lim yang menjadi atlet termuda pada acara itu bagaimanapun berjaya menarik perhatian peserta antarabangsa yang lain selepas mempamerkan corak rejam-an yang baik tetapi taraf peningkatan atlet negara itu memisahkan segala-galanya.

Acara jevlin telah dimenangi oleh peserta Iran dengan rejam-an 70.66 meter, sementara Fraz Zaal dari Syria yang mencatat rejam-an sejauh 65.26 meter memperolehi pingat perak, manakala Essam Shahl Mohammad Alkhizal dari Iraq, gangsa.

Venue kejohanan yang dibaluti suhu panas jelas memberi kesan kepada peserta olahraga menunjukkan aksi sebenar termasuk peserta dari Timur Tengah yang sudah sebat dengan keadaan berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebelum berangkat pulang dari Arab Saudi selepas menghadiri Jemputan Kejohanan Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama berkenan menerima junjung ziarah sebahagian pegawai kontinjen Negara Brunei Darussalam.



JIMI Ahar (depan sekali) tertinggal kira-kira 100 meter terakhir selepas menguasai tiga pusingan awal dalam acara 1,500 meter peringkat saringan.

Berangkat pulang

JEDDAH, 21 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat pulang dari Arab Saudi selepas berangkat di atas jemputan rasmi bagi menghadiri Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama Arab Saudi, petang tadi.

Mengalu-alukan bagi mengucapkan selamat belayar di Terminal VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz ialah Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Pengiran Haji Jaberuddin bin Pengiran Haji Mohd Salleh.

Duli Yang Teramat Mulia selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama di Stadium Negara King Abdul Aziz di Kota Mekah Al-Mukarramah.

Selain itu, Duli Yang Teramat Mulia telah memberi sokongan moral kepada atlet-atlet dengan berangkat ke beberapa lokasi kejohanan.

Duli Yang Teramat Mulia juga menunjukkan keprihatinan apabila berkenan berangkat ke villa penginapan para atlet negara di Mekah dan Taif serta berkenan bersamasama para atlet santap tengah hari sambil beramah mesra dan menerima junjung ziarah.



AKSI pemedang negara dalam menentukan kemaraan ke suku akhir menentang Mesir.

Skuad lawan pedang terlepas gangsa

TAIF, 16 April. - Peluang untuk skuad lawan pedang negara untuk mengutip pingat gangsa terlepas apabila dihalang oleh pasukan Mesir dengan kedudukan 45 - 36 pada pusingan ketiga dalam acara Sabre Berpasukan di Kompleks Sukan Negara King Fahad, hari ini.

Mesir merupakan juara Afrika dan sering mengikuti kejohanan kelayakan Olimpik lebih awal mengutip mata penuh menerusi gandingan Hassan Shehatah, Medhat Al Bari dan Fuzan Hassan pada pusingan pertama dan kedua.

Gandingan pemedang berpengalaman Mesir itu terus mendahului kutipan mata pada tiga pusingan pertama sekalipun Md. Yunus Haji Abd. Hamid dan Mohd. Hamiz Abdullah mampu bangkit pada pusingan empat dan lima.

Bagaimanapun hunusan pedang Md. Yunus Hamid dan Mohd. Hamiz kurang berbisa untuk menembusi gandingan pemedang Mesir yang tidak menunggu lama untuk memenangi perlawanan 45 - 13.

Sementara dua lagi perlawanan bagi menentukan kedudukan ranking juga menyaksikan pasukan negara juga tercicir selepas tewas kepada pasukan Turki 36 - 45 dan kecundang lagi kepada pasukan jiran, Malaysia.

Pada acara Epee Berpasukan juga menyaksikan kekalahan pasukan Brunei kepada Arab Saudi 23 - 45, sementara pada perlawanan "repechage", Brunei tunduk kepada pasukan Malaysia 37 - 45 dan tewas lagi kepada Jordan 39 - 45.

Acara Foil Berpasukan turut menerima nasib serupa. Gandingan Khairul Quddus Roalee, Huzaini Haji Kassim, Amirul Farzmin Japar pula gagal menumpaskan pasukan Qatar.

"Secara keseluruhan bagi acara berpasukan dalam kejohanan ini merupakan kali pertama pemedang kita bertanding dengan negara-negara Timur Tengah, Afrika dan negara-negara yang di luar Asia," jelas Rocky Poerawinata kepada Pemberita PELITA BRUNEI.

Beliau mengakui, Afrika merupakan salah sebuah negara yang kuat kerana telah banyak menimba pengalaman pada peringkat menyertai peringkat saringan Kejohanan Olimpik dan perkara itu telah menjadi perbezaan kepada pasukan negara.

Bagaimanapun, jurulatih negara melahirkan rasa gembira apabila anak buahnya berjaya menewaskan pasukan-pasukan Turki, Qatar, Arab Saudi pada peringkat mencari kedudukan (ranking).

"Secara keseluruhan kesemua pemedang yang mewakili negara pada kejohanan ini sangat baik dan diharap mereka benar-benar memperolehi, pengalaman kerana ia jarang diperolehi justeru perlu lebih bekerja keras dalam persiapan kejohanan yang lain," jelasnya.



KONSENTRASI lompatan Mohd. Shahjohan terganggu selepas dua kali dibatalkan oleh pengadil.

Kecederaan tangan ranapkan harapan

MEKAH, 15 April. - Kecederaan tangan memusnahkan harapan pelari jarak jauh negara, Sifli Ahar untuk menghabiskan larian acara maraton, Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama yang bermula dan berakhir di Stadium King Abdul Aziz, di sini.


Semangat Sifli yang membawa cabaran Brunei bersaing bersama pelari-pelari yang sudah menempa nama pada peringkat antarabangsa terutama dari Afrika dan Timur Tengah membantu pelari itu memberi persaingan yang menyakinkan, namun nasib pula tidak menyebelainya untuk sekurang-kurangnya memecah rekod kebangsaan.

"Saya cukup kecewa setelah bersaing dengan gigih, kecederaan di tangan yang secara tiba-tiba kira-kira lima kilometer sebelum ke garis penamat meranapkan impian saya untuk sekurang-kurangnya memecah rekod kebangsaan. Jika tidak mengalami kecederaan ini, saya yakin akan dapat mencipta rekod baru," jelasnya hampa.

Melalui prestasi yang ditunjukkan itu telah menunjukkan pada kejohanan di negara kering ini, pelari jarak jauh negara dilihat sangat berpontensi dan berjaya memberi saingan serta perlu digilap dengan menyertai kejohanan-kejohanan yang lain secara berterusan.

"Jika saya diberi peluang pada kejohanan yang lain, saya yakin akan dapat mencipta yang lebih baik lagi selepas membuktikan persaingan pada kejohanan bertaraf dunia ini dengan larian yang mencabar dengan peserta bertaraf dunia," ujar Sifli.

Acara maraton berkenaan menyaksikan pelari tahan lasak dari Maghribi, Zayed Alaroost tidak mengalami masalah untuk merangkul pingat emas dengan catatan masa dua jam 6:21 saat selepas pencabar utamanya dari Algeria, Saed Balhoot lima minit di belakang untuk pingat perak.



SIFLI Ahar ketika bersaing dalam acara maraton.

ARENA SUKAN

Berjaya berikan persaingan

MADINAH, 12 April. - Skuad karatedo negara tidak perlu pulang dengan kehampaan sekalipun tewas kesemua acara yang disertai kerana telah berjaya memberikan persaingan yang bersungguh-sungguh sebelum tunduk kepada lawan masing-masing pada kejohanan sulung Sukan Perpaduan Islam di Dewan Kelab Ohod di Al-Madinah Al-Munawwarah.

Selepas menyaksikan tiga peserta negara tewas kelmari, Mohd. Sofian yang menyertai dalam acara di bawah 80 kilogram tewas 3 - 1 kepada peserta Morocco dan Lim Sooi Siang yang beraksi dalam 80 kilogram ke atas sama-sama menerima nasib serupa, hari ini.

"Taraf kejohanan sukan ini telah disertai oleh peserta-peserta yang sudah menempah nama



dalam kejohanan peringkat dunia, justeru pemburuan pingat juga sangat jauh buat atlet kita," kata jurulatih

karatedo, Haji Okaida.

Bagaimanapun, beliau sangat bangga dengan apa yang ditunjukkan oleh kesemua atlet yang tidak mudah lemah semangat sekalipun berdepan dengan peserta bertaraf dunia yang mempunyai banyak kelebihan termasuk corak perlawanan.

Menurutnya, pengalaman yang diperolehi melalui penyertaan itu sangat penting bagi semua atlet, malah ia merupakan

satu lagi landasan yang berguna untuk menoleh sejauh mana taraf pencapaian yang dimiliki oleh para atlet ketika ini.

Menyentuh mengenai penyertaan negara pada kejohanan seterusnya, jurulatih itu melahirkan keyakinan jika mereka mengambil iktibar dari pengalaman, di samping berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kemandirian permainan, tidak mustahil misi ke Sukan Asia Tenggara nanti akan memberi suatu sinar buat skuad karatedo negara.

Pada acara karatedo di Arab Saudi ini, negara telah diwakili oleh Mainuddin Haji Mohammad dalam acara Kata Perseorangan, Mohd. Azizul Omar beraksi dalam Kumite Perseorangan 55 Kilogram Ke Bawah, Haji Eddie Jofriani Haji Johari bagi 60 Kilogram Ke Bawah, Mohd. Sofian Abdullah 80 Kilogram Ke Bawah dan Lim Hooi Siang yang bersaing dalam Kategori 80 Kilogram Ke Atas.



PESERTA karatedo negara ketika bersaing dalam kejohanan bertaraf dunia.

Abd. Hakim berjaya ke pusingan kedua

TAIF, 11 April. - Skuad lawan pedang negara tersekat untuk mara lebih jauh dalam acara Epee Perseorangan. Lawan Pedang Sukan Perpaduan Islam Kali Pertama di Kompleks Sukan Negara King Fahad di sini.

Namun tusukan pedang Abd. Hakim Ibrahim berjaya membawa ke pusingan kedua selepas menewaskan peserta handalan, Omar Al Batikhi 15 - 13 pada pusingan pertama.

Bagaimanapun kemaraan Abd. Hakim yang menduduki ranking ke-36 tersekat apabila bertemu peserta tuan rumah, Majed Al Thbyti yang menduduki ranking ke-4 dengan pusingan mata 15 - 6.

Terdahulu, Abd. Hakim bijak mengatur langkah apabila kedua-duanya saling berkejaran mata sekalipun pemedang tuan rumah mempunyai kelebihan dari faktor fizikal dan pengalaman beraksi dalam kejohanan antarabangsa.

Selepas tertekan dan hampir terperangkap dengan langkah sendiri, pemedang tuan rumah bagaimanapun berjaya bangkit bijak mematahkan gerakan Abd. Hakim sehingga mendahului kutipan mata sehingga ke penghujung perlawanan.

Sementara itu, Yahya Haji Yukup yang melimpahi pusingan kelayakan tetapi tewas kepada pemedang Malaysia, Nullah Sabra dengan kutipan 10 -

15, manakala Abdul Azim Ibrahim yang hanya menduduki ranking terakhir tidak berupaya menahan kerakusan tusukan peserta Qatar, Adel Al Jilani dengan kiraan 15 - 8.

Di sebalik meratapi kekalahan di hari pertama, jurulatih lawan pedang negara, Rocky Poerwinata melahirkan rasa bangga di atas keazaman kesemua anak buahnya yang tidak mudah kecewa sekalipun kerap diasak sepanjang perlawanan sebelum mereka tewas.

"Semangat yang ditunjukkan semua pemedang sangat mengembirakan tetapi kita lihat sendiri bagaimana kelebihan pengalaman dan faktor fizikal lawan telah membuat pemedang kita tewas," jelasnya.

Beliau juga melahirkan rasa gembira apabila melihat pemedang negara berjaya menunjukkan beberapa sudut dalam peningkatan teknik yang mereka tunjukkan pada kejohanan di sini.

"Saya harap peningkatan itu merupakan satu petanda baru barisan negara untuk lebih meningkatkan ke satu tapak secara peringkat-peringkat terutama ketika menyertai kejohanan-kejohanan seperti apa lagi pada peringkat bertaraf antarabangsa," ujar Rocky.

Katanya lagi, bertemu dengan pemedang dari negara Arab dan Timur Tengah merupakan suatu pengalaman yang paling baik kerana cara dan teknik permainan dari negara berkenaan juga memperlihatkan perbezaan sekaligus menjadi landasan sejauh mana berkesannya teknik yang dipraktikkan oleh pemedang negara ketika ini.



JURULATIH Karatedo, Haji Okaida ketika memberi perangsang kepada peserta muda negara.

Pemedang harapan terkandas

TAIF, 13 April. - Pemedang harapan negara, Mohd. Yunus Haji Abdul Hamid terkandas pada pusingan kedua selepas tewas oleh pemedang Turki, Baisis Ovunc 6 - 15 pada acara saber perseorangan di Kompleks Sukan Negara King Fahad di sini.

Mohd. Hamiz Abdullah juga tewas kepada pemedang Kuwait, Mohammad Khalaf 4 - 15 dan Yusmarizal Haji Yusof pula kecundang kepada

Mustafa Ogur dari Turki 8 - 15.

Para peringkat pemilihan ranking, Mohd. Yunus telah berjaya menunjukkan permainan yang menyakinkan dengan berjaya menempatkan diri pada ranking ke-16 selepas berjaya menewaskan pemedang Turki, Qatar dan Senegal.

"Perlawanan awal Yunus jelas sangat yakin sehingga menempatkan diri pada kedudukan selesa sebagaimana gagal menge-

kalkan corak itu sehingga menyaksikan beliau lebih kaku untuk mengimbangi lawan pada pusingan kedua," jelas jurulatih lawan pedang negara, Rocky Poerwinata.

Katanya, sekalipun pertemuan itu merupakan kali pertama bagi Mohd. Yunus berdepan dengan corak pemain Afrika, namun beliau telah berjaya mempamerkan perlawanan yang seimbang.

Jurulatih itu mengakui, barisan pemedangnya memulakan dengan 'dingin' tetapi semakin yakin apabila memasuki perlawanan peringkat kedua.

"Kita harus akui kehebatan lawan yang jelas lebih kuat dari kita tetapi dengan pengalaman yang diperolehi pada kejohanan ini, para pemain diharap akan menjalani latihan lebih keras lagi jika mahu melangkah lebih jauh," jelasnya.

Sementara itu dalam acara foil perseorangan, dua pemedang negara, Amirul Farmin Jappar

dan Huzaimi Haji Abdul Kassim terpaksa bertarung sesama sendiri selepas menduduki ranking ke-16 dan 17 untuk menentukan kemaraan pusingan kedua.

Huzaimi Kassim yang berjaya mara selepas mengalahkan rakannya pada kedudukan 14 - 13 bagaimanapun gagal menandingi kehebatan yang berada pada ranking pertama dari Mesir, Mohamed Tamer Tahoon dengan kiraan 15 - 1 pada pertemuan di Dewan Sukan Negara King Fahad di sini.

Khairul Qudus Mohd. Roalee juga tewas kepada pemain handalan Kuwait, Mohsen Abdul Shrayen 3 - 15.

Acara foil yang disertai oleh 32 pemedang itu menyaksikan kehebatan kedua-dua pemedang Mesir berjaya melangkah ke peringkat akhir. Bagaimanapun Mohamed Tamer Tahoon tidak menghadapi masalah menewaskan rakannya Magdy Tarek dengan kemenangan 15 - 4 untuk merangkul pingat emas.



BARISAN pemedang negara sebelum memulakan cabaran dalam perseorangan Epee, Sabre dan Foil.



ABDUL HAKIM ketika memberi cabaran pemedang tuan rumah, Majed Al Thbyti dalam perlawanan epee perseorangan.



BARISAN pemedang saber perseorangan, Mohd. Hamiz, Mohd. Yunus dan Yusmarizal.

ARENA SUKAN



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyertai acara senamrobik beramai-ramai sejurus melancarkan Program Mesra Ria Kementerian Pendidikan 2005. - Gambar oleh Masri Osman.

Program Mesra Ria Kem. Pendidikan

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

TEMBURONG 3 April. - Ke arah menjana dan mendukung aktiviti yang menjurus kehidupan sihat di kalangan warga Kementerian Pendidikan, pelbagai kegiatan telah diadakan antaranya ialah Program Mesra Ria.

Program Mesra Ria yang merupakan aktiviti dwitahunan Kementerian Pendidikan telah memilih Padang Kemasyarakatan dan Taman Mini Belalong, Pekan Bangar sebagai tempat perhimpunan bagi menjayakan program

berkenaan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Program Mesra Ria Kementerian Pendidikan 2005.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

Atur cara Program Mesra Ria selama setengah hari itu termasuklah senamrobik beramai-ramai yang disertai oleh Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan serta

pegawai-pegawai dan guru-guru Daerah Temburong.

Bagi memeriahkan lagi program tersebut pelbagai acara sukan telah disusun antaranya ialah perlawanan bola sepak yang dibukakan kepada peserta lelaki dan perlawanan bola jaring bagi peserta wanita.

Dari Padang Kemasyarakatan, Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan dan rombongan meneruskan program tersebut dengan membuat lawatan ke Kampong Senukoh dan juga berkesempatan untuk menyaksikan sendiri cara pembuatan amping oleh para penduduk. Di sebelah tengah

hari pula acara diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar.

Program Mesra Ria pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong yang disertai oleh kira-kira 400 orang pegawai, kakitangan dan guru-guru daripada 17 buah sekolah di Daerah Temburong.

Antara tujuan program tersebut ialah bagi mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan warga Kementerian Pendidikan dalam sama-sama mendukung projek kesihatan, meningkatkan perasaan kekitaan dan memperluaskan budaya pemedulian di kalangan warga Kementerian Pendidikan.

NBT taja tiga atlet ke Olimpik Khas Climbato

MUKIM KILANAS, 30 Mac. - Olimpik Khas Brunei Darussalam menerima tajaan dari NBT (Brunei) Sendirian Berhad bagi penyertaan tiga atlet ke Olimpik Khas Ke-3 Climbato Gunung Kinabalu, Sabah, berlangsung di Pusat Ehsan, Kampong Bengkurong.

Tajaan berupa cek berjumlah B\$4,984.00 itu diterima oleh Pengurus Pusa Ehsan, Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Mohd. Yassin dari Awang Haji Shahrudin bin Haji Kadir, Pengurus Umum Bahagian Pemasaran NBT untuk menampung kesemua kos perbelanjaan pasukan yang akan menyertai Climbato tersebut.

NBT juga turut menaja kos penerbangan untuk empat krew Radio dan Televisyen Brunei yang akan membuat liputan penggambaran penglibatan atlet-atlet berkenaan di acara itu nanti.

Acara bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh Olimpik Khas Malaysia dan berlangsung pada 31 Mac hingga 3 April 2005 di Kota Kinabalu disertai oleh 70 atlet kesemuanya pendaki baru.

Atlet Negara Brunei Darussalam yang akan mengambil bahagian ialah Awang Md. Affizul Suhaili, Awang Shaiful Rizal Haji Nordin dan Awang Ahmadi Awang Suhaimi, seorang pelajar Sekolah Menengah Awang Semau.

Komiti Olimpik Khas Brunei Darussalam ialah sebuah badan sukarelawan yang didaftarkan secara rasmi pada 11 Mac 2004 dan telah diiktiraf dengan rasminya oleh Persatuan Olimpik Khas

Oleh
Azrin Haji Hassan

Sedunia pada 1 Ogos 2004.

Ia ditadbir oleh sebuah lembaga yang diketuai oleh Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin selaku Pengerusi, termasuk ahli-ahli Pusat Bahagia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Pusat Ehsan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika melancarkan Kempen Marathon Brunei 2005. Majlis berlangsung di Dewan Berkshire, Jerudong Park and Country Club. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Peserta Brunei gondol kejuaraan Lumba basikal di Miri

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

PELUMBA-PELUMBA basikal gunung dari negara ini menjuarai semua kategori di Perlumbaan Cabaran Basikal Gunung Borneo Piala Soon Hup (Soon Hup Trophy Borneo Mountain Bike Challenge) yang diadakan di Miri, Sarawak minggu lalu.

Bagi kategori terbuka, Johan, Mohammad Raihan Abd. Aziz dari Brunei Darussalam mengecewakan pelumba harapan dari Kuching, Syamsul Alias Hamdan dan ketiga disandang oleh Mohd. Norazizul Awang, seorang lagi peserta Brunei Darussalam.

Pada kategori ini di awal-awal perlumbaan yang dijalankan sebanyak 15 pusingan, satu pusingan hanya sejauh 1.5 kilometer, tiga pelumba Brunei Darussalam mendahului perlumbaan bersama seorang pelumba Kuching, namun kerana keletihan disebabkan meredah bukit yang curam, hanya Mohd. Raihan terus unggul di depan meninggalkan pesaingnya hingga ke pusingan penamat.

Dengan menerima

wang tunai RM500.00 bersama piala rebutan, ini adalah kali keempat pelumba-pelumba dari negara ini menjuarai Piala Soon Hup setelah Chieng Chiew Lee juara tahun 2002, Chung Kwei Meng 2003 dan tahun lalu dijuarai oleh Mohd. Rafiuddin Zakaria.

Sementara dalam kategori veteran, juara ialah Zakaria Haji Abu Bakar; kedua, Haji Osl Mohd. Nor kedua-duanya dari Brunei Darussalam dan ketiga,

BENGKURONG - Kejayaan tiga orang atlet Olimpik Khas dari Pusat Ehsan yang berjaya menawan Gunung Kinabalu di Sabah, Malaysia pada awal bulan ini merupakan cabaran pada kita yang sempurna kerana mereka berani menahuti cabaran meskipun dalam keadaan demikian.

Berikutan kejayaan mereka Majlis Kesyukuran telah diadakan di Pusat Ehsan, Kampong Beng-

Wong Siew Ming dari Miri, Juara menerima wang tunai RM300.00.

Manakala dalam kategori remaja 16 tahun ke bawah, johan ialah Mohd. Norhaimin Awang dari Brunei Darussalam; kedua peserta dari Bintulu, Selvester Ding dan Ossowodeg Khairulnabi juga dari Brunei Darussalam. Juara juga menerima RM300.00.

Perlumbaan yang dianjurkan oleh Kelab Basikal Gunung Miri menarik minat hampir 100 pelumba dari Kuching, Bintulu, Sibul, Miri dan Negara Brunei Darussalam yang dibahagikan kepada Kategori

Terbuka, Veteran dan Remaja Junior.

Kejohanan tahunan itu mendaki bukit curam, menurun bukit tajam, pasir dan jalan tanah kuning kesemuanya menguji ketahanan mental dan fizikal peserta di mana setiap kategori tidak semua peserta berupaya menamatkan perlumbaan tambahan lagi dengan cuaca panas dan beberapa kesilapan teknik perlumbaan oleh pihak penganjur.

Hadiah disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan Soon Hup, Yang Berbahagia Datuk Peter Chia.

Berjaya menawan Gunung Kinabalu

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

kurung bagi mengucapkan syukur di atas semangat dan kecekalan mereka untuk mendaki gunung tersebut hingga ke puncak.

Mereka yang diraikan itu ialah Ahamadi Awang Suhaimi, 22 tahun; Saiful

Rizal Haji Nordin, 23 tahun dan Mohd. Affizul Suhaili, 16 tahun. Ketiga-tiga peserta ini merupakan orang kurang upaya.

Pemergian mereka ke Sabah bagi mendaki gunung tersebut diketuai oleh Pengarah Sukan

dianjurkan di negara ini dan akan melalui beberapa kawasan mercu tanda seperti Universiti Brunei Darussalam, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar dan Jerudong Playground serta Empire Hotel and Country Club.

Marathon Brunei pertama itu bukan sahaja akan tercatat dalam kalendar tahunan Negara Brunei Darussalam malahan juga kalendar antarabangsa bagi acara tersebut.

Sehubungan itu Kempen Pelancaran Marathon Brunei 2005 telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berlangsung di Dewan Berkshire, Jerudong Park and Country Club.

Awang Haji Jemat

Olimpik Khas, Awang Ali bin Haji Ismail dan dua orang pegawai bersama tiga orang pengiring.

Pemergian empat hari itu juga disertai oleh 70 orang atlet Sukan Olimpik Khas dari Malaysia yang juga sebagai penganjur cabaran itu dan merupakan cabaran yang ketiga kali seumpamanya, tetapi bagi rombongan 70 orang itu merupakan pendakian pertama kali.

menjelaskan acara itu adalah bertepatan dengan tahun antarabangsa bagi sukan dan pendidikan jasmani yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau percaya sukan seperti itu akan dapat memupuk hubungan dan persahabatan yang baik di kalangan para peserta sama ada dari dalam atau luar negeri.

Marathon Brunei 2005 menawarkan hadiah wang tunai US\$300,000.00 dan sesiapa yang ingin menyertai acara tersebut boleh mengisi borang penyertaan dan butiran lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman web www.brunei-marathon.com atau hubungi pihak pengatur melalui talian telefon +673-2650311.

Kategori yang akan dipertandingkan termasuklah marathon penuh sejauh 42 kilometer (km), 3/4 marathon 33 km, veteran 21 km, penuntut juga 21 km dan bagi pelari yang hanya untuk sukanya sahaja 5.5 km. Kategori istimewa bagi pelari tempatan juga dibukakan sejauh 42 km dan 33 km.

Setiap penyertaan dalam acara Marathon Brunei 2005 akan dikenakan bayaran mengikut kategori yang telah ditentukan oleh pihak penganjur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap TYT Viadimir Nikolaevich Mokozya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Russia (atas kiri) dan TYT Andrew John Forbes Caie, Pesuruhjaya Tinggi British (atas kanan) yang akan menamatkan perkhidmatan.



Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap perpisah tamat perkhidmatan bagi dua perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam. Majlis Mengadap diadakan di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Viadimir Nikolaevich Mokozya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Russia ke Negara Brunei Darussalam. Tuan Yang Terutama menetap di Kuala Lumpur dan akan menamatkan perkhidmatannya pada tahun ini.

Baginda juga berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Andrew John Forbes Caie, Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam. Tuan Yang Terutama Andrew Caie juga akan menamatkan perkhidmatannya pada tahun ini setelah berkhidmat ke negara ini sejak tahun 2002.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat ke Istiadat Perkahwinan

Oleh Aliddin Hj. Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

JERUDONG, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menghadiri Istiadat Perkahwinan anakanda perempuan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamidah Jamalul Bulqiah dengan anakanda lelaki Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Kebangkitan baginda di kediaman pengantin lelaki di Kampong Telanai dijunjung oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Juga berangkat ke istiadat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Juga berangkat putera-puteri, puteri-puteri dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain-lain kerabat diraja.

Bagi memberkati istiadat tersebut, doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

oleh Kadi Besar, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha kemudian berkenan berangkat menghadiri Istiadat Bersanding di kediaman pengantin perempuan di Jerudong.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di kediaman pengantin perempuan di Jerudong dijunjung oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati.

Juga berangkat ke istiadat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Mulia Datin Hajah Faizah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Juga berangkat putera-puteri, puteri-puteri dan adinda-adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain-lain kerabat diraja.

Pasangan mempelai seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Bagi memberkati istiadat tersebut, doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Isteri Panglima ATM mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Istana Nurul Iman di sini.

Yang Berbahagia Puan Sri Datin Seri Hajah Rasiyah Mohd. Noor berada di negara ini bagi menyertai suaminya, Panglima ATM, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato Paduka Seri Haji Mohd. Zahidi Haji Zainuddin. Beliau yang membuat lawatan perpisahan ke negara ini akan menamatkan perkhidmatan sebagai Panglima ATM.

Di Majlis Mengadap itu Yang Berbahagia Puan Sri Datin Seri Hajah Rasiyah diiringi oleh isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang Berbahagia Puan Sri Datin Seri Hajah Rasiyah Mohd. Noor, isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia di Istana Nurul Iman.

Darussalam, Datin Wan Kamariah Wan Abdul Rahman; isteri Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Datin Rohani Ali dan isteri Penolong Ketua Staf

Operasi dan Latihan, Puan Azmi Abdullah.

Hadir sama di Majlis Mengadap ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengi-

ring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnan dan isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Datin Hajah Kalshom.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah ketika berangkat ke istiadat Perkahwinan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamidah Jamalul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier (atas kiri dan kanan).



لازيمكن دان بايقكن ممباچ صلاوة
LAZIMKAN DAN BANYAKKAN MEMBACA SELAWAT

ترتيبكن اوله جيانن فرافغن. جيانن فردان منقري دان دجيتق اوله جيانن فرچيتقن كراجان. جيانن فردان منقري. نكارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.